



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 32

Khamis

18 Julai 2019

K A N D U N G A N

USUL MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 13)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 45)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 45)
USUL-USUL MENTERI KEEWANGAN: - Akta Pendanaan Kerajaan 1983 - Akta Kastam 1967	(Halaman 96) (Halaman 112)
USUL MENARIK BALIK USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI	(Halaman 120)
USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI: Pelantikan Ahli Jawatankuasa Pemilih	(Halaman 120)

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Khamis, 18 Julai 2019

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

USUL

**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA
RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

10.04 pg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan;

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon untuk menarik balik D.R. 23/2019 Rang Undang-undang Mata Wang 2019 dan D.R. 24/2019 Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2019 seperti yang tertera di nombor 2 dan 3 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.”

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MENTERI BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi menangani masalah kesihatan mental rakyat Malaysia yang semakin membimbangkan agar masalah tersebut dapat dikurangkan selari dengan visi Kementerian Kesihatan untuk melahirkan suatu masyarakat yang seimbang dan sihat dari segi psikologi.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tampin. Mutakhir ini cabaran untuk kita terus menangani masalah kesihatan mental semakin meruncing khususnya dengan beberapa kejadian bunuh diri khususnya di kalangan remaja dan

mutakhir remaja di Kuching, Sarawak apabila kegiatan bersabitan dengan *Instagram* yang berakhir dengan beliau membunuh diri.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tegaskan tiga pendekatan yang di ambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang bersabit dengan usaha-usaha kita untuk menangani masalah kesihatan mental berteraskan pertamanya aspek kesedaran kesihatan mental, aspek kesedaran itu sendiri. Kedua, aspek pencegahan penyakit mental, pengesanan awal dan rawatan. Ketiganya melalui kolaborasi antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan di samping juga kita telah menetapkan dan merumuskan sebuah *National Strategic Action Plan* untuk *Mental Health 2019–2025* yang bakal kita lancarkan pada bulan September 2019 ini.

Aktiviti-aktiviti kesedaran kesihatan mental melalui kempen seumpama Kempen Cara Hidup Sihat yang memfokus kepada menangani *stress*. Aktiviti-aktiviti dilaksanakan melalui sambutan Hari Kesihatan Mental meliputi kem-kem kesihatan, pameran dan sebagainya dan ini adalah kita wujudkan dalam laman web portal *MyHealth.gov.my* yang memuatkan maklumat tepat tentang topik-topik kesihatan mental.

Keduanya, melalui Program Kesihatan Kesedaran Mental Komuniti, perkhidmatan kesihatan mental di klinik-klinik kesihatan dilaksanakan secara *integrated*, perkhidmatan ini juga meliputi aktiviti promosi dalam pengesanan awal melalui saringan untuk mengesan awal tahap *stress*, keresahan atau *anxiety* dan kemurungan *depression* serta individu yang berisiko mengalami masalah kesihatan mental di kalangan masyarakat serta intervensi khususnya kelompok-kelompok yang menjadi *high risk group*, dengan izin.

Ketiga, Kempen Kesedaran Kesihatan Mental Nasional khususnya dengan program yang akan kita lancarkan di bulan Oktober, '*Let's Talk Malaysia*' merupakan satu inisiatif baru yang akan dikendalikan setiap bulan Oktober dengan penglibatan beberapa agensi kerajaan dan NGO bagi membina kesedaran rakyat mengenai kepentingan kesejahteraan dan kesihatan mental.

Aspek kedua adalah aspek pencegahan penyakit mental, pengesanan awal dan rawatan dan aspek ketiga itu adalah melalui kolaborasi antara agensi kerajaan dan bukan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana jawapan itu. Kalau kita dapati bahawa sakit mental akan menjadi masalah kesihatan kedua terbesar menjelang tahun 2020 bagi rakyat Malaysia. Satu kajian yang dibuat oleh profesor daripada Universiti Malaya yang mengatakan bahawa

penyakit mental semakin ketara di negara ini perlu mendapat perhatian yang serius. Malahan beliau mengatakan bahawa bagi 10,000 orang pesakit mental, maka memerlukan seorang doktor untuk mengaturkan rawatan.

Jadi soalan saya ialah apakah usaha kementerian untuk mengurangkan stigma masyarakat berkenaan pesakit mental dan yang keduanya berapakah peruntukan yang kementerian akan dan telah salurkan menangani masalah kesihatan pesakit mental.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Tampin. Satu daripada perkara yang kita kesan awal dalam meneliti masalah ini adalah apa yang diistilahkan sebagai stigma ataupun pandangan yang negatif terhadap pesakit-pesakit yang dikatakan punya pesakit mental.

■1010

Lalu pertama yang kita perlu tekankan Tuan Yang di-Pertua, adalah untuk dilakukan seperti mana yang telah saya sebutkan tadi *Let's Talk Malaysia* itu, mahu kita jadikan satu perbualan nasional (*national conversation*), dengan izin. Di mana akan dapat kita ketengahkan bahawa persoalan penyakit mental ini bukan hanya daripada sudut penyakit mental *illnesses* itu sahaja, yang jelasnya seperti neurosis dan psikosis yang agak – itu memang sudah jelasnya penyakit seperti itu . Akan tetapi yang dimaksudkan ialah yang lebih mencabar lagi adalah apa yang diistilahkan sebagai *mentally health challenges* dengan kata lain dalam kategori *depression*, kemurungan, *anxiety* (keresahan) dan juga stres yang mana inilah yang menjadi cabarannya.

Kalau kita perhatikan dalam *The National Health Morbidity Survey 2017*, kita dapati bahawa penyakit di kalangan umur 13 tahun hingga 17 tahun itu, *depression* ini sudah sampai ke peringkat – kalau lelaki, hampir 42 peratus manakala wanita 37 peratus untuk *anxiety*. Kalau dalam bentuk *depression*, adalah 17.7 peratus hingga 18.9 peratus di kalangan lelaki dan 17 peratus di kalangan wanita. Lalu dengan kata lain, andainya kalau *mental challenges* ini tidak ditangani, lalu pastinya akan berlaku – terkesan, yang dimaksudkan dengan kebolehan untuk menjalankan kegiatan sehari-hari. Apa yang dikatakan dengan *depression* itu adalah mengikut takrifan kami adalah 14 hari kalau tidak boleh menjalankan tugasan-tugasan harian.

Lalu cabarannya adalah sangat besar untuk *mental health* ataupun masalah mental ini ditangani dengan lebih bersifat – punya satu *action plan*. Di sinilah kami telah turunkan satu *action plan* yang bersifat nasional untuk tahun 2019 hingga tahun 2025 dan dirangkumkan sekali peruntukan sebagaimana yang diminta dan juga pendekatan-pendekatan yang akan dapat sekali gus merangkumi kesemua permasalahan ini, Tuan

Yang di-Pertua. Begitu sahaja yang dapat saya muatkan dalam jawapan ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Stigma *mental illness*, Yang Berhormat Menteri ada atau tidak kajian yang dibuat terhadap penyakit-penyakit mental yang datang ini? Mereka ini apabila disebut rujuk ke Tanjung Rambutan, rujuk ke Tampoi, mereka takut hendak datang. Adakah Yang Berhormat Menteri setuju supaya kita mengatakan *wellness center* di setiap hospital yang biasa dan klinik kesihatan yang mengandungi pakar-pakar? Ini tentu sekali akan membantu kerana ia tidak melibatkan ketakutan untuk pergi.

Ini seperti *panic attack* seperti di Pasir Gudang. Berapa ramai yang kena *panic attack* di Pasir Gudang tetapi adakah mereka dapat rawatan yang sebenarnya? Ini kerana kalau mereka dirujuk ke Tampoi, dirujuk ke Tanjung Rambutan, mereka akan takut untuk hadir. Ada atau tidak kajian Yang Berhormat Menteri buat berapa ramai yang sanggup datang ke hospital kerana mereka tidak dikatakan sebagai *mental illness*?

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat Tenggara. Saya kira Yang Berhormat Tenggara sangat peka dengan permasalahan ini kerana tahu akan gejala-gejala yang sebenarnya meliputi dan menyelubungi masalah ini. Persoalan stigma atau berpandangan buruk terhadap mereka yang mengalami gangguan kemurungan, *anxiety* dan juga stres termasuk tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tenggara dalam apa yang dipandang dalam kes *panic attack* di Pasir Gudang baru-baru ini juga.

Keseluruhan perkara itu tidak dapat kita atasi kecuali kalau ada kesediaan dan kesedaran rakyat untuk melihat bahawa sesiapa pun boleh sahaja terkena persoalan *mental challenge* ini. Ia bukan satu penyakit seperti psikosis dan neurosis yang akibatnya orang kata kalau sudah masuk Tampoi, sudah masuk Tanjung Rambutan, itu sudah semacam dia di-condemn. Jadi oleh kerana itu ... [Disampuk]

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Penyakit gila.

Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad: Ya. Jadi oleh kerana itu, sangat mustahak supaya kita wujudkan satu apa yang dikatakan program kami nanti, *Let's Talk Malaysia*. Mari kita berbicara tentang kesihatan mental ini yang secara langsung akan dapat kita fahami bahawa kategori-kategori penyakit mental ini bukanlah seperti mana yang selama ini dianggap psikosis dan neurosis, *bipolar*, *schizophrenia* dan *obsessive compulsive disorder* dan yang berat-berat itu. Oleh sebab apa? Mana yang berat-berat itu memang jelasnya ada dalam kategori itu tetapi yang dimaksudkan hari ini, yang

mengganggu kebanyakan kita dan sesiapa pun boleh terkena akan *disorder* itu adalah apa yang dikatakan sebagai *depression*, *anxiety* dan stres yang sekali gus akan menjelaskan seseorang itu daripada melakukan kerja sehariannya.

Selama 14 hari kalau kita tidak dapat menjalankan tugas kita seharian, sudah dianggap secara *technically* takrif kita adalah dalam satu kategori sama ada *depression*, *anxiety* atau *stress*. Lalu kita sebenarnya memerlukan rawatan, kita memerlukan kepada *clinical psychologies*. Kalau tidak pun, *psychiatrist* untuk kita dapatkan rawatan itu. Ini perkara yang saya rasa cabaran kepada kami di KKM. Saya sebagai Menterinya untuk membolehkan rakyat *come out*, jadikan *conversation* ini satu perkara yang merupakan benda yang biasa dan setiap seorang daripada kita mungkin terkena akan cabaran ini.

Jadi kalau kita sudah *destigmatize*, kalau kita sudah hilangkan stigma itu ataupun apa yang diistilahkan melalui stigma ini apa, stigma ini maksudnya ialah pandangan-pandangan buruk itu lalu kita akan bersedia untuk menjadikan ia satu perbualan nasional, *the national conversation*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tenggara.

2. Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah ada ancaman terhadap kesihatan atau keselamatan yang timbul daripada menara-menara telekomunikasi dan radiasi pemancar sekiranya menara tersebut diletakkan di lokasi-lokasi yang berhampiran dengan kawasan-kawasan perumahan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada sahabat saya daripada Petrajaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, teknologi komunikasi mudah alih ini, ia menggunakan frekuensi radio yang tergolong di dalam kategori sinaran tidak mengion. Maknanya *non-ionizing radiation (NIR)* iaitu tidak mempunyai tenaga yang mencukupi untuk memecahkan atau mengganggu struktur molekul atau sel dalam tubuh badan manusia. Pendedahan berterusan Tuan Yang di-Pertua, terhadap NIR hanya boleh menyebabkan kesan pemanasan dan itu Yang Berhormat tidak mencukupi untuk mengakibatkan sebarang kerosakan jangka panjang pada tisu-tisu badan.

Kajian-kajian yang telah dijalankan setakat ini Tuan Yang di-Pertua, mendapati bahawa pendedahan terhadap medan elektromagnet frekuensi radio or *radio-frequency electromagnet field (RF-EMF)* adalah di bawah had yang disyorkan dalam garis panduan oleh *International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection* dan juga standard

mandatori untuk pancaran elektromagnet daripada infrastruktur radio komunikasi. Frekuensi radio Yang Berhormat, juga mempunyai tenaga lebih kurang 1,000 kali lebih rendah jika dibandingkan dengan tenaga daripada matahari walaupun kedua-duanya dalam kategori sinaran tidak mengion. Sinaran X-ray Tuan Yang di-Pertua, mempunyai tenaga 1,000 kali lebih ganda tenaga sinaran berbanding dengan matahari di mana senarai X-ray dikategorikan di bawah sinaran mengion juga. Sinaran mengion mempunyai tenaga yang cukup untuk mengakibatkan kerosakan jangka panjang pada tisu-tisu badan.

Melalui pengujian terhadap pancaran radio frekuensi yang dijalankan oleh Agensi Nuklear Malaysia di seluruh negara pula, adalah didapati bahawa tahap pancaran RF di kawasan sekitar puncak komunikasi adalah amat rendah dan berada di tahap yang selamat iaitu kurang daripada dua peratus, Tuan Yang di-Pertua. Kadar pancaran RF ini mematuhi standard mandatori bagi emisi elektromagnet daripada struktur radio komunikasi yang telah ditetapkan dan tidak berupaya untuk membawa risiko kesihatan kepada masyarakat sekitar termasuklah golongan warga tua mahupun juga kanak-kanak, Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, kementerian melalui SKMM terus membuat pemantauan ke atas tahap radiasi yang dipancarkan oleh pemancar komunikasi di Malaysia. Bagi pembinaan menara komunikasi sama ada di bandar atau luar bandar Tuan Yang di-Pertua, pembinaan tersebut hendaklah berpandukan kepada apa yang disebut sebagai Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Pemancar Komunikasi yang telah pun ditetapkan oleh KPPT dan terletak di bawah bidang kuasa PBT di setiap negeri.

Garis panduan tersebut menyatakan keperluan jarak anjakan dengan had ketinggian tertentu, keperluan keselamatan seperti pagar dan juga langkah-langkah penstabilan cerun serta aspek-aspek lain yang perlu dipatuhi oleh syarikat penyedia perkhidmatan.

■1020

Mengikut garis panduan tersebut Tuan Yang di-Pertua, kesesuaian jarak minimum bagi pembinaan menara pemancar komunikasi yang ditetapkan bagi menara dan juga bangunan kediaman terdekat adalah di antara 20 meter sehingga 30 meter Tuan Yang di-Pertua, mengikut ketinggian menara tersebut. Ia bagi memenuhi keselamatan fizikal para penghuni di sekeliling dan keperluan estetika bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, pembinaan menara telekomunikasi turut merujuk kepada piawaian keselamatan antarabangsa dan amalan keselamatan *Technical Standards and Infrastructure Requirements: Radiocommunications Network Infrastructure* di bawah

SKMM. Piawaian teknikal ini menetapkan keperluan pematuhan terhadap *Malaysian Standard, British Standard*, piawaian *European Telecommunications Standards Institute* serta kepada amalan-amalan kejuruteraan lain ataupun *respective engineering practices* dalam pembinaan menara-menara pemancar komunikasi.

Dari sudut kesihatan Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan melalui SKMM telah menentukan *standard mandatory* untuk pancaran medan elektromagnet daripada *infrastructure* radio komunikasi di mana pihak penyedia rangkaian hendaklah mematuhi had dedahan ataupun apa yang disebut sebagai *exposure limits* yang telah pun ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Menteri. Saya boleh rumuskan mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa ia tidak memberi ancaman dari sudut keselamatan dan juga kesihatan, asalkan kita mematuhi garis panduan yang disediakan.

Cuma cabaran sekarang ini, kalau kita melihat Malaysia, malahan negeri Sarawak khususnya, kita sedang beralih kepada *digital economy* dan kita hendak beralih kepada *smart city* dan juga *intelligent transportation system* yang mana bergantung banyak kepada kecekapan dan juga ketepatan dari segi *connectivity* khususnya komunikasi. Oleh sebab itu, lebih banyak saya kira pencawang ataupun *tower* yang akan didirikan.

Jadi, apakah usaha kementerian, mungkin bersama dengan Kementerian Sains dan Teknologi iaitu Agensi Nuklear Malaysia untuk memberi penerangan kepada rakyat keseluruhannya bahawa apa yang dilaksanakan dari segi *tower* ini sebenarnya tidak memberi ancaman dari segi sudut keselamatan? Ini diperlukan. Kalau tidak, masih banyak berlaku protes daripada rakyat. Ini termasuk wakil-wakil rakyat bersama dengan rakyat memprotes pembinaan *towers* ini.

Jadi, apakah perancangan kementerian? Apakah akan menggerakkan lebih aktif lagi dan lebih agresif bersama dengan Agensi Nuklear Malaysia untuk memberi penjelasan bahawa perkara ini adalah selamat daripada sudut kesihatan? Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Petrajaya. Soalan yang sangat penting. Yang Berhormat, saya telah pun beberapa hari yang lalu di dalam Dewan ini membuat rujukan kepada teknologi 5G. Saya rasa itu adalah dasar di atas mana kita boleh mewujudkan *smart city* dan sebagainya. Kita kena terima hakikat Yang Berhormat bahawa dunia ini sekarang menuju ke arah itu dan itu adalah wajah ekonomi dunia yang akan datang dalam masa yang terdekat ini.

Saya juga telah pun menyatakan dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua bahawa kementerian saya sekarang dalam proses mengadakan satu projek rintis di Putrajaya dan Cyberjaya berkenaan dengan 5G. Satu daripada aspek yang kita memberi penekanan Yang Berhormat adalah berkenaan dengan keselamatan khususnya sekiranya kita mewujudkan ekosistem yang menggunakan teknologi 5G. Ia juga melihat kepada teknologi-teknologi lain yang akan kita lihat dalam masa depan dan juga teknologi-teknologi yang sedia ada.

Yang Berhormat, susulan daripada kajian ini, kita akan menyediakan satu laporan dan laporan itu akan juga merangkumi perkara keselamatan. Daripada situ, kita akan mengemukakan cadangan untuk polisi-polisi atas mana kerajaan akan melaksanakan teknologi-teknologi baru ini. Salah satu daripada perkara yang kita akan lihat adalah bagaimana kita boleh memberikan penerangan yang mencukupi kepada masyarakat ramai berkenaan dengan apakah sebenarnya cabaran-cabaran menggunakan teknologi yang baru ini. Ini termasuk juga perkara-perkara keselamatan.

Saya cukup setuju bahawa ini adalah satu perkara yang dilihat secara khusus oleh masyarakat ramai. Ini adalah satu perkara yang kita perlu memberikan fokus dan saya memang setuju bahawa kita perlu melihat kepada perkara itu. Kita dalam proses dan saya harap dalam akhir tahun ini, kita boleh sediakan laporan. Apabila disediakan, kita akan mengumumkan sebenarnya apakah hasil laporan itu, apakah polisi yang kita cadangkan dan dalam masa yang sama, kita akan memberikan penerangan berkenaan dengan isu-isu yang termasuk juga isu keselamatan di dalam perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu, sama ada ada dalam makluman Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan kajian yang dibuat oleh Profesor Bersekutu Fakulti Perubatan UiTM, Profesor Madya Dr. Adlina Suleiman yang dapatannya mengatakan bahawa penduduk di Taman Subang Utama, Kelana Jaya berdekatan dengan menara telekomunikasi mengalami penyakit-penyakit pelik seperti kayap, ketumbuhan dan juga kanser di kalangan penduduk tersebut.

Apakah hal tersebut dalam makluman Yang Berhormat Menteri? Ini terdapat dalam *blogspot* Dr. Hamidah. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, perkara itu boleh dibawa kepada rujukan saya pasal saya tidak dapat lihat apakah sebenarnya *blog* yang dinyatakan.

Akan tetapi seperti mana yang saya sebut tadi, kita sekarang mempunyai *group* yang melaksanakan projek rintis ini. Di dalam *group* itu, kita mempunyai lebih kurang 110 pihak yang mengambil bahagian. Ini termasuk daripada pihak-pihak akademia dan juga pihak-pihak profesor dan sebagainya yang melihat kepada isu keselamatan dan sebagainya. Jadi mereka sekarang dalam proses berbincang setakat mana ada isu keselamatan dan apakah yang seharusnya kita laksanakan.

Saya memang menerima apa-apa cadangan sekiranya ada kemosyikilan ataupun perasaan waswas yang ditimbulkan melalui rencana itu, bawa ke hadapan. Sekiranya boleh, kita juga akan menjemput profesor ini supaya boleh memberi pendapat dan pandangan di dalam *group* yang telah kita sediakan.

Ini kerana apa yang kita hendak adalah kita hendak menerima semua aduan dan semua pandangan daripada semua pihak baik pihak akademia, profesor, pihak ekosistem dan sebagainya. Jadi ini adalah satu perkara yang boleh dibawa ke depan dan saya akan minta supaya *group* kita melihat juga kepada aduan itu. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

3. Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan Malaysia memiliki sumber kekayaan dari pelbagai jenis mineral dan yang terkini dipercayai negara juga berpotensi mengeluarkan '*Rare Earth*' (RE) yang begitu bernilai ekonomi. Apakah langkah-langkah kementerian untuk membangunkan potensi baru ini. Apakah perlu ditubuhkan entiti atau organisasi baru untuk memberi lebih fokus kepada usaha ini supaya lebih efektif.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Dr. Xavier Jayakumar]: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Kita sedia maklum bahawa Malaysia mempunyai pelbagai mineral seperti bijih timah, bijih besi, emas, magnesium, pasir silika, kaolin, arang batu dan lain-lain yang nilai keseluruhannya adalah RM732 bilion. Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian KATS sedang giat menjalankan eksplorasi mineral bagi mengenal pasti kawasan-kawasan berpotensi mineral.

Untuk makluman Dewan, sekarang di negara kita, deposit mineral, anggaran reserve timah sahaja di Malaysia ialah 1.3 juta tan yang bernilai hampir RM83.6 bilion. Begitu juga dengan bauksit, tembaga (*copper*), emas, bijih besi, *nickel* dan juga magnesium. Kalau kita mengadakan proses yang terkini untuk guna pakai *resources* ini, kita boleh dapat meningkatkan ekonomi negara kita.

Saya juga hendak beritahu kepada Dewan, keputusan awal kajian menunjukkan beberapa kawasan seperti di Tanah Merah dan Jeli di Kelantan; Jerai, Baling dan Kulim

di Kedah; Kati, Terung dan Gerik di Perak; Muar di Johor; serta di Simunjan dan juga Semantan di Sarawak mempunyai potensi sumber mineral yang mengandungi *rare earth elements* dan berpotensi dibangunkan.

Kementerian juga sedang mengkaji dasar dan perundangan mineral supaya pembangunan sumber *rare earth* ini dibuat menggunakan amalan perlombongan yang terbaik dan mapan. Selaras dengan usaha untuk membangunkan sumber mineral sebagai salah satu sumber ekonomi baru kepada negara, KATS sedang mengkaji cadangan penubuhan Lembaga Pembangunan Mineral Malaysia ataupun *the Mineral Board* yang akan berperanan memacu pembangunan dan tadbir urus industri mineral secara khusus dan holistik termasuk kawal selia industri tersebut. Kementerian percaya dengan penubuhan lembaga ini, sumber asli negara dapat dibangunkan pada tahap yang lebih baik serta dapat menjana sumber ekonomi baharu negara.

■1030

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih. Fakta. Menteri Pembangunan Usahawan mengatakan dalam masa 10 tahun lagi industri unsur nadir bumi ataupun *rare earth* ini adalah lebih kurang SGD33 bilion ataupun RM1 trilion. Maka, bagaimakah kerajaan ataupun KATS dapat memberi jaminan kawalan yang menyeluruh serta teratur bagi mengelakkan kesan negatif terhadap kelestarian alam, kepelbagaian biodiversiti di merata tempat? Yang keduanya, bagaimakah perancangan kerajaan untuk memastikan hasil ini dapat memberi manfaat kepada usahawan-usahawan kecil dan rakyat?

Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih. Memang betul ya *rare earth* ini dalam 10 tahun dari sekarang kalau kita buat sumbangan kepada negara ialah dekat RM100 bilion. Tetapi kita kena *invest* dengan dana yang besar juga untuk dapatkan industri ini berjalan dengan baik dan juga kita kena bagi perhatian kepada *environment* kita, kepada komuniti di sana dan juga Malaysia keseluruhannya. So, kita akan kaji dan lepas itu—ini ialah satu-satu industri di mana pihak swasta akan main peranan besar di dalam industri ini.

Untuk pengusaha-pengusaha kecil, mereka boleh bersama-sama dengan usaha ini untuk dapatkan data-data yang terkini dari kementerian di mana mineral-mineral ini sudah pun kita tahu ada sekarang di Malaysia dan gunakan data ini untuk kemajuan mereka dan juga untuk kita buat satu sistem yang terbaik untuk negara keseluruhannya.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan mineral ataupun kekayaan yang dianugerahkan di dalam negara kita, sejauh mana

perancangan yang dibuat oleh pihak kerajaan supaya bahan-bahan galian seperti bauksit, manganese dan lain-lain ini diambil daripada bumi kita dan diusahakan di dalam negara kita? Berbanding sebelum daripada ini banyak, sebagai contoh, bauksit dieksport ke China dan negara-negara lain. Sekian, terima kasih.

Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih. Saya hendak beritahu bahawa isu bauksit ini lama telah dibangkit di dalam Dewan ini juga. Sekarang kita ada kefahaman di antara negeri Pahang dengan juga kementerian untuk satu SOP yang ketat. Ia telah pun diusahakan dan disediakan. Dalam tempoh yang terdekat, kita bersama-sama dengan negeri Pahang, kita akan buat pengumuman untuk cara mana untuk kita lanjutkan dengan penggalian bauksit di dalam negeri Pahang.

Satu pembaharuan ialah kita tidak beri peluang untuk bauksit itu diambil sebagai itu sahaja—bauksit ini kalau nampak di mata kita ialah tanah merah—dan dieksport terus. Tidak ada. Sekarang kita akan usaha dan suruh mereka membuat pencucian di sini, selepas itu *bauxite ore* saja yang boleh dikeluarkan.

Begitu juga dengan mineral yang lain yang katakan kalau kita mulakan dengan mineral *rare earth* dan sebagainya, kita hendak adakan *downstream industry* di sini. Kita binakan *downstream industry* di sini. Bukan saja buat galian dan terus jual *raw* macam itu kepada luar negara. So, itu ialah kita kena bekerjasama dengan pihak swasta untuk adakan *capital expenditure* untuk dipastikan ini dilakukan di dalam negara kita.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Sekarang sudah ada kilang?

Dr. Xavier Jayakumar: Belum lagi. Kilang *rare earth* itu belum ada. Bauksit belum lagi juga.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada sikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya lihat ada Yang Berhormat Bentong, Yang Berhormat Pontian berdiri, hendak tanya soalan ya?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas. Di sebelah sana, Yang Berhormat Bentong.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Kalau nadir bumi itu dengan potensi yang begitu besar, saya pun tahu di negara US, negara Eropah dan Jepun, semua ini kaya dengan sumber itu. Australia juga. Kenapa negara-negara yang maju ini tidak ada kilang proses

nadir bumi? Dan kenapa Australia dan Lynas jauh dari *Mount Weld*, 5,000 kilometer dari Kuantan hantar bahan mentahnya ke negara kita dan proses di Kuantan? Saya mahu tanya juga, apa kosnya...

Tuan Yang di-Pertua: Secara ringkas, Yang Berhormat. Ini pertanyaan Menteri. Panjang, saya tidak benarkan.

Tuan Wong Tack [Bentong]: Apa kosnya untuk lulus sisa yang sedia ada di belakang kilang sekarang sebanyak satu juta tan sisa itu?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Xavier Jayakumar: Terima kasih Yang Berhormat Bentong. Saya faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bentong tetapi kita pun kena bagi peluang kepada industri ini dan juga kepada Lembaga Mineral Negara untuk buat kajian dan lepas itu kita boleh buat apa yang terbaik untuk negara kita pada masa ini. Contohnya di Kuantan dan sebagainya sekarang, kita boleh baik pulihkan SOP kita untuk kita bagi prioritiannya kepada keselamatan *environment*, keselamatan komuniti di dalam kawasan itu dan juga macam mana kita hendak meningkatkan pendapatan di dalam negara.

Oleh sebab negara lain tidak buat, itu tidak bermakna Malaysia tidak boleh buat. Sebab kalau kita ikut undang-undang yang kita ada, kita ada peraturan-peraturan yang ketat dan tetap akan digunakan oleh negara kita di sini. Saya ingat kemajuan negara ini di tangan kita dan kita pastikan bahawa ekonomi kita. Tetapi pada masa yang sama, kita bagi perhatian kepada *environment* dan juga komuniti negara kita untuk masa depan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan terakhir, Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pontian dulu. Itu soalan terakhir. Ya, silakan. Secara ringkas.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kalau saya bagi giliran saya kepada Yang Berhormat Bera boleh? Menghormati Ketua Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Bera.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu Lynas seperti yang dibangkitkan merupakan isu besar yang dulunya diperjuangkan oleh pihak Pakatan Harapan. Demonstrasi dan sebagainya kerana alasannya kilang tersebut boleh memberikan kesan kesihatan termasuk kanser dan sebagainya kepada rakyat di Pahang. Sekarang ini kilang itu diteruskan.

Apakah jaminan daripada kerajaan sekarang bahawa isu yang disebut dulu seperti membawa penyakit kanser dan berbagai-bagai penyakit kesan sampingan daripada kilang itu tidak lagi menjadi isu? Maknanya *no more issue* dari segi kesihatan

dan sebagainya. Untuk mencapai ke tahap tersebut, apakah yang telah pun dilakukan oleh kilang tersebut untuk menjamin bahawa tidak ada isu yang berkaitan dengan kesihatan dan sebagainya?

Dr. Xavier Jayakumar: Saya ingat untuk jawab soalan itu, kita telah pun melalui satu *discussion*, diskusi dan juga ada *public hearing* dan sebagainya. Sekarang kita ada ketetapan tentang apa yang kita akan buat dengan Lynas dan Kabinet pun akan buat satu ketetapan, kenyataan di dalam masa tersingkat.

Tetapi di sini saya hendak katakan bahawa kalaulah kita hendak majukan di dalam negara kita, kita boleh gunakan Lynas sebagai satu contoh dan jangan ikutkan contoh itu yang ada di dalam apa yang kita katakan dengan sisa dan sebagainya. Kalau ada sistem yang lebih baik dan kita boleh gunakan sistem itu, *I think there is no problem in what we want to do. So, saya ingat kita kena adakan satu minda terbuka untuk industri ini di dalam negara kita untuk masa depan yang akan datang.*

■1040

Ini kita akan buat dengan kajian-kajian *international* dan di dalam serta dengan universiti dan sebagainya untuk mengadakan satu sistem yang terbaik untuk negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sekarang tamatlah sesi untuk Waktu Pertanyaan Menteri pada hari ini. Terima kasih Yang Berhormat.

[Sesi Waktu Pertanyaan-pertanyaan Menteri tamat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan daripada jumlah permohonan diterima sepanjang tempoh 2013-2018, berapakah permohonan kewarganegaraan yang telah ditolak dan tertunda di bawah Artikel 14(1)(b) Artikel 15(1), Artikel 15(2), Artikel 15A dan Artikel 19? Apakah inisiatif diambil bagi menyelesaikan permohonan yang tertangguh?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah menerima 111,142 permohonan kewarganegaraan Malaysia di antara tahun 2013 sehingga tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26,222 permohonan telah pun ditolak, 54,222 permohonan masih di dalam proses, 24,327 diluluskan dan 6,371 dibatalkan.

Perincian mengikut kategori pemerolehan kewarganegaraan di bawah Perlembagaan Persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) kuat kuasa undang-undang, Perkara 14(1)(b), status tolak 1,140 dan di dalam proses 2,558;
- (ii) pendaftaran 15(1), status tolak 730 dan di dalam proses 5,265;
- (iii) 15(2), ditolak 3,715 dan di dalam proses 4,959;
- (iv) 15A, 10,149 ditolak dan 27,835 di dalam proses;
- (v) Perkara 16, 429 ditolak dan 1,147 di dalam proses; dan
- (vi) peneutralisasian, Perkara 19, ditolak 10,059 dan di dalam proses 12,458. Ini bermakna jumlah ditolak 26,222 dan di dalam proses 54,222 permohonan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap permohonan kewarganegaraan Malaysia diproses berdasarkan Prosedur Pengendalian Standard (SOP) yang diperincikan mengikut peruntukan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964*, dengan izin, serta perundangan berkaitan seperti pendaftaran perkahwinan, kesahteraan anak, peraturan imigresen, pengangkatan dan lain-lain.

Pertimbangan terhadap fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pemohon dilaksanakan dengan teliti secara *case by case* mengikut giliran yang sewajarnya yakni *first in and first out*, dengan izin, sebelum keputusan dikeluarkan. Sebagai salah satu inisiatif untuk menambahbaikkan proses berkaitan dengan penganugerahan kewarganegaraan, kementerian ini sedang memuktamadkan pengemaskinian SOP berdasarkan kepada peruntukan perundangan yang berkuat kuasa serta mengambil kira pelbagai aspek iaitu kebijakan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih atas jawapan yang diberi. Soalan tambahan saya adalah saya dapat banyak kes yang sepatutnya di bawah Artikel 15A tetapi belum memohon lagi kerana tidak menyedari kerana bapa-bapa kepada anak ini belum sedar bahawa mereka harus memohon kewarganegaraan. Ini kerana ia di bawah Artikel 15A. Saya menjangkakan ini amat besar, angka ini kerana saya selalu menerima banyak permohonan melalui saya. Jadi, adakah kementerian sudi menerima secara permohonan berkelompok melalui Ahli-ahli Parlimen atau kena dibuat setiap kes bukan secara berkelompok? Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Okey. Terima kasih dengan soalan tambahan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya Kementerian Dalam Negeri

membuat *awareness*. Akan tetapi, kami akan mempertimbangkan jika permohonan ini diajukan kepada kementerian. Dalam apa hal sekalipun, permohonan kenalah dibuat oleh si pemohon tidak kiralah dalam aspek sama ada ia Perkara 14(1), 15(1) dan sebagainya.

Apa yang penting, permohonan kenalah diajukan kepada kementerian dan kita akan mempertimbangkan. Sekian, terima kasih

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada 111,142 permohonan, 24,327 diluluskan. Dengan lain perkataan 22 peratus lulus menjadi warganegara Malaysia. Saya hendak tanya ialah apakah syarat-syarat utama untuk menjadi warganegara Malaysia? Adakah mereka mestilah dimestikan untuk memahami Perlembagaan Malaysia, menerima Islam sebagai agama Persekutuan, hak-hak istimewa orang Bumiputera dan adakah mereka wajib berbahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan serta fasih berbahasa Melayu. Ini yang ingin saya tanyakan. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan daripada Yang Berhormat Pontian. Sebenarnya saya yakin Yang Berhormat Pontian pun tahu jawapan kepada soalan yang diajukan. Sebenarnya syarat untuk menjadi warganegara di Malaysia ini, syarat-syarat utamanya ialah kenalah mengikut Perlembagaan sebagaimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadi, syarat-syarat itu ada tertulis di sana. Jadi, saya rasa tidak perlu saya elaborate di sini. Jawapan itu ada di dalam perlembagaan kita. Itulah syarat-syarat yang Kementerian Dalam Negeri menguatkuasakan. Terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta satu lagi, ya?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Bagi satu soalan tetapi empat yang bangun? Saya berikan kepada Yang Berhormat Kuala Krai. Silakan.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu dari sudut tadi yang disebutkan Yang Berhormat. Antara syarat ialah mestilah menguasai bahasa Melayu. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah mekanisme yang digunakan untuk menilai penguasaan bahasa Melayu Mereka? Ini kerana penguasaan Bahasa Melayu telah menjadi isu besar bagi rakyat Malaysia pada hari ini sehingga ada isu untuk mendapatkan lesen PSV di kalangan pemandu Grab.

Antara puncanya kegagalan mereka ialah kerana lesen atau ujian ini dilakukan dalam bahasa Melayu. Jadi, ini di antara isu besar yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan. Jadi, apakah ulasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan tersebut. Ya, benar, dari segi soal bahasa ini sebenarnya memang ia di antara ujian-ujian yang kita berikan kepada pemohon-pemohon yang ingin memohon kewarganegaraan di dalam negara kita ini. Akan tetapi, adalah sedikit pengurangan dari segi syarat-syarat itu bila mana kita tahu orang itu dilahirkan atau telah lama berada di Malaysia sejak puluhan tahun.

Jadi, ini di antara perkara-perkara yang telah *pun* sebenarnya diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana mereka-mereka yang berumur 50 tahun ke atas, kalau saya tidak silap, kita berikan kelonggaran dari segi bahasa. Akan tetapi, itulah sebagaimana yang saya sebutkan tadi. Basic bahasa Malaysia itu perlulah ada bagi mereka-mereka yang ingin memohon kewarganegaraan Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Tuan Yang di-Pertua, ini julung kali Tuan Yang di-Pertua sebab melibatkan...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ke boleh lagi Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Sebab kewarganegaraan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan sebenarnya ada empat soalan tambahan.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Akan tetapi, ini melibatkan *at least for Malay, Chinese and Indian-lah*. Bagi satu saja.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, lain kalilah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Ini sebab melibatkan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh! Saya teruskan dengan Dato' Sri Hasan bin Arifin. Silakan.

2. **Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah langkah-langkah Malaysia untuk menangani kesan daripada perang perdagangan antara China dan Amerika?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rompin atas soalan yang berkenaan dengan kesan daripada perang perdagangan antara China dan Amerika Syarikat. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa perang perdagangan yang berlarutan di antara negara China dan Amerika Syarikat. Ini merupakan rakan perdagangan yang terbesar dan juga ketiga terbesar masing-masing kepada negara Malaysia akan mendatangkan kesan negatif dalam jangka masa panjang.

Oleh itu, harapan kita adalah supaya jalan penyelesaian boleh dicari oleh kedua-dua pihak dalam masa yang terdekat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk mengurangkan kesan risiko konflik perdagangan antara Amerika Syarikat dan China ke atas perdagangan dan pelaburan di Malaysia. Antaranya termasuk menyasarkan lebih banyak pelaburan yang berkualiti di Malaysia iaitu pelaburan yang mempunyai nilai tambah tinggi (*high value-added*), berorientasikan eksport, pimpinan pasaran (*market leader*), berteknologi seni, teknologi hijau, teknologi proses ataupun R&D terkini dan juga, mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh serta berjenama global yang berupaya memberikan pulangan maksimum kepada pertumbuhan ekonomi negara serta peluang perniagaan dan pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Antara sumber yang baru bagi peluang pelaburan di Malaysia termasuk Industri 4.0, Ekonomi Digital dan e-Commerce. Pelaburan ini termasuk pelaburan dari syarikat *multi-national* ataupun MNC dan juga syarikat dari negara China.

■1050

Kedua, program-program promosi perdagangan dan pelaburan akan terus diadakan di bandar-bandar *first tier*, *second tier*, dan juga *third tier* dengan izin, di negara rakan dagang utama. Kami juga berhasrat untuk mempelbagaikan lagi rakan perdagangan kami supaya kami tidak terlalu bergantung kepada satu dua negara sahaja. Lain-lain program promosi perdagangan akan diteruskan bagi sektor terpilih termasuk penyertaan dalam pameran antarabangsa ataupun *international exhibition*, Misi Akselerasi Eksport (*Export Acceleration Mission*), program *in-store promotions* dan juga misi perdagangan dan pelaburan ataupun *trade and investment mission*.

Ketiga, beberapa inisiatif sedang diusahakan bagi membantu syarikat atau pelabur asing mencari pengilang kontrak yang bersesuaian di Malaysia bagi tujuan pengeluaran produk-produk mereka di Malaysia. Selain daripada itu, syarikat-syarikat *multi-national* yang berpangkalan di Malaysia juga akan dibantu untuk mengganti import (*import substitution*) melalui *global sourcing* dan *partner development program*. Lain-lain

strategi termasuk menggalakkan lagi penggantian import Amerika Syarikat dengan produk-produk Malaysia; menggalakkan penempatan semula pelaburan (*investment relocation*) syarikat-syarikat sasaran yang terkesan berikutan konflik perdagangan di China dan juga di Amerika Syarikat ke Malaysia; dan juga memudahkan perkembangan ataupun pelaburan semula syarikat-syarikat sedia ada yang ada operasi di Malaysia untuk memenuhi peningkatan import oleh Amerika Syarikat. Terima kasih.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Disebabkan oleh Malaysia banyak buruh-buruh yang mudah didapati, ada kecenderungan untuk kerajaan meluluskan lambakan industri ataupun pelaburan yang *low income economy* yang menyekat kepada pertumbuhan ekonomi negara. Adakah kerajaan lebih tegas untuk menyekat mana-mana *investment* yang dikira *low income economy*, tidak lagi perlu digalakkan di Malaysia ini?

Dr. Ong Kian Ming: Kementerian memang berhasrat untuk menggalakkan *high value added investment* dengan izin, seperti apa yang telah saya katakan tadi. Jadi berdasarkan permohonan FDI yang telah diluluskan pada suku satu 2019, kita memang begitu ketara bahawa permohonan yang masuk ke Malaysia adalah sebahagian besar adalah *high value added* seperti satu syarikat dari Amerika Syarikat yang dipanggil Micron dalam *semiconductor*, dan juga Jabil Circuit dalam sektor E&E. Ini adalah pelaburan berbilion-bilion ringgit dan ini menunjukkan hasrat kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai syarikat dalam sektor *high value added* untuk melabur di Malaysia. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, memandangkan sudah adanya perang perdagangan di antara China dan Amerika Syarikat, khususnya juga dalam *rare earth* kerana China ini memiliki hampir 80 peratus daripada permintaan untuk negara Amerika Syarikat dan Malaysia merupakan salah satu pengeluar, bagaimana Malaysia hendak mengambil kesempatan dalam mendapatkan peluang untuk memasarkan produk ini.

Dr. Ong Kian Ming: Untuk makluman Yang Berhormat, isu ataupun industri *rare earth* ini pada masa sekarang kita belum lagi mendapat aplikasi ataupun permohonan yang baharu. Dari segi *targeted sector* ataupun sektor yang diberi sasaran iaitu sektor elektrik dan elektronik (E&E); *chemical and chemical products*; *machinery and equipment*; *medical devices*; dan juga *aerospace* yang telah dikenal pasti sebelum ini. *Rare earth* bukan salah satu daripada sasaran dari segi pelaburan. Jadi buat masa sekarang, tidak ada permohonan yang baharu dan bukan jadi satu sasaran bagi kerajaan. Terima kasih.

3. **Tuan Su Keong Siong [Kampar]** minta Menteri Pertahanan menyatakan perancangan ataupun hala tuju Askar Wataniah. Adakah kerajaan berhasrat untuk mempertimbangkan untuk memperluaskan skop dan peranan Askar Wataniah yang berbentuk kemasyarakatan agar menarik minat dan penglibatan pelbagai kaum dalam Rejimen Askar Wataniah.

Menteri Pertahanan [Tuan Mohamad bin Sabu]: Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks hala tuju Askar Wataniah, fokus Tentera Darat adalah dalam aspek pembangunan sumber manusia. Perancangan Tentera Darat adalah untuk mempertingkatkan nisbah kekuatan pasukan simpanan Tentera Darat berdasarkan *baseline* 80,000 angkatan tetap mengikut ketetapan berikut:

- Sasaran sehingga 2020, kadar nisbah 2:1 angkatan tetap berbanding PSTD.
- Selepas 2020, kadar nisbah 1:1 angkatan tetap berbanding PSTD.

Sasaran pengambilan bermula tahun 2016 hingga 2023 adalah 7,200 anggota setiap tahun setelah mengambil kira unjuran kadar pemberhentian sebanyak tiga peratus setahun.

Berdasarkan sasaran pengambilan, kadar nisbah 1:1 angkatan tetap berbanding PSTD akan dapat dicapai pada tahun 2023. Kekuatan semasa adalah 48,297 dan memerlukan tambahan 31,703 anggota untuk mencapai *baseline* 80,000 anggota.

Peranan utama Askar Wataniah adalah seperti berikut:

- (i) membantu ganti angkatan tetap supaya bersama-sama dengannya dapat mengadakan paras kekuatan yang diperlukan untuk mempertahankan kepentingan strategik negara di masa darurat ataupun perang;
- (ii) membantu angkatan tetap dalam operasi keselamatan dalam negeri dan sentiasa bersedia untuk dimobilisasi serta diatur gerak bila keadaan memerlukan; dan
- (iii) membantu dan bekerjasama dengan pihak berkuasa awam semasa kecemasan dan bencana alam bersama pasukan tetap.

Di samping itu, bagi memperluaskan skop dan peranan Askar Wataniah yang berbentuk kemasyarakatan, Tentera Darat amnya dan khususnya PSTD telah menetapkan *key performance indicator* untuk aktiviti promosi dan program jiwa murni sebanyak 320 aktiviti sepanjang tahun untuk pasukan-pasukan PSTD terutamanya Rejimen Siri 500 Askar Wataniah di setiap negeri. Terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah adakah perancangan atau program yang dijalankan oleh kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai remaja khususnya yang berumur 18 tahun yang kini mempunyai hak untuk mengundi dalam pindaan yang baru diluluskan untuk serta Askar Wataniah demi memupuk nilai kewarganegaraan dan juga semangat cintakan negara yang tinggi. Selanjutnya, adakah kerajaan juga sedang mempertimbangkan aspek kebajikan anggota Askar Wataniah seperti elaun-elaun yang lebih munasabah untuk menyara kehidupan dan kerjaya mereka?

Tuan Mohamad bin Sabu: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kempen sentiasa dijalankan dari semasa ke semasa untuk rakyat Malaysia menyertai Askar Wataniah. Mereka yang umur tertentu dalam keadaan kesihatan yang baik boleh menyertai dan semua kaum digalakkan. Sesungguhnya dalam cabang Angkatan Tentera Malaysia, hanya Askar Melayu Diraja sahaja yang diperuntukkan sejak daripada sebelum merdeka dan selepas merdeka kepada orang Melayu. Selain daripada itu, semua kaum boleh menyertainya. Tahniah kepada terutama sekali daripada Kolej Tunku Abdul Rahman di mana anak-anak muda di situ banyak menyertai Askar Wataniah

Memang sekarang ini elaun yang menyertai kursus, yang terlibat dalam program, elaun kehadiran RM6 satu jam. Bagi pegawai adalah RM7.80 untuk satu jam. Perkara ini akan dikaji dari semasa ke semasa mengikut kemampuan kewangan kerajaan. Ini galakan untuk rakyat menyertai Askar Wataniah

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: *[Mencelah]* Yang Berhormat Kuala Krau dapat ya. Baru datang. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Krau bangun awal tadi, sebab itu saya nampak.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini bersangka jahat ini. *[Ketawa]* Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan terima kasih atas jawapan. Cuma saya hendak tanya, di pusat pengajian tinggi awam, di universiti kita ramai anggota PALAPES di kalangan — di universiti.

■1100

Adakah mereka ini bila keluar dan mereka telah ditauliahkan dengan pangkat-pangkat tertentu dan kerajaan mewajibkan mesti mereka ini berkhidmat satu bulan, mungkin satu minggu untuk mendapatkan kemahiran mereka ini secara berterusan. Jangan empat tahun mereka ini kursus di universiti, empat tahun habis begitu sahaja.

Akan tetapi, kita mesti wajibkan PALAPES ini terus berkhidmat dalam angkatan tentera sama ada darat, udara ataupun laut untuk mengekalkan kemahiran mereka ini supaya kita tidak hilang begitu sahaja. Adakah kerajaan bersedia selain daripada perkhidmatan jiwa murni ini kita lakukan di darat, adakah kerajaan bercadang untuk kembangkan di udara dan juga di laut? Terima kasih.

Tuan Mohamad bin Sabu: Mereka yang terlibat dalam PALAPES kursus-kursus di universiti ini diambil kira kedudukan mereka bila mereka menyambungkan tugas mereka dalam pasukan beruniform. Memang pihak ATM mengambil kira dan meletakkan mereka di tempat yang sewajarnya. Kita mengambil kira soal mereka yang menyertai PALAPES dan sekarang ini penyertaan kepada pasukan PALAPES ini semakin meningkat hampir di semua universiti dan kita gembira kerana semua kaum, sebelum ini boleh dikatakan kaum tertentu. Akan tetapi sekarang semua kaum menyertai PALAPES. Kita ambil kira kalau mereka hendak meneruskan kerjaya mereka sama ada laut, darat dan udara, kursus-kursus mereka dalam PALAPES ini di ambil kira. Terima kasih.

4. **Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan semenjak pelantikan Ketua Polis Negara yang baru, apakah pelan strategik dan hala tuju pembangunan sumber manusia, logistik dan kebajikan untuk anggota PDRM dalam tempoh 5 tahun akan datang dan jumlah yang akan dibelanjakan untuk melaksanakan pelan tersebut. Selain itu, apakah dasar-dasar yang akan dilaksanakan di dalam usaha jangka masa tersebut bagi memastikan perkhidmatan terbaik diberi pada rakyat dan persepsi rasa selamat rakyat di angka indeks yang memuaskan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Tuan Yang di-Pertua, pelan strategi merupakan komponen terpenting dalam usaha sesebuah organisasi merangka sesuatu dasar serta menentukan program dan tindakan bagi mencapai matlamat keseluruhan sesebuah organisasi. Pada masa ini, pihak Polis Diraja Malaysia sedang melaksanakan pelan strategi Polis Diraja Malaysia 2015 hingga 2020 yang isinya turut terkandung aspek pengukuhan organisasi yang merangkumi pembangunan sumber manusia, logistik dan kebajikan untuk anggota.

Pelan ini meliputi pelan kerjaya anggota polis dan perancangan penambahbaikan gaji dan elauan anggota untuk dibawa ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Kalau saya boleh sebut sedikit antara perkara-perkara yang kita ada memohon untuk pertimbangan Jabatan Perkhidmatan Awam adalah seperti pertama, memohon

kenaikan kadar bayaran insentif Pasukan Simpanan Persekutuan. Kedua, permohonan bayaran insentif khas bahaya dan kesusahan bahagian operasi khas. Ketiga, permohonan pemanjangan BITA kepada peringkat kontinjen dan Bukit Aman, permohonan pemanjangan bayaran insentif pendalamannya kepada Polis Diraja Malaysia dan banyak lagi sebenarnya dan saya boleh berikan ini kepada Yang Berhormat secara bertulis kalau diperlukan.

PDRM juga sedang membangunkan pelan transformasi sumber manusia yang dijangka siap pada tahun 2020. PDRM juga mempunyai pelan dalam memantapkan integriti anggotanya iaitu melalui Pelan Integriti Polis Diraja Malaysia 2016 hingga 2020. Dari segi logistik pula Tuan Yang di-Pertua, kita mengambil maklum tentang kekangan kewangan kerajaan tetapi pun begitu PDRM berusaha untuk meningkatkan keselesaan anggotanya melalui projek-projek pembangunan fizikal seperti pembinaan kuarters dan balai polis baharu selain pembaikan kuarters dan juga balai polis sedia ada. Antara projek yang telah diluluskan untuk dilaksanakan adalah pertama pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Terengganu dan Klang Utara bernilai RM300 juta. Pembaikan kuarters dan penggantian lif di premis PDRM seluruh Malaysia RM200 juta dan ini yang telah pun kita pohon dan *insya-Allah* tahun hadapan juga kita ada memohon. Kita harap Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dan Kementerian Kewangan dapat mempertimbangkan permohonan yang telah pun kita *submit* itu.

Ketiga, kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan bangunan pejabat Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), IPD, balai polis serta lain-lain formasi di seluruh Malaysia RM40 juta.

Tuan Yang di-Pertua, demi memastikan perkhidmatan terbaik diberikan kepada rakyat dan demi meningkatkan rasa selamat di kalangan rakyat, PDRM sentiasa mendukung dasar-dasar keselamatan seperti yang terkandung di bawah seksyen 3 Akta Polis iaitu memelihara undang-undang dan ketenteraman mengekalkan keamanan dan keselamatan Malaysia dan mencegah dan mengesan penjenayah. Untuk itu, PDRM melalui Kementerian Dalam Negeri telah melaksanakan beberapa buah projek fizikal bagi memperkasa dan memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan dan kawalan keselamatan antaranya menyediakan pasukan dan kelengkapan peralatan dan persenjataan yang merangkumi imunisasi bahan letupan, senjata, bahan api pelbagai jenis dan peralatan khas persenjataan iaitu RM97.7 juta. Penyediaan kenderaan pasukan yang mencukupi. Pembangunan pembekalan penggantian dan menaiktarafkan sistem peralatan ICT dan juga perolehan empat buah bot, perolehan sistem dron, perolehan peralatan *head to toe*. Jadi, Tuan Yang di-Pertua perkara-perkara ini telah

pun kita pertimbangkan dan *insya-Allah* tahun hadapan kita berharap agar peruntukan-peruntukan yang lebih besar lagi dapat diberikan kepada PDRM. Terima kasih.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Beban kerja seorang pegawai penyiasat baik di dalam Jabatan Siasatan Jenayah, komersial ataupun narkotik akan menentukan kualiti kerja yang dilaksanakan. Daripada apa yang saya ketahui dan saya cadangkan memang tidak ada jumlah siasatan boleh dibuka pada satu hari, dua hari, seminggu atau setahun. Saya cadangkan jika tiada pihak PDRM menetapkan ini kerana ia akan impak kepada servis yang telah diberikan kepada rakyat nanti.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan tersebut dan *insya-Allah* kita akan ambil maklum tentang cadangan yang telah diberikan memandangkan beliau pun sebenarnya Yang Berhormat ini bekas anggota polis, so *I'm quite sure* dengan izin dia maklum tentang kekangan atau pun masalah-masalah yang dihadapi oleh PDRM. *Insya-Allah* kita akan ambil maklum cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat.

Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya suara Yang Berhormat Timbalan Menteri masih kuat walaupun kakinya yang sakit. Memetik ucapan Ketua Polis Negara, IG Datuk Seri Abdul Hamid Bador yang mengakui beliau berdepan tugas sukar menyeimbangkan soal kebijakan anggota polis dengan pelbagai aduan oleh masyarakat terhadap pasukan itu. Beliau merujuk beberapa gesaan yang dibuat terhadap kerajaan termasuk kenaikan gaji, elauan perumahan dan sebagainya.

Soalan saya, kami di Parlimen ini memerlukan satu komitmen Kementerian Dalam Negeri khususnya dan juga Kementerian Kewangan terhadap rancangan-rancangan yang disebutkan tadi termasuk membaiki lif dengan kos RM200 juta yang disebutkan tadi. Selain itu juga, perkara-perkara lain kerana kita hendakkan supaya PDRM ini mendapat keutamaan kerana mereka menjalankan tugas yang sangat penting dalam negara ini. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih dengan soalan tambahan yang telah diberikan tadi. Sebenarnya Kementerian Dalam Negeri dan pihak PDRM ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas sokongan yang telah diberikan tadi. Kita maklum tentang perkara ini. Sebab itu dalam jawapan saya tadi, saya sebutkan kita memahami kekangan kewangan kerajaan pada hari ini. Sebenarnya kalau dikira Tuan Yang di-Pertua, banyak keperluan yang kita inginkan daripada kerajaan. Akan tetapi, kita faham tentang masalah kewangan yang dihadapi oleh negara. Jadi, sebab itulah kita mengutamakan perkara-perkara yang kita pohon itu adalah perkara-

perkara yang kita anggap kritikal dan kita harap agar Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Hal Ehwal Ekonomi agar dapat mempertimbangkan perkara-perkara yang kita telah *submit* kepada mereka kerana sebagaimana kita tahu, keselamatan adalah perkara yang kita tidak boleh kompromi. Jadi, itulah jawapan kepada soalan tambahan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih. Pertama sekali saya ucap tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah mewujudkan Unit Agama di kalangan anggota polis. Cuma, saya ingin dapat penjelasan apakah pihak kementerian bercadang untuk menyerapkan kor agama ini sebagai anggota tetap sebagaimana KAGAT dalam anggota tentera supaya dia boleh mengatasi isu-isu pembinaan fizikal dan spiritual anggota. Saya cadang kalau boleh dipertimbang sebagai anggota tetap bagi pihak polis. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Yang Berhormat. *Insya-Allah* kita akan ambil cadangan ini dan kita akan bawa kepada kementerian untuk kita *insya-Allah* pertimbangkan. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lupa merujuk kepada jawapan saya yang pertama tadi saya ada *mentioned* tentang 50 tahun ke atas. Saya ingin perbetulkan sebenarnya 60 tahun ke atas. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau minta soalan lainlah ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sekejap, saya minta benda ni dijawab secara bertulis sahaja. Tidak perlu jawab di sini. Yang Berhormat, Ketua Polis Kuala Lumpur telah memaklumkan bahawa akan menyelesaikan masalah judi haram dalam masa sebulan dan KPN juga telah berjanji untuk memerangi judi haram ini secara habis-habisan. Jadi, apa yang telah dicapai sehingga kini. Sila jawab bertulis. Terima kasih.

Datuk Mohd Azis bin Jamman: Akan dijawab secara bertulis. Terima kasih.

■1110

5. **Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan berapakah jumlah import daging lembu bagi tahun 2018 dan apakah piawaian Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dalam memproses permohonan permit import daging lembu serta berapa lamakah proses ini diambil sebelum kelulusan diberikan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kangar, jumlah pengimportan daging lembu/kerbau dalam tahun 2018 adalah sebanyak 85,861 tan metrik daging yang bernilai sebanyak RM1.172 bilion. Merujuk kepada proses permohonan permit import,

syarikat atau wakil syarikat perlu mendapatkan kelulusan untuk mengimport daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) terlebih dahulu sebelum membuat pendaftaran dengan *service provider* di dalam sistem ePermit. Bagi tujuan ini, syarikat hanya dibenarkan untuk mengimport daripada loji yang telah diluluskan oleh DVS sahaja. Setelah kelulusan untuk mengimport diberikan oleh DVS, seterusnya Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan memproses permohonan permit yang lengkap melalui sistem ePermit secara atas talian dalam tempoh 24 jam selepas permohonan dibuat. Syarikat dan wakil syarikat perlu membuat bayaran caj permit secara atas talian dan mencetak permit import tersebut untuk pengisytiharan *consignment* apabila ia tiba di pintu masuk negara.

Walau bagaimanapun, jika syarikat ini memohon untuk mengimport daripada loji yang tidak berada dalam senarai loji yang diluluskan oleh DVS, beberapa keperluan perlu dipatuhi bagi memenuhi piawaian dari aspek *biosecurity* serta *sanitary* dan *phytosanitary* sebelum kelulusan diberikan. Proses ini dijangka mengambil masa antara enam bulan sehingga dua tahun bergantung kepada pematuhan kepada prosedur yang telah ditetapkan seperti berikut:

- (i) pelaksanaan penilaian risiko berkaitan ancaman penyakit yang boleh dibawa masuk ke dalam negara dan negara pengeksportan akan dilaksanakan;
- (ii) penyediaan protokol pengimportan dengan persetujuan negara pengeksport untuk mematuhi keperluan syarat yang ditetapkan;
- (iii) negara pengeksport akan mencadangkan loji yang akan mengeksport dan menghantar dokumen berkaitan untuk penilaian;
- (iv) pelaksanaan audit kepatuhan dokumen;
- (v) pelaksanaan audit loji di negara pengeksport oleh DVS bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berdasarkan keperluan halal, *Hazard Analysis and Critical Control Point (HACCP)* dan *Good Manufacturing Practice (GMP)*; dan
- (vi) senarai loji yang lulus akan dipamerkan di dalam laman sesawang DVS.

Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi penjelasan agak panjang. Saya mengemukakan soalan ini kerana Yang Berhormat Menteri sebelum ini pernah cakap bil import negara sekarang lebih daripada

RM50 bilion yang mana menunjukkan satu trend peningkatan. Jadi, saya hendak tanya sama ada pengimportan daging ini juga menunjukkan trend yang sama? Peningkatan ini maksud saya bukan sahaja dari segi kuantiti harga sebab harga mungkin ada inflasi tetapi adakah juga kuantiti daging meningkat? Saya juga hendak tahu berapa banyak kah syarikat pembekal yang mendapat kebenaran untuk mengimport ini? Kalau boleh minta disenaraikan sama ada ia bertukar ataupun asyik syarikat yang sama sahaja yang dapat. Kalau boleh saya hendak tahu juga apakah rancangan kementerian untuk menurunkan bil import sekiranya trend ia meningkat supaya kita dapat mencapai satu tahap *self-sufficiency* lah dari segi makanan. Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Ini soalan yang sangat bagus kerana ia menyentuh tentang isu-isu polisi dan hala tuju agromakanan negara kita. Sememangnya kita, kementerian MOA tidak ingin meningkatkan pengimportan kerana kita mahu bahawa kalau boleh industri ruminan negara kita berdaya maju dan kita mengurangkan bil import negara kita. Buat masa sekarang, *self-sustainable level* untuk ruminan sangat-sangat rendah iaitu hanya 23 peratus sahaja. Maka, kerajaan mempunyai hasrat untuk meningkatkan kepada 30 peratus dalam lima tahun iaitu daripada sekarang sampai ke 2024. Walau bagaimanapun, ia adalah tidak realistik bahawa kita boleh mencapai *100 percent within a very short span of time*. Oleh kerana kita tahu bahawa cuaca dan pelbagai faktor, contohnya cuaca di Malaysia dan juga *cost and benefit...*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Speaker, tengok Tumpat.

Tuan Sim Tze Tzin: ...*comparative advantage* Malaysia dari segi ruminan. Untuk menjawab Yang Berhormat Kangar, untuk beberapa tahun yang lepas, import tidak menunjukkan turun naik yang ketara. Ia *gradually* meningkat tetapi ia lebih kurang pada 150,000 metrik tan. Akan tetapi pada tahun yang lepas ia hanya adalah 86,000 metrik tan. Maksudnya, ia ada turun naik. Kedua adalah tentang permit. Permit import, banyak syarikat yang telah diberikan. Kebenaran untuk mendapat import adalah sebanyak 240 syarikat tetapi hanya 61 syarikat sahaja yang aktif. Jadi, senarai syarikat itu boleh didapati daripada website MOA. Untuk daripada segi usaha kerajaan untuk mengurangkan pengimportan ruminan, terutamanya lembu, ada beberapa program seperti Program PROSPER. Di mana kita memberi insentif, geran kepada penternak iaitu 70 peratus dibiayai oleh kerajaan dan 30 peratus dibiayai oleh penternak yang mempunyai sekurang-kurangnya 20 ekor induk. Ternakan yang dibekalkan adalah 10 ekor, kita bagi mereka *at the subsidy of the government*.

Bantuan lain adalah termasuk Program Integrasi di mana kita mahu syarikat-syarikat, ladang sawit untuk membela lembu di bawah ladang-ladang sawit, meningkatkan populasi lembu. Kita pun menggunakan teknologi yang baharu untuk seperti *artificial insemination* supaya pembiakan lembu itu akan meningkat. Ini kerana kalau secara tradisional, ia tidak begitu berjaya, jadi *artificial insemination* itu penting. Akhir sekali adalah Taman Kekal Pengeluaran Ruminan supaya kita boleh meningkatkan program ruminan secara teratur. Terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Import daging lembu adalah usaha untuk mendapatkan bekalan daging mencukupi dalam negara. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju dengan saya bahawa di samping berharap kepada bekalan import, adalah lebih aula kepada kerajaan untuk berusaha bagi mengeluarkan daging dari dalam negara? Tadi jawapan itu ada nampak ke situ. Sekiranya bersetuju, apakah langkah-langkah besar di samping yang disebut tadi Taman Kekal Pengeluaran Ruminan itu program-program lama kerajaan yang terdahulu. Apakah langkah-langkah besar yang telah dan akan diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran daging dalam negara? Apakah kerajaan bersetuju untuk membantu Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memulakan satu program ataupun projek yang dikenali sebagai Program Naim Beef bagi peningkatan hasil daging yang bermutu. Sebelum daripada berlaku perubahan kerajaan dalam pilihan raya yang lepas, pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah pun bersama dengan Veterinar di Kelantan mengkaji Program Naim Beef ini untuk dilaksanakan di seluruh negara.

Apakah pihak kerajaan hari ini bersedia untuk membantu dalam usaha peningkatan pengeluaran daging bermutu?

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya seperti yang saya terangkan tadi, usaha kerajaan adalah untuk meningkatkan ruminan dalam negara kita daripada bergantung kepada import. Ini kerana import ini ia pengaliran mata wang negara ke luar negara itu sangat-sangat tinggi. Walau bagaimanapun, kita pun kena faham tentang realiti cuaca dan juga baka dan keadaan *climate* dan penyakit yang berlaku dan menyebabkan pengusaha-pengusaha ruminan di Malaysia menghadapi keadaan yang sangat mencabar. Dengan keadaan *the cheap import* daripada negara lain seperti India dan sebagainya, ia menyebabkan harga kita sangat tidak kompetitif.

■1120

Berlaku juga isu-isu penyeludupan terutamanya di Kelantan yang menyebabkan pengusaha tempatan tidak dapat meningkatkan— Mereka akan rugi kerana senang daripada yang *crossing* sungai di Kelantan. Jadi, itu isu-isu cabaran yang sangat besar terhadap isu ruminan negara. Kita akan berusaha untuk meningkatkan seperti yang tadi saya laporkan program prosper, program TKPR dan juga program integrasi. Integrasi itu tengah berjalan secara besar-besaran dengan ada juga program-program seperti di Negeri Sembilan di mana kita akan *revamp* balik nasional *fidlot* yang Barisan Nasional *screwed up* dahulu dan kita ingin *revise* semula supaya ia jadi *proper*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Arau. Bertulis pun tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah saya benarkan sebab Yang Berhormat Arau.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Cuma yang *Naim Beef* tidak dijawab. Tuan Yang di-Pertua, yang...

Tuan Sim Tze Tzin: Itu saya akan bagi jawapan bertulis.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Bertulis *Naim Beef* ya. Minta kerajaan sokong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya pendek sahaja Yang Berhormat. Tiap-tiap tahun masa Hari Raya Haji, permintaan lembu meningkat. Kita sudah tahu dah berapa ribu lembu yang diperlukan pada musim Hari Raya Haji. Apakah usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan supaya lembu itu diambil daripada tempatan. Jadi kita boleh import lembu-lembu teruna, lembu-lembu yang lebih muda dan kita pelihara di sini. Dengan ini, orang sini dapat pendapatan yang lebih sebab cara jawapan tadi ialah jawapan standard. Akan tetapi bawah dia tidak berjalan dengan hebatnya.

Jadi kita ingin bertanya apakah rancangan khusus kerajaan agar pada musim haji ini kita tidak perlu import lembu dengan begitu besar. Sebaliknya kita membuat persediaan daripada sekarang untuk setahun yang akan datang supaya lembu-lembu yang kita ambil daripada tempatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan bertulis ya Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bertulis. Tapi rasa dia boleh jawab ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bertulis lah. Tidak ada masa.

Tuan Sim Tze Tzin: Ya lah. Tidak ada masa kan. Akan tetapi secara ringkas kita mempunyai anggaran setiap tahun berapa yang diperlukan semasa raya korban dan

pengusaha-pengusaha, mereka akan *plan a head* dan apabila kita nampak bahawa ada kekurangan baru lah kita import. Kalau boleh kita hendak *rely* dengan pengusaha tempatan untuk memenuhi keperluan masa hari raya korban.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi berapa ekor lembu kita import pada masa itu. Berapa ekor?

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan bertulis.

6. **Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]** minta Menteri Pendidikan menyatakan jumlah kutipan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk tempoh Januari hingga Jun 2019 dan perbandingan dengan tempoh yang sama tahun 2018 dan 2017.

Menteri Pendidikan [Dr. Maszlee bin Malik]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari sehingga Jun 2019, jumlah kutipan bayaran balik PTPTN adalah sebanyak RM1.111,04 juta ataupun RM1.1 bilion berbanding RM1.416 juta untuk tempoh yang sama bagi tahun 2018 dan RM1.711 bilion pada tahun 2017. Sekian terima kasih.

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita lihat kutipan PTPTN sejak kebelakangan ini sudah mula berkurangan. Dahulunya PTPTN tahun 2014 kutipannya RM0.7 bilion. Tidak sampai RM1 bilion. Tahun 2017 meningkat hampir RM4 bilion. Pengurangan mula berlaku tahun 2018 dan jelas tahun ini terus berkurangan.

Dua hari yang lalu BN sokong kerajaan untuk membenarkan belia 18 tahun untuk mengundi. Kita berjiwa besar untuk kebaikan rakyat keseluruhannya. Jelas cara BN dahulu terbukti berjaya. Oleh itu, melihat kejayaan kutipan semasa kerajaan Barisan Nasional dahulu meningkat tidak sampai RM1 bilion tahun 2014 kepada hampir RM4 bilion tahun 2017. Saya ingin membicarakan pada hari ini agar kerajaan masa kini menggunakan kaedah lama Barisan Nasional agar PTPTN terus menjadi *sustainable* dan mampu memberi pinjaman kepada hampir 200,000 pelajar setiap tahun.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, antara faktor yang menyebabkan pengurangan jumlah kutipan bayaran balik ialah antaranya pemanjangan tempoh *grace period* untuk peminjam mula bayar balik daripada enam bulan kepada 12 bulan selepas tamat pengajian seperti mana yang diumumkan dalam Bajet 2018. Juga reaksi tunggu dan lihat sebahagian peminjam terhadap mekanisme baharu bayaran balik pinjaman yang bakal dilaksanakan.

Dalam pada itu, dapatan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) sedang diperhalusi oleh satu panel penasihat khas bagi mengenal pasti cadangan terbaik yang akan diguna pakai sebagai mekanisme bayaran balik PTPTN seterusnya dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada bulan Ogos nanti.

Walau bagaimanapun, antara strategi yang dilakukan untuk meningkatkan bayaran PTPTN ialah memperkenalkan insentif perlepasan cukai untuk majikan atau syarikat yang membuat bayaran balik pinjaman PTPTN bagi kakitangan mereka. Seperti mana yang dimaklumkan dalam Belanjawan 2019.

Selain daripada itu, PTPTN juga telah mendapat kerjasama pelbagai agensi bagi pengemaskinian peminjam yang sebelum ini tidak berlaku. KPM percaya bahawa kutipan bayaran balik selepas ini akan menjadi lebih baik. Apa yang berlaku, sebelum ini kita dapat bahawa maklumat tidak lengkap dan bila maklumat tidak lengkap, berlakunya kesukaran untuk mengutip pinjaman secara sistematik.

Model PTPTN juga yang lebih berfokus sebagai pemberi pinjaman harus ditukar kepada model yang menekan kepada keperluan untuk menggalakkan rakyat membuat penabungan dalam pendidikan tinggi anak-anak. Naratif baharu PTPTN ini akan menjadi visi dan juga hala tuju terkini PTPTN. Bukan lagi sebagai pemberi pinjaman. Akan tetapi sebagai satu institusi tabungan pendidikan yang akan kita bawa untuk tahun-tahun ke hadapan ini.

Kerajaan terus menggalakkan masyarakat untuk menabung melalui skim simpanan pendidikan nasional SSPN dengan menaikkan insentif pelepasan cukai daripada RM6,000 setahun kepada RM8,000 setahun. Kesan positif melalui langkah ini boleh dilihat dari segi penabungan di dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN). Jumlah simpanan daripada Januari sehingga Jun 2018 adalah sebanyak RM381.67 juta sebelum ini. Akan tetapi kita menukar naratif ini dengan menggalakkan SSPN bagi tempoh yang sama pada tahun 2019 daripada Januari sehingga Jun 2019, jumlah simpanan telah meningkat kepada RM421.43 juta. Ini membuktikan wujudnya kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk membuat penabungan awal bagi persediaan untuk pendidikan tinggi anak-anak.

Maka naratif baharu ini yang kita bawakan supaya rakyat tidak lagi melihat PTPTN sebagai tempat untuk pinjaman semata-mata tetapi tempat untuk mereka menabung demi masa depan anak-anak.

Untuk langkah ke hadapan, KPM sendang merangka strategi baharu dengan membudayakan simpanan bagi tujuan pendidikan tinggi. Seterusnya mengurangkan kebergantungan pelajar kepada pinjaman semata-mata. Dalam merangka strategi

baharu ini juga, KPM akan membezakan antara peminjam yang pelbagai yang sebelum ini tidak dilakukan. Akan tetapi pada waktu ini kita akan pastikan para peminjam akan dikategorikan kepada tiga jenis. Pertamanya, peminjam patuh bayar. Mereka yang konsisten membayar. Keduanya peminjam culas yang tidak membayar ataupun mungkin bayar tetapi tidak konsisten dan peminjam culas tegar yang langsung tidak membayar. Walaupun telah melakukan pinjaman sejak berbelas tahun. Maka segala inisiatif dan tindakan yang bakal dilakukan lebih komprehensif dan adil kepada peminjam sedia ada dan bakal peminjam menurut formula ini.

Dalam pada itu, daptan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) sedang diperhalusi oleh satu panel penasihat khas bagi mengenal pasti satu cadangan terbaik yang akan diguna pakai sebagai mekanisme bayaran balik PTPTN, seterusnya dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada Ogos ini. terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Naratif baharu itu saya suka. Akan tetapi saya hendak tanya juga cerita lama sedikit kepada Yang Berhormat Menteri.

Kita difahamkan bahawa terdapat 32 peratus hampir 616,000 orang yang gagal bayar ataupun tidak konsisten dan dalam kalangan tersebut 19 peratus iaitu sebanyak 356,000 yang tidak pernah bayar yang hampir RM2.8 bilion. Pada masa yang sama kita juga faham sejak tahun 2015 terdapat 3,153 kakitangan awam yang tidak bayar PTPTN. Maka saya hendak cadangkan kakitangan awam yang tidak bayar ini boleh tidak Yang Berhormat Menteri setuju untuk kita bagi mereka sebagai bonus ataupun biasiswa. Akan tetapi mereka boleh di-posting ke kawasan pedalaman untuk berkhidmat.

Pada masa yang sama saya hendak juga tanya Yang Berhormat Menteri ini boleh diberi segara bertulis iaitu saya perlukan data dan juga statistik mengikut demografi jantina dan juga umur dan juga kaum dan juga daripada kawasan. Boleh diberi secara bertulis kerana kita hendak tahu sama ada mereka yang di luar bandar ataupun sebagainya kerana tidak mendapat peluang pekerjaan. Maka dia tidak boleh bayar balik.

■1130

Ini *not fair for you to answer for me right now, but* boleh bagi bertulis. Akan tetapi, naratif yang lama dengan baru yang kakitangan kerajaan itu, kalau boleh saya minta Yang Berhormat Menteri jawab. Terima kasih.

Dr. Maszlee bin Malik: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Segamat yang sentiasa peka terhadap isu-isu pendidikan tinggi. Pertamanya, seperti mana yang telah saya sebutkan dalam jawapan kedua tadi, bahawa

klasifikasi para peminjam kepada peminjam patuh, peminjam culas, peminjam culas tegar ini akan membantu kita untuk memastikan mereka yang tegar tidak membayar akan kita sasarkan supaya mereka membayar. Bagi peminjam yang patuh, kita akan berikan insentif supaya lebih ramai akan menjadi peminjam yang patuh bayar.

Seperti mana yang saya telah berkali-kali sebutkan, konsultasi rakyat yang sedang berlangsung itu mungkin cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Segamat boleh dimasukkan. Akan tetapi, akan dilihat sejauh mana kerjasama daripada pihak-pihak yang berkaitan.

Cuma satu berita gembira yang boleh kita kongsi kan di sini berbanding sebelum ini, sekarang ini PTPTN telah mendapat kerjasama agensi-agensi berkaitan seperti LHDN, KWSP dan lain-lain lagi untuk mendapatkan data-data berkaitan para peminjam. Dengan data yang ada, kita akan mengemukakan strategi baru selepas keputusan Jemaah Menteri pada bulan Ogos nanti. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Seterusnya Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Satu soalan. Dulu Lembaga Hasil *Board Director*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya baru satu sahaja, satu.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Soalan tambahan satu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab masa tidak mengizinkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hendak jawapan bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Kita teruskan dengan soalan. Tidak mengapa, masa tidak mengizinkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, saya tak dapat satu soalan pun naik sepanjang 12 hari persidangan. Jadi, saya rasa...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak silap...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Apa salah saya?

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah berikan tiga soalan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tahu, tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Tambahan kepada Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak dapat langsung.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapa saya dianaktirikan?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan saya. Saya mohon mengalu-alukan kehadiran ke Dewan yang mulia ini tujuh orang guru dan 81 orang pelajar Tingkatan Enam, SMK Tengku Mahmud Iskandar, Serom dari Ledang. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang.

7. **Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan harga barang kekal stabil di samping menyekat kenaikan barang keperluan sepanjang Aidilfitri yang lalu dan perayaan-perayaan yang akan datang.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

[Tuan Chong Chieng Jen]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk jawab soalan ini bersekali dengan dua soalan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tanjong Manis dan Yang Berhormat Petrajaya. Kesemua pertanyaan adalah pada 18 Julai 2019 kerana ia menyentuh isu kawalan harga barang di musim perayaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif bagi meminimumkan kenaikan harga barang di dalam negara. Sehubungan itu, kementerian telah melaksanakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), Hari Raya Puasa, Tahun Baru Cina, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Deepavali dan Krismas.

Skim ini merupakan satu kaedah untuk mengikat kenaikan harga yang tidak munasabah akibat permintaan tinggi semasa musim perayaan. Kawalan harga ini dibuat bagi memastikan harga barang tidak melonjak naik pada musim perayaan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan secara keterlaluan pada musim perayaan.

Pada tahun ini, juga atas keprihatinan kerajaan, tempoh pelaksanaan skim ini telah dipanjangkan iaitu daripada 15 hari kepada 30 hari bagi Hari Raya Puasa dan tujuh hari kepada 14 hari bagi hari Gawai. Pemanjangan tempoh ini adalah bertujuan memastikan rakyat dapat membeli barang keperluan asas pada harga yang berpatutan seperti yang ditetapkan. Pada masa yang sama, kementerian juga mendapat kerjasama yang amat baik daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dalam memastikan bekalan makanan khususnya yang melibatkan bekalan-bekalan ayam, ikan, daging dan sayuran sentiasa mencukupi dan tidak terjejas sekali gus memastikan harganya berada dalam kadar yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Skim SHMMP Hari Raya Puasa, sebanyak 60,878 premis telah diperiksa dan telah menghasilkan sebanyak 362 kes yang melibatkan jumlah rampasan bernilai RM46,623.39 dan jumlah kompaun bernilai RM46,550. Manakala bagi SHMMP Pesta Kaamatan, sebanyak 4,775 premis telah diperiksa dan telah menghasilkan sebanyak lima kes yang melibatkan jumlah rampasan bernilai RM194.80 dan jumlah kompaun bernilai RM700. Bagi SHMMP Hari Gawai, sebanyak 4,515 premis telah diperiksa dan telah menghasilkan sebanyak dua kes yang melibatkan sejumlah rampasan bernilai RM179 dan jumlah kompaun bernilai RM200.

Maklum balas daripada hasil pemantauan menunjukkan bahawa barang harga terkawal dijual mengikut harga maksimum pengeluar, borong dan runcit yang telah ditentukan kerajaan. Malahan, sesetengah barang harga terkawal didapati dijual dengan lebih rendah dari harga maksimum yang telah ditentukan. Senario ini berlaku kerana persaingan yang sihat antara peniaga selain faktor penawaran dan permintaan yang seimbang di pasaran. Penentuan harga maksimum yang bersesuaian dengan paras harga pasaran semasa telah membantu pelaksanaan serta kelancaran perjalanan skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, berdasarkan pemantauan kementerian ini dan maklum balas orang ramai. Pelaksanaan SHMMP telah berjalan dengan baik dan memuaskan. Indeks harga pengguna ataupun *Consumer Price Index* (CPI) pada bulan Mei 2019 pula mencatatkan kenaikan yang sangat minimum iaitu pada 0.2 peratus berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Sekian, terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan harga maksimum gas memasak 10 kilogram berharga RM19, 12 kilogram berharga RM22.80 dan untuk 14 kilogram harga dia RM26.60 dan ini tidak termasuk kos penghantaran. Di Wangsa Maju, terdapat peniaga sewenang-wenangnya menjual sehingga RM30 untuk 14 kilogram tanpa kos penghantaran. Sekiranya dengan kos penghantaran, ia akan dijual sehingga RM33 setong. Kebiasaannya, harga gas memasak dijual dengan harga yang lebih mahal daripada yang ditetapkan oleh kerajaan atas alasan kos tambahan itu adalah kos penghantaran.

Jadi, soalan saya bagaimanakah kementerian Yang Berhormat Menteri dapat mengawal kos penghantaran yang telah ubah harga maksimum gas yang ditetapkan oleh kerajaan? Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai harga yang ditetapkan oleh kerajaan untuk penjualan gas LPG, memang yang disebutkan oleh Yang Berhormat adalah betul. Di mana, kalau pelanggan pergi ke kedai runcit untuk membeli

tong gas, harganya memang mesti ditetapkan tidak boleh melebihi RM26.60 untuk tong 14 kilogram. Maka, kalau ada sesetengah peniaga yang hendak jual dengan harga yang lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan, saya rasa pelanggan berhak membuat aduan kepada kita dan kita boleh melihat balik tentang PDA lesen yang dikeluarkan dan juga untuk mengambil tindakan.

■1140

Mengenai kos pengangkutan yang disebutkan oleh Yang Berhormat, itu memang terpulang kepada jarak umah pelanggan daripada kedai runcit yang dia pesan tong gas itu. Harganya di antara RM1 sampai RM5. Kita tidak menetapkan harga maksimum untuk pengangkutan kerana di sesetengah tempat di mana adalah pedalaman, kosnya lebih tinggi daripada RM5. Akan tetapi, kebiasaan, secara umum di bandar atau bandar raya, kos penghantaran adalah di antara RM1 sampai RM5. Inilah kos yang secara amnya lah. Kalau kos pengangkutan terlalu tinggi, saya rasa satu aduan boleh dibuat. Kita akan melihat dan menyiasat sama ada *profiteering* dibuat oleh agen penghantar gas dan selepas itu terpulang kepada *result of our investigation*-lah. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Hijau or merah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, harga barang *is determined by many factors contributing to the price – cost of production*. Bagaimana kerajaan boleh mengawal faktor-faktor yang menyumbang ke arah kos pengeluaran yang menyebabkan harga barang naik? Ini, kawalan harga itu betul lah. *It is one of the good things that you could do.*

Another one – satu lagi ialah berkenaan dengan kejatuhan nilai ringgit yang menyebabkan kos pengeluaran, kos untuk menjalankan perniagaan jadi bertambah tinggi. So, boleh tolong jelaskan? Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]: Boleh jelaskan soalan Yang Berhormat? Soalan pertama saya –

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Disampuk]* Maksud saya, harga barang terus naik disebabkan kos pengeluaran yang terus meningkat Tuan Yang di-Pertua. Kos pengeluaran itu ada banyaklah, *it's a long – transportation*, tadi ada sebut gaji, *fuel* dan sebagainya. Jadi, bagaimana hendak mengawal kos-kos *production* ini supaya tidak menyumbang ke arah peningkatan harga barang? *That is one.*

One more, iaitu saya kata tadi berkenaan dengan kejatuhan nilai ringgit. Nilai ringgit telah jatuh sebanyak hampir 20 peratus dan ada kemungkinan besar nilai ringgit

akan terus jatuh. Ini menyebabkan kos menjalankan perniagaan bertambah mahal dan harga barang terpaksa dinaikkan oleh peniaga. Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen: Ya, jelas sudah. Yang Berhormat Pasir Salak, itu memang adalah betul bahawa kos barang itu adalah terpulang kepada kos *production*. Soalan asal yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju adalah bahawa itu mengenai Skim Harga Maksimum Musim Perayaan. Ini adalah untuk satu spesifik. Spesifik tempoh di mana oleh sebab musim perayaan ada naik permintaan. Oleh itu, apa yang kita buat adalah kita berbincang dengan MoA supaya terus menjamin bekalan yang mencukupi walaupun kita ada menetapkan harga barang. So, ini memang menghasilkan satu kejayaan di mana musim perayaan hari raya tahun ini kita tidak dengar banyak aduan di mana harga barang naik mendadak. So, ini adalah satu hasil kejayaan yang dibuat kerana polisi yang baharu Kerajaan Pakatan Harapan.

Untuk menjawab Yang Berhormat tentang kos *production* ini, di negara kita banyak barang – kos *production* barang itu tinggi oleh sebab polisi monopoli yang dikenalkan oleh kerajaan sebelum ini. So, oleh sebab itu, ia juga merupakan satu tumpuan kita untuk menghapuskan dan memansuhkan itu polisi monopoli...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Contoh, contoh? Contoh monopoli.

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, jangan – seperti BERNAS, seperti gula, bekalan gula. Ini semuanya ada kaitan dengan kos produksi. Juga, apa yang...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, jangan menyelewengkan Dewan.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu tidak benar. Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu barang-barang yang harganya terkawal. Tidak timbul itu. *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak tanya soalan, sudi terima jawapan? Kalau jawapan ini tidak berkenan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudi, *but you must give an answer not to mislead the Dewan.*

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]: *This is not misleading. This is not misleading.*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *You can answer. Don't give us stupid answer.* Jangan bodoh – jawab soalan jangan bodoh. Tunjuk cerdik sebagai Yang Berhormat Timbalan Menteri, betul tidak?

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]: Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekarang perkataan "bodoh" boleh pakai tahu?

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]: Ya, Yang Berhormat bodohlah. Yang Berhormat...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya silakan Yang Berhormat Menteri. Kita baru sampai soalan tujuh.

Tuan Chong Chieng Jen: Akan tetapi, itu Yang Berhormat bodoh itu tidak mahu terima jawapan. Oleh itu saya rasa – Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Macam mana hendak terima jawapan bodoh?

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, minta soalan tambahan satu. Tasek Gelugor.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak mematuhi Peraturan Mesyuarat, Yang Berhormat Pasir Salak.

Datuk Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini pendek sahaja. Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kos ataupun harga penjualan minyak masak bersubsidi yang RM2.50 sepaket itu sekarang kalau kita lihat pekan Bau dan di kawasan-kawasan ataupun kedai runcit di kampung-kampung dijual dengan RM3.70? Saya – ini boleh di – minyak masak, minyak masak. Harga RM2.50 yang paket itu kalau dijual di kawasan pedalaman sekarang ini dijual dengan RM3.70.

Kedua, apakah status penghantaran bahan-bahan yang *subsidize* ini kepada kawasan pedalaman? Adakah ia masih menggunakan kontraktor ataupun *middle man*? Terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Stampin]: Kita ada skim di mana kerajaan akan menanggung kos pengangkutan untuk menghantar barang keperluan ke kawasan pedalaman. Barang yang di bawah skim itu adalah minyak masak RM2.50 satu paket, gula, beras, tong gas dan juga beberapa barang.

Untuk setiap bulan, kita menetapkan satu kuota untuk satu bekalannya. Kadangkala, kalau ada permintaan yang terlalu tinggi, maka itu kuotanya habis. Oleh itu, kalau kuotanya habis untuk bulan itu, yang dijual mungkin ada lebih mahal sedikitlah. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat sebut di Kanowit ada minyak masak yang RM2.50

satu paket di jual dengan harga RM3.70, silalah Yang Berhormat berikan maklumat terperinci.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu tipu punyalah itu kawan.

Tuan Chong Chieng Jen: Itu samseng Bintulu, jangan buat begitulah. *[Ketawa]*
Saya jawab Yang Berhormat Kanowit, saya jawab Yang Berhormat Kanowit.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Helo, saya mahu beritahu kamu punya jawapan, kita sebagi Ahli dalam Dewan – *you* jawab tidak boleh terima. Itu kontraktor logistik mana? *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sila duduk, sila duduk. Sekarang saya memanggil Tuan Lukanisman bin Awang Sauni.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bolehkah perkataan samseng digunakan?

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau sudah lebih kuota hari ini. Sila duduk.

8. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan apakah perancangan kementerian bagi melihat isu masalah autisme di kawasan luar bandar seperti di rumah panjang dan kampung agar ibu bapa mendapat akses kepada khidmat bantuan serta kesedaran autisme di kalangan mereka.

Timbalan Menteri Wanita dan Pembangunan Keluarga [Puan Hannah Yeoh]:

Tuan Yang di-Pertua, perancangan dan program pembangunan orang kurang upaya di Malaysia yang meliputi semua kategori OKU termasuk autisme adalah berteraskan kepada Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016 – 2022.

■1150

Pelan ini memperuntukkan peranan pelbagai *lead agencies* yang bertanggungjawab dengan isu-isu utama OKU seperti kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan perkhidmatan sosial. Bagi memastikan setiap *lead agency* dapat memenuhi perancangan dan sasaran yang telah diperuntukkan dalam pelan, kementerian ini melaksanakan pemantauan, status pencapaian program atau tindakan yang telah termaktub dalam pelan secara berkala.

Antara program yang telah dilaksanakan oleh kementerian ini bagi memastikan ibu bapa termasuk yang berada di luar bandar untuk mendapat akses kepada khidmat bantuan dan kesedaran mengenai autisme adalah:-

Satu, melaksanakan kempen pendaftaran orang kurang upaya oleh kementerian kita. Kempen ini dijalankan secara berkala pada setiap tahun di seluruh negara mengikut zon dan negeri, merangka program dan aktiviti bersesuaian berdasarkan data yang diperoleh seperti program khusus untuk autisme dan meningkatkan kesedaran antara masyarakat dan ahli keluarga. Seramai 21,287 orang kanak-kanak autisme telah berdaftar dengan JKM sehingga 31 Disember 2018;

Kedua, kementerian kita juga menyediakan perkhidmatan TASKA OKU. Kerajaan telah menubuhkan enam buah TASKA OKU sebagai projek perintis bagi enam kategori kanak-kanak OKU yang merangkumi sindrom down, autisme, penglihatan, pendengaran, fizikal dan masalah pembelajaran. TASKA bagi kanak-kanak OKU autisme khas adalah TASKA di Sibu, Sarawak. Minggu lepas saya telah melawat mereka dan melihat kerja yang dilakukan oleh mereka;

Ketiga, adalah menawarkan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Buat masa ini, kita ada 554 buah PDK di seluruh negara dan 10 peratus daripada jumlah PDK di Malaysia terletak di Sarawak. Seramai 20,573 orang OKU sedang menerima perkhidmatan di semua PDK di seluruh negara sehingga 31 Disember tahun ini. Kita juga melibatkan pegawai JKM dalam program advokasi, majlis-majlis kerajaan dan NGO juga untuk memberi kesedaran mengenai autisme.

Penyebaran maklumat autisme melalui media massa sedang berjalan. JKM bekerjasama dengan pihak penyiaran seperti televisyen dan radio untuk menyebarkan maklumat berkaitan autisme. Sebagai contoh, pegawai JKM menjadi tamu di televisyen seperti Selamat Pagi Malaysia, Wanita Hari Ini dan tamu di radio seperti Radio NASIONALfm, IKIM dan sebagainya bagi menyebarkan maklumat dan perkhidmatan yang disediakan untuk kesejahteraan OKU.

Jadi buat masa ini, kita mengajar komuniti untuk melihat tanda-tanda autisme seperti suka bermain sendirian, hilang tumpuan dan kurang mimik muka, tingkah laku yang berulang dan hanya berminat terhadap satu ataupun dua perkara sahaja. Dengan adanya program-program kesedaran seperti ini, saya percaya pendaftaran akan meningkat. Terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih, soalan tambahan saya. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri atas respons dan data yang diberi. Saya masih berpandangan bahawa masyarakat masih tidak memahami isu autisme terutamanya di kawasan pedalaman dan juga saya merasakan masih banyak kerja yang perlu dilakukan dari segi penyampaian.

Saya juga ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, adakah kerajaan mempunyai satu badan ataupun *regulatory body* untuk mengawal perkhidmatan ataupun harga-harga yang dikenakan kepada ibu bapa untuk mendapatkan perkhidmatan untuk merawat penyakit autisme? Saya juga ingin bertanya, adakah pihak kerajaan akan menggunakan kaedah *cross-party* ataupun untuk menangani isu autisme ini, kita bergerak bersama-sama tidak kira mengira parti? Itu soalan saya.

Puan Hannah Yeoh: Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat. Buat masa ini di bawah JKM, kita tidak ada *regulatory body* untuk mengawal harga-harga ataupun yuran yang dikenakan oleh NGO di luar untuk memberikan perkhidmatan kepada golongan keluarga yang memerlukan perkhidmatan autisme.

Cuma, untuk kempen mengerakkan program pendaftaran OKU, saya setuju kita harus bergerak bersama kerana statistik sekarang, trend dunia sedang meningkat. Kita anggarkan satu dalam 59 kanak-kanak dijangka mempunyai autisme. Jadi saya meminta kerjasama Ahli-ahli Parlimen, kalau boleh perbanyakkan program pendaftaran di kawasan masing-masing. Boleh jemput pegawai JKM daerah di tempat masing-masing untuk banyakkan pendaftaran OKU. Bukan sahaja untuk autisme tetapi bila kita masuk kampung semua, kita bagi kesedaran.

Cuma untuk autisme ini, kadang-kadang, tanda-tanda ini ibu bapa keliru kerana ada yang *speech delay* itu, ibu bapa rasa ini bukan masalah. Jadi ada yang terlambat untuk dapatkan *early intervention*. Kita sedang bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Pendidikan. Kementerian Pendidikan tahun ini telah memperkenalkan *Zero Reject Policy* yang kita lihat sangat bagus untuk memberikan dorongan kepada ibu bapa untuk daftarkan supaya anak-anak mereka — sekarang ini kad OKU kita juga ada sub-kategori. Jadi autisme akan ditulis atas kad OKU supaya mereka senang mendapatkan perkhidmatan dan rawatan. Bila mereka pergi mananya sekarang, ada satu *recognition*, dengan izin bahawa autisme ini adalah satu golongan yang kita tahu, golongan populasi ini semakin meningkat dan kita perlukan banyak lagi intervensi daripada semua pihak kementerian.

Akan tetapi saya cadangkan, kalau Yang Berhormat hendak buat ‘Jom Pendaftaran’ di kawasan Yang Berhormat, boleh maklumkan kepada pegawai daerah, JKM. Saya pastikan walaupun adalah ‘GPS’ kerana isu kebijakan, kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan kena bekerjasama di bawah *Federal Constitution* juga adalah *is a joint responsibility* untuk memberikan perkhidmatan kepada penduduk. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Banyak kali sudah bangkit, *alhamdulillah*, Tuan Yang di-Pertua bagi peluang.

Yang Berhormat Menteri, saya tertarik bila Yang Berhormat Menteri sebut tentang PDK. Saya pernah menjaga tiga PDK di dalam kawasan saya. Isunya sekarang ini adalah tentang kewangan atau perbelanjaan. Memanglah menguruskan kanak-kanak autisme, kanak-kanak OKU dan sebagainya. Mereka ini diuruskan di PDK sampai umur 18 tahun. Jadi, jumlahnya begitu ramai.

Jadi, apakah langkah-langkah dan persediaan pihak kerajaan untuk memberikan sumber kewangan yang cukup, supaya golongan ini mendapat kebajikan dan layanan yang cukup istimewa? Adakah kita mempunyai cadangan untuk menggalakkan, malah kalau boleh mewajibkan pihak swasta menjalankan CSR secara mengambil PDK ini sebagai anak angkat? Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Terima kasih. PDK ini sekarang dikendalikan oleh NGO-NGO yang berdaftar. Saya cadangkan buat jangka waktu pendek sekarang, saya minta Ahli-ahli Parlimen turunkan peruntukan masing-masing untuk PDK di kawasan. Kalau kita turunkan RM20 ribu ataupun RM10 ribu untuk bantu satu PDK—buat jangka masa pendek. Saya percaya boleh membantu mereka.

Keduanya, adalah untuk *engagement* dengan NGO, sedang berterusan. Setiap kali apabila saya dijemput untuk program-program CSR, saya meminta mereka spesifik untuk bantu dan jangan hanya berikan duit tetapi kita tidak ada pengawalan. Jadi saya minta kalau boleh – Media akan melaporkan ini juga – Untuk syarikat-syarikat yang mahu memberikan dana untuk CSR, boleh menghubungi JKM supaya kita ada *directional approach* menepati sasaran untuk golongan yang memerlukan ini.

Jangka masa panjang, saya percaya seperti semua kementerian dan semua kumpulan sasar yang lain, kita selalu berebut untuk dapatkan peruntukan yang lebih daripada Kementerian Kewangan untuk membiayai perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan. Terima kasih.

9. Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah jaminan keselamatan terhadap kedaulatan Malaysia daripada ancaman pengintipan:-

- (a) apabila Malaysia komited untuk kekal menggunakan teknologi syarikat gergasi China, Huawei; dan
- (b) apabila Malaysia menerima 12 buah "surveillance drones" bernilai RM80 juta daripada Amerika Syarikat secara percuma.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Gobind Singh Deo]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Soalan berkenaan dengan Huawei dan juga 12 buah dron yang diberikan daripada Amerika Syarikat kepada kita secara percuma.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai jaminan keselamatan kedaulatan Malaysia terhadap ancaman pengintipan. Kementerian Komunikasi dan Multimedia menerusi agensinya iaitu *CyberSecurity Malaysia* dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berupaya untuk melaksanakan penilaian produk-produk dan juga sistem-sistem ICT untuk kita memastikan bahawa fungsi keselamatan produk dan sistem tersebut mematuhi piawaian dan juga garis panduan kerajaan yang telah pun ditetapkan.

■1200

Tuan Yang di-Pertua, penilaian ini berdasarkan piawaian antarabangsa yang dikenali sebagai ISO/IEC 15408-*Common Criteria* sehingga peringkat pensijilan *Evaluation Assessment Level 4* (EAL4). Pada peringkat ini, Tuan Yang di-Pertua, kod sumber ataupun *source code* akan dinilai oleh makmal bagi memastikan pematuhan kepada profil perlindungan ataupun *protection profile* yang telah pun dibangunkan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat produk-produk *Huawei* seperti kamera IP, tembok api iaitu *firewall*, suis rangkaian yang kita sebut sebagai *network switch*, penghala *also commonly known as routers* dan perisian yang mendapat penilaian dan pensijilan berdasarkan standard antarabangsa seperti ISO 15408-*Common Criteria*.

Selain daripada itu, bagi kita memastikan kerahsiaan maklumat seperti yang dihantar dalam talian, kerajaan telah pun membangunkan Dasar Kriptografi Negara untuk melindungi keselamatan maklumat melalui pelaksanaan infrastruktur kriptografi yang boleh dipercayai. Hal ini dapat mengatasi masalah kebocoran maklumat di ruang siber serta juga kesahihan maklumat.

Seterusnya, dalam menyokong dasar ini, *CyberSecurity Malaysia* sedang membangunkan penilaian Algoritma Kriptografi Negara, membangunkan satu skim yang dikenali sebagai Skim Kriptografi Tempatan (*Malaysia Cryptography Module Validation Scheme*) serta menaik taraf makmal penilaian kriptografi berdasarkan keperluan piawaian antarabangsa FIPS 140 dan skim tempatan MyCMVP.

Sehubungan dengan itu juga, *CyberSecurity Malaysia* sedang membangunkan Portfolio Algoritma Kriptografi Terpercaya Negara iaitu senarai algoritma kriptografi terpercaya negara yang dinamakan MySEAL. Projek ini, Tuan Yang di-Pertua,

menyediakan senarai algoritma kriptografi yang sesuai bagi pelaksanaan dalam konteks negara kita iaitu Malaysia.

Berkenaan penggunaan peranti 5G dan dron, *CyberSecurity Malaysia* boleh, Tuan Yang di-Pertua, mengendalikan penilaian kerentanan dan ujian penembusan iaitu *vulnerable assessment and penetration test* terhadap peranti-peranti tersebut bagi memastikan keselamatan siber.

Amerika Syarikat, Tuan Yang di-Pertua, melalui program *Maritime Security Initiative* ataupun dikenali sebagai MSI, Yang Berhormat, telah menawarkan bantuan dalam bentuk keupayaan aset dan kapasiti iaitu melalui latihan kepada negara-negara rakan termasuk Malaysia bagi meningkatkan *Maritime Domain Awareness* (MDA) ini di rantau Asia Tenggara. Program ini, Tuan Yang di-Pertua, dibiayai sepenuhnya oleh pihak Amerika Syarikat.

Berhubungan dengan pemberian 12 unit dron kepada Malaysia, ia juga merupakan sebahagian daripada bantuan di bawah MSI. Dron tersebut dikawal sendiri oleh Malaysia dan akan digunakan bagi tujuan mengawas dan meninjau di kawasan perairan negara khususnya di kawasan Sabah. Selain daripada Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, beberapa buah negara lain turut dimaklumkan menerima bantuan yang sama iaitu Filipina, Indonesia dan juga Vietnam.

Bagi jaminan keselamatan terhadap kedaulatan negara dan ancaman pengintipan, Kementerian Pertahanan, saya dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, melalui Angkatan Tentera Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Siber, Lembaga Komunikasi Elektronik dan Jawatankuasa Kripto yang berperanan untuk memeriksa dan mengekang kebocoran maklumat atau data yang dikumpulkan melalui aset-aset pertahanan negara yang dibeli atau diterima daripada luar negara. Pihak ATM telah menentu sahkan selamat daripada intipan.

Selain itu, Kementerian Pertahanan sentiasa mengkaji setiap bantuan kelengkapan yang bakal diterima dari Amerika Syarikat mempunyai *memorandum of understanding* (MoU) atau perjanjian teknikal tertentu yang tidak mengikat dan tidak menjelaskan keselamatan dan maklumat sulit negara kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Tuan Yang di-Pertua, saya menerima baik jawapan Yang Berhormat Menteri dan amat berpuas hati. Tiada soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Jasin. Silakan

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya telah mendapat maklum bahawa

dron yang akan dibekalkan oleh Amerika Syarikat ini akan dioperasi dan diselenggarakan oleh tentera Amerika Syarikat untuk satu jangka masa sebelum ia diserahkan kepada tentera Malaysia.

Adakah negara kita berkongsi maklumat—kerana Amerika Syarikat mempunyai kepentingan dalam perairan negara kita. Itu pertamanya. Kedua, saya hendak bertanya, apakah keperluan pihak kerajaan menjalankan *wiretapping* yang sebenarnya melanggar hak asasi manusia? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan kedua itu terkeluar sedikit ya.

Tuan Gobind Singh Deo: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua itu tidak termasuk dalam skop soalan yang telah pun dikemukakan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, soal berkenaan dengan dron ini sebenarnya adalah soal yang perlu ditujukan kepada Kementerian Pertahanan. Akan tetapi apabila saya minta penjelasan pagi tadi, saya dimaklumkan bahawa apa yang berlaku adalah dron-dron ini telah pun dinilai oleh Kementerian Pertahanan dan di dalam keadaan tersebut, ia telah pun ditentu sahkan bahawa memang ia selamat. Dron-dron ini telah pun dilihat di tempat di mana ia disediakan sebelum dihantar ke Malaysia. Kemudian selepas ia akan dihantarkan ke Malaysia dan beroperasi di sini, memang juga ada penilaian yang akan dijalankan.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga dimaklumkan bahawa bukan sahaja melalui Kementerian Pertahanan tetapi kita juga ada agensi di sini seperti mana saya sebut *CyberSecurity Malaysia* yang mana penilaian boleh dilaksanakan berkenaan dengan keselamatan dron-dron ini.

Kita kena faham, Yang Berhormat, sebenarnya skim ini bermula sejak kerajaan terdahulu pada tahun 2016, bukan sahaja sekarang. So, ini soalan yang patut difikirkan oleh pihak sana sebelum melaksanakan projek ini. Akan tetapi kerajaan yang baru telah pun melihat dengan serius perkara ini kerana kita tidak mahu orang menyatakan seperti mana disebut oleh Yang Berhormat tadi bahawa dron-dron ini digunakan untuk pengintipan dan sebagainya. Jadi, dalam keadaan tersebut, Yang Berhormat kena faham ada dua agensi kerajaan yang melihat perkara ini. Satu, melalui MinDef ataupun Kementerian Pertahanan dan satu lagi melalui kementerian saya. Kedua-dua kementerian telah pun melaksanakan dan membuat penilaian dan telah pun menentu sahkan bahawa ia selamat daripada perkara ataupun ancaman intipan yang telah pun dibangkitkan dalam soalan pagi tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh sebab masa tidak mengizinkan, sesi pertanyaan bagi jawab lisan ditamatkan di sini sahaja ya.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

**RANG UNDANG-UNDANG
SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU POLIS 2019**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis dan untuk mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan kuasanya termasuklah perkara yang berhubungan dengan aduan salah laku, siasatan salah laku, prosiding untuk menangani salah laku dan sebagainya dan mengenai perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

12.09 tgh.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 2019 di nombor 1 dan Usul-usul Menteri Kewangan di nombor 4 dan 5 serta Usul-usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri di nombor 6 dan 7 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Tuan Yang di-Pertua: Disokong oleh?

Menteri Pengangkutan [Tuan Loke Siew Fook]: Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

■1210

Tuan Yang di-Pertua: Ya, siapa yang hendak... *[Disampuk]* Dua Aturan Mesyuarat? Baiklah ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, semalam selepas Tuan Yang di-Pertua menolak usul di bawah Peraturan Mesyuarat 36(12) dan berlaku bantahan daripada pihak pembangkang, Tuan Yang di-Pertua telah pun menasihatkan supaya saya membawa usul persendirian untuk mencabar dan juga supaya Tuan Yang di-Pertua boleh mengkaji semula keputusan tersebut. Jadi petang semalam, saya sudah pun menghantar usul persendirian di bawah Perkara 43 supaya dapat dibahaskan semula ataupun dikaji semula keputusan yang dibuat. Itu yang pertama.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua juga mengeluarkan petua semalam menasihatkan saya supaya dikemukakan usul supaya dibahaskan laporan PAC yang kita perbincangkan semalam dan tidak dipersejui untuk dibahaskan. Jadi, saya juga telah pun menghantar surat dan juga usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2) supaya kita dapat membincangkan penyata PAC yang telah pun dibentangkan. Jadi, saya mohon hari ini untuk mendapatkan maklum balas dan keputusan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Seperti biasa, saya sudah pun menandatangani surat jawapan, belum dapat lagi ya? Belum bagi lagi ya? *[Disampuk]* Oh! Okey. Jadi, tidak mengapa. Saya ringkaskan. Malangnya, notis yang diterima semalam adalah pada pukul 6.30 petang. Jadi mengikut peraturan mesyuarat, ia di luar tempoh. Jadi oleh sebab itu, saya terpaksa menolak kedua-dua permohonan. Akan tetapi ini tidak bermakna bahawa usul tidak boleh dikemukakan sekali lagi untuk dibahaskan laporan PAC itu di mesyuarat yang akan datang dan juga untuk melakukan semakan terhadap *ruling* yang saya buat hari itu. Ini termaktub dalam Peraturan Mesyuarat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak bincangkan selepas ini, bermakna pada bulan Oktober baru kita bincangkan. Pada 7 Oktober 2019 itu baru pembentangan Bajet dan sebagainya, jadi terlalu lambat untuk kita bincangkan sedangkan isu ini adalah isu semasa yang perlu dibahaskan dengan segera. Jikalau tidak, isu ini akan berpanjangan bukan sahaja di dalam Dewan,

tetapi juga di luar Dewan. Perkara ini tidak boleh selesai. Jadi, kita cuma hendak membahaskan perkara ini dan kita hendak dengar jawapan pun daripada pihak Yang Berhormat Menteri ataupun Yang Berhormat Bagan untuk *defend* diri dia. Dia mempunyai hak untuk *defend* diri dia dan selepas itu dibentangkan untuk undi. Saya yakin kalau undi pun, kita kalah sebab lebih ramai hendak *simple majority* sahaja. Akan tetapi kita mahu diberi peluang untuk berbahas.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mengikut Peraturan Mesyuarat. Kalau saya tidak ikut pun nanti orang kata *useless Speaker* dan sebagainya. Jadi, saya faham-fahamlah... *[Dewan riuh]*.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Banyak pun tidak ikut.

Tuan Yang di-Pertua: Mengikut Peraturan Mesyuarat, saya tidak akan ke mana-mana. Bulan Oktober pun saya ada di sini, jadi saya tidak ada masalah. Itu keputusannya. Aturan Mesyuarat yang kedua, ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ada dua peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang cukup dahsyat yang saya akan bentangkan. Pertama ialah Peraturan Mesyuarat 36(7) iaitu kita tidak boleh menyentuh sifat-sifat Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja. Akan tetapi Parlimen ini telah menerima soalan daripada Labis pada 10 Julai 2019 yang meminta penjelasan tentang elaun Yang di-Pertuan Agong dan juga lain-lain kemudahan. Kita menyentuh sifat dia, sepatutnya Parlimen tarik soalan ini. Kita ada Yang Berhormat Menteri Parlimen, dia kena tarik. Oleh sebab ini kita menyentuh Yang di-Pertuan Agong. Seolah-olahnya Parlimen menghina Yang di-Pertuan Agong, padahal kami puak-puak pembangkang tidak akan berbuat demikian dan tidak akan tanya soalan. Soalan ini pula daripada Johor. Bagaimana kita benarkan soalan yang sedemikian rupa ditanya dan selepas itu kita masukkan nombor 104. Saya minta hari ini Parlimen membuat keputusan tarik balik nombor 104 dan tidak menjawab kepada Yang Berhormat Labis.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Setuju, setuju.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kita menghina Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Pang Hok Liang [Labis]: Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Menghina Raja-raja.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Ini berniat jahat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini hendak menghina Rajakah? Tidak sokong Rajakah?

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Yang Berhormat Arau, sekurang-kurangnya saya tidak mencabul gadis umur bawah.

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh].

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, kita akan lihat soalan 104 ya? Tarikh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tarikhnya ialah 10 Julai 2019. Eh! Bangsat Yang Berhormat Labis. Hey, babi!

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua.

[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh].

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau. Amaran ya, amaran. Ini hari terakhir, tarik balik, tarik balik, tarik balik. *[Dewan riuh].* Tarik baliklah Yang Berhormat Arau . Tarik balik, tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order* yang kedua, okey. Peraturan Mesyuarat 3(12).

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, dia tidak tarik balik lagi.

[Pembesar suara dimatikan].

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang dituduh di sebelah sana?*[Dewan riuh].* Apa dia? Yang Berhormat, ini *warning* yang kedua. Akan tetapi di sebelah sana, apa yang disebut?*[Dewan riuh].*

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dia cakap rogol bawah umur. Cabul bawah umur.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, tarik balik itu pun.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, tidak Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Labis tidak sebut siapa.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Itu perogol bersiri itu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Kalau ada orang makan cili, dia rasa pedas.

Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]: Yang Berhormat Labis, Yang Berhormat Labis tarik dahulu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Labis tidak rujuk kepada siapa-siapa. Akan tetapi kalau ada...

Tuan Yang di-Pertua: Tarik balik, tarik balik. *[Dewan riuh]* Tarik balik, tarik balik Tarik balik. Itu siapa dia? Yang Berhormat Labis ya? Yang Berhormat Kuala Nerus sila

duduk. Yang Berhormat Labis, adakah Yang Berhormat Labis akan menarik balik perkataan “rogol”.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak merujuk kepada Yang Berhormat Arau tadi.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Bohong-bohong, dia tuju kepada Yang Berhormat Arau.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Soalan 104 daripada Yang Berhormat Labis.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Saya tidak rujuk secara *specific*.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tengok, hendak berlindung. Penipu! Pembohong!

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya pun tidak kata kepada ini. Saya kata ... *[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya terpaksa mengulangi kata ini, perkara ini sekali lagi. Orang luar melihat perangai kita di dalam Dewan dan di hadapan kita pada hari ini adalah murid-murid sekolah. Jadi, Yang Berhormat Labis sila tarik balik dan Yang Berhormat Arau sila tarik balik. *[Dewan riuh]* Kalau tidak, kedua-duanya akan saya jemput untuk keluar. *[Dewan riuh]*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Labis sila tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tidak tarik, macam mana saya hendak tarik?

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya pun tarik balik, tidak ada masalah. Akan tetapi soalan anda akan dikeluarkan. Kedua, *Point of Order 36(12)...*

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, ini belum diputuskan lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. *[Ketawa]*.

Tuan Yang di-Pertua: Kedua-duanya tidak mahu tarik balik?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sudah tarik sudah.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, sudah tarik.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Dua-dua sudah sebut tarik balik tadi.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Saya sudah tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak dengar.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sudah tarik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sudah tarik sudah, sudah tarik sudah, kami dengar. Kami dengar, sudah tarik.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sudah tarik Speaker.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tarik, saya tarik, habis cerita.

Tuan Yang di-Pertua: Habis cerita, okey.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, sudah tarik sudah.

Dua-dua sudah tarik sudah.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Selesai, selesai.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, saya sudah dengar sudah. Nombor dua, baik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of Order 36(12).* Kelmarin, kelmarin Yang Berhormat, setelah kita berbincang panjang, dan cukup memalukan depan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dikasihi.

■1220

Kita boleh bincang supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan menarik balik perkataan-perkataan ‘*perampok*’ kerana PAC telah mengesahkan kita tidak merompak dan Tuan Yang di-Pertua telah mengarahkan supaya Yang Berhormat Bagan tarik balik. Dia tidak tarik balik kenyataan yang mengelirukan Dewan. Jadi saya minta, Yang Berhormat membuat keputusan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Di bawah 44.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua sedikit. Ayat Yang Berhormat Arau bukan *perampok* tetapi perompak *bong*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Perompak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau menggunakan bahasa Indonesia.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Bisa, bisa aja pak.*

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Ya. Yang Berhormat Pendang betul. Perompak.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Bahasa *bibik* itu. Bahasa *bibik*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. Tuan Yang di-Pertua. Saya duduk di sini dengan Yang Berhormat Kuala Krau semalam. Yang Berhormat Kuala Krau berhujah dan suruh saya duduk. Saya duduk. Saya nampak Tuan Yang di-Pertua telah meminta, merayu-rayu supaya Yang Berhormat Bagan tarik. Yang Berhormat Bagan tidak tarik. Dia berdegil-degil.

Di bawah Peraturan 44(1)(2). Jadi Tuan Yang di-Pertua boleh menghukum mana-mana Ahli yang tidak mahu mengikut peraturan supaya digantung satu hari. Saya

kesiankan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dilantik oleh mereka tetapi secara peribadi kami menyokong Yang Berhormat. Jadi janganlah— Yang di-Pertua beri nampak adil. Nanti di akhirat Tuan Yang di-Pertua akan jawab dengan Allah SWT yang Yang Berhormat adil ka tidak adil.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya minta tolong. Yang Berhormat tolong supaya— Dia tidak mahu tarik. Walaupun— saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, kerana mulutnya pasaran saham sejak saya berada di Parlimen tiga minggu jatuh. Habis kami termakan jari.

Sebab apa? Mulut Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak dijaga dengan baik. Jadi saya minta.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Supaya. Dia mengaku.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua. Saya minta Yang Berhormat Arau supaya berjaga-jaga. Kalau hendak menunjukkan peraturan kita bahas tetapi jangan buat kenyataan macam itu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Apa yang ..

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Seorang-seoranglah. Seorang-seorang. Dah habis? Dah habis tidak? Ya. Yang Berhormat Jelutong. Apa masalahnya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong. Apa yang saya harus berjaga-jaga?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya menghormati kalau Yang Berhormat Arau ingin menunjukkan sesuatu kesilapan. Akan tetapi jangan buat kenyataan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan perlu jaga mulut dan sebagainya.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Memang kena jaga mulut kalau sudah tidak betul.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya belum habis lagi. Saya belum habis lagi. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ya. Silakan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Jelutong itu yang kena jaga mulut itu. Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey. Saya tidak mahu tarik balik lagi perkataan jaga mulut. Jaga kenyataan-kenyataannya agar tidak menjelaskan pasaran saham.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya pada hari ini ingin sekali lagi merakamkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana kita ada murid-murid sekolah di sini.

[Dewan riuh]

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Selalu pun samalah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Biar saya habis dahulu Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Bagi kesempatan kepada Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Jelutong nampak baik hari ini.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Siapa tidak kenal siapa Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Saya diberi amanah mengalu-alukan kehadiran pelajar dan guru-guru dari Sekolah Taman Desa Skudai

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Peraturan 10. Peraturan Yang Berhormat Arau punya.

Tuan Yang di-Pertua: Selamat datang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Selamat datang adik-adik, hai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Berbalik kepada isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau biar saya habis dahulu. / waited for you to finish, dengan izin. Saya di sini ingin. Yang Berhormat Arau sudah habis? Belum habis?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya saya belum habis lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Arau sudah habis belum?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada sedikit lagi. Yang Berhormat boleh minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Kita dengar Yang Berhormat Arau dahulu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya seorang yang baik Yang Berhormat Jelutong. Tidak ada masalah. Saya kawan baik Yang Berhormat Bagan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Jelutong ini peningkah atau macam mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kawan peribadi baik. Dia ketua menteri. Saya ketua menteri dahulu. Kami kawan baik. Akan tetapi saya minta supaya perkataan tersebut jangan mengelirukan Dewan. Kita sudah berbincang semalam dan bila dia berdegil-degil tidak payah gantung satu hari *dah* tetapi diberi amaran bahawa jangan buat lagi. Okey? Yang itu pun cukup.

Kami ini orang baik kalau tidak kami tidak sokong pindaan Perlembagaan. Dua hari kami sokong. Kalau kami tidak sokong, kalah. Hari pertama 211, kami sokong. Kalau hari yang kedua kelmarin dapat 158 tetapi kalau kami tidak sokong, saya rasa – saya tidak dapat maklumatlah sebab Parlimen tak nak kawan saya sekarang. Saya rasa kalau kami tidak sokong juga usul tidak lepas. Kami sokong.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: SUDR baiklah. Janganlah kata macam itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itu saya minta supaya perkataan perompak itu. Yang Berhormat Jelutong saya minta *you* kawan baik dengan Yang Berhormat Bagan. Kelmarin *you* macam peluk-peluk. Tolong bagi tahu kepada Yang Berhormat Bagan supaya. Tariklah habis cerita. Sebab apa? Kita hendak jaga supaya rakyat Malaysia hidup aman, damai dan harmoni dan tidak ada lagi perkataan-perkataan komunis dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Yang Berhormat Jelutong. Secara ringkas.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak akan merujuk kepada kenyataan terakhir Yang Berhormat Arau. Akan tetapi saya ingin menyatakan di sini. Kenapa perlu Yang Berhormat Bagan menarik balik kenyataan tersebut? Kerana laporan PAC dengan jelas menunjukkan bahawa beberapa prosedur tidak dipatuhi. So saya di sini .. *[Dewan riuh]. [Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Biar saya jawab. Saya tahu kelmarin ini akan menuju – Sila dengar Yang di-Pertua sebentar. *[Disampuk]* ..Bukan saya tidak hendak sekolahkan dia. Sesiapa pun saya tidak mahu sekolahkan.

Saya hendak merujuk kepada *ruling* semalam dan apa yang disebut pagi tadi juga oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang tentang usul. Jadi perkaryanya senang kalau sesiapa sahaja yang tidak menerima keputusan Tuan Yang di-Pertua buat usul dan saya telah pun cadangkan. Saya cadangkan sekali lagi buat usul sekali lagi supaya dapat di dengar bulan Oktober sebab tidak sempat hari ini dan hari Jumaat memang kita tidak bersidang.

Jadi itulah kesudahannya. Saya tidak boleh menyatakan *ruling* saya ditarik balik sendiri. Tidak boleh. *Ruling* adalah muktamad. Itu sahaja. Saya ingin merujuk kepada...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Parlimen berdegil-degil macam mana Tuan Yang di-Pertua hendak buat? Dia berdegil-degil.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau berdegil-degil?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua kata perompak tidak boleh pakai. Sekarang ini kita tengok 44(2) Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah. Tidak payahlah Yang Berhormat Arau. Ini sudah pun diputuskan.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Jangan buang masa lah Yang Berhormat Arau.

Tuan Yang di-Pertua: Memberi kesempatan untuk memfail secara mengikut peraturan mesyuarat untuk menyemak kembali keputusan saya. Saya tidak mengatakan keputusan saya selalu betul. Kalau tidak betul kita bahas semula bulan Oktober.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang fail yang hendak lihat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak. Tidak. Sudah. Sudah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Last. Last.*

Tuan Yang di-Pertua: Ada satu lagi perkara yang harus diputuskan iaitu yang melibatkan Yang Berhormat Ketereh. Perkara semalam yang sebutkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya punya sudah habis *dah*?

Tuan Yang di-Pertua: *Dah habis dah. [Ketawa]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semalam Tuan Yang di-Pertua telah meminta untuk saya meneliti surat jawapan yang telah dikirim oleh Tuan Yang di-Pertua kepada saya dan saya ucapkan terima kasih atas jawapan Tuan Yang di-Pertua.

Di mana Tuan Yang di-Pertua telah menyatakan setelah meneliti surat jawapan daripada Menteri Luar, Yang di-Pertua mendapati tidak ada prima facie terhadap aduan saya iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar, sewaktu menjawab soalan tambahan daripada Yang Berhormat Pontian telah memberikan jawapan yang salah dan setelah saya semak *Hansard* ternyata jawapan itu salah. Tidak refleks dasar sebenar kerajaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam surat Menteri kepada Tuan Yang di-Pertua, Menteri telah mengaku Timbalan Menteri telah salah faham kepada soalan dan seterusnya berijawapan yang salah. Jadi saya tidak mahu ini polemik misalnya hendak merujuk Timbalan Menteri kepada Jawatankuasa Hak, saya rasa ada jalan keluar yang lain. Saya cuma melihat kepada sudut kemurnian Dewan.

Oleh sebab Menteri dalam jawapan kepada Tuan Yang di-Pertua, mengaku Timbalan Menteri telah salah faham. Maka, dia telah memberi jawapan yang salah. Maka pada saya berpendapat ada prima facie-nya.

Akan tetapi menghormati *ruling* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua, *Hansard* itu yang memberi jawapan yang salah mengenai dasar kerajaan tidak harus dikekalkan. Sebab dengan jelas dalam *Hansard*, Timbalan Menteri menjawab kerajaan akan meneruskan tuntutan semakan kehakiman kepada ICJ berhubung dengan Pulau Batu Putih. Sedangkan undang-undang ICJ dan juga keputusan kerajaan sendiri untuk tidak meneruskan tuntutan. Jadi, jawapan itu *on record* sebab itu saya mencadangkan satu jalan keluar Menteri mesti buat satu kenyataan memperbetulkan dan *expunge statement* itu sebab *statement* itu melibatkan, satu, negara sahabat iaitu Singapura. Kedua, menyentuh International Court of Justice.

Tuan Yang di-Pertua: Sebenarnya Yang Berhormat. Saya memanggil Yang Berhormat berdiri untuk menyatakan pendirian Yang Berhormat. Juga untuk memaklumkan bahawa saya telah membenarkan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri untuk memberi penerangan Menteri pada jam 2.30 petang hari ini. Ini akan menyelesaikan masalah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Memang hakikat itu salahlah.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Boleh saya tambah sedikit Tuan Yang di-Pertua? Pandangan berkaitan dengan Perkara 36.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Sebagai orang lama dalam Parlimen ini. Saya melihat Parlimen kita ini semakin menunjukkan tanda-tanda yang tidak bergerak ke arah yang lebih baik. Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, ini memerlukan peranan semua pihak termasuklah Tuan Yang di-Pertua sendiri.

■1230

Saya fikir ungkapan-ungkapan yang sangat tidak sopan berterusan berulang kali dalam Parlimen ini. Saya percaya Tuan Yang di-Pertua tahu ia datang daripada beberapa personaliti Ahli Dewan ini. Maka, saya mengesyorkan Tuan Yang di-Pertua melakukan amalan seperti mana pernah dilakukan oleh Tun Zahir dahulu, secara diam-diam dipanggil dan— apa istilah saya hendak gunakan memberi penerangan ataupun— sebab nampaknya sebahagiannya dah menjadi satu *habit* untuk tidak menghormati Dewan dengan menggunakan perkataan-perkataan tertentu.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua saya rasa kita ini dah salah anggap. Kita anggap ini pembangkang dan kerajaan tempat berlawan dan tempat nak bergaduh. Tidak betul.

Tuan Yang di-Pertua: Patut ubah istilah ya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Ya. Dalam doa kita Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap hari kita baca doa kita perasan ataupun tidak dalam doa kita menyebut untuk berunding. Di sini tempat kita berunding bukan tempat hendak bergaduh kerana kami pembangkang lawan semata-mata, kerana kerajaan memburukkan semata-semata. Saya fikir budaya ini Tuan Yang di-Pertua mesti mencari jalan untuk memperbetulkan.

Kita malu kalau kita menjadi anggota Dewan kita boleh menunjukkan sikap pembangkang pula menyokong kerajaan beberapa kali. Akan tetapi, ada individu-individu tertentu dalam Dewan yang Tuan Yang di-Pertua tahu. Saya harap Tuan Yang di-Pertua dapat melakukan sesuatu untuk menjaga kemurnian Dewan Parlimen dan kemuliaan Dewan Parlimen di masa-masa akan datang khususnya Perkara 36 dalam peraturan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Itu satu pendapat yang memang bernas. Sebahagian di negeri-negeri luar tidak disebut pembangkang, disebut kumpulan minoriti berbanding dengan kumpulan majoriti. Mungkin kita boleh fikir-fikirkan sama ada ini akan menyelesaikan masalah. Kalau pembangkang tidak semestinya membangkang, kalau kerajaan tidaklah mesti selalu menjawab membangkang dan sebagainya. Kita sama-sama fikirkan untuk matlamat yang terbaik. Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat kah ini?

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Semalam Tuan Yang di-Pertua, sepanjang hari sehingga pagi ini beredar di media sosial yang saya kira boleh menjelaskan reputasi Tuan Yang di-Pertua dan juga Dewan yang mulia ini. Kita di pihak

pembangkang sekalipun, pihak minoriti sekalipun cuba untuk membela dan menjawab. Walau bagaimanapun, kita tidak ada fakta untuk memberikan jawapan. Saya percaya Yang Berhormat sedar bahawa semalam beredar di media-media sosial tentang Setiausaha Akhbar kepada Menteri Kewangan yang dikaitkan dengan Tuan Yang di-Pertua kononnya anak kepada Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak tahu, kita tidak boleh menjawab untuk membela pun. Saya harap kita mendapat penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ini bukan perkara yang saya sorok-sorokkan. Memanglah. Akan tetapi, anak saya umurnya 31 tahun mungkin 32 tahun dan dia bebas untuk bekerja di mana sahaja dan bawah siapa sahaja, ya. Jadi, ini saya ingat bukan penting. Apa yang penting ialah sama ada saya bertindak secara bebas, tidak dipengaruhi oleh sesiapa sekalipun.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berapa mengambil pusing tentang perkara ini. *It's a normal.*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bebas bekerja di mana sahaja. Akan tetapi, apabila kes yang melibatkan Menteri Kewangan dan Yang Berhormat membuat keputusan. Rakyat menganggap dan kita juga menganggap seolah-olah ada wujud *conflict of interest* di dalam membuat keputusan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Mana ada. *No comment. [Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *There is no conflict of interest.* Kita pun tidak tahu perkara ini. Hanya Yang Berhormat pembangkang sahaja hendak bangkitkan, sahaja hendak bangkitkan. Tidak ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Inilah perangai yang disebut oleh Yang Berhormat Ketereh tadi. Inilah perangai dia.

Tuan Yang di-Pertua: Baru kita bincang tentang *the way forward* ya. Duduk, duduk dulu. Baik, *anyway...*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: *Floor* saya, tunggu. Tunggu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hanya memberikan pendapat saya. Perkara kita tidak tahu pun.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tunggu!

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapalah. Sila duduk, sila duduk.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Itu Peraturan Mesyuarat. Lepas saya duduk, bangun. Jangan bangun waktu saya bercakap. Tidak tahu adab ini. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat yang tidak tahu adab, bangkitkan perkara-perkara yang tidak berkenaan.

Seorang Ahli: Ini Dewan yang mulialah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini Dewan untuk membincangkan masalah rakyat.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Duduklah.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan Mesyuarat lagi? Bila kita hendak bermula dengan peraturan yang lain-lain.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 35(6). Berkait dengan apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Akan tetapi, di dalam Peraturan Mesyuarat 35(6) menyatakan seseorang ahli yang berbahas mesti mengisyiharkan kepentingan jika ada melibatkan kewangan termasuk gaji dan sebagainya.

Saya yakin Tuan Yang di-Pertua adalah seorang yang begitu arif tentang undang-undang sama ada undang-undang mengenai peraturan Dewan dan juga *rule of law* di dalam negara kita yang melibatkan *conflict of interest*. Apabila kita sebagai seorang ahli apatah lagi Tuan Yang di-Pertua adalah seorang pemutus dan pengadil di dalam isu-isu yang kita bahaskan, ya Yang Berhormat Jelutong. Mengenai isu yang berkait rapat dengan Yang Berhormat Bagan yang saya sebut di bawah Peraturan Mesyuarat 36(4) di bawah Peraturan Mesyuarat 36(6) semalam. Saya berterima kasih dan menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua yang mengatakan perkataan merompak dan perompak adalah tidak dibenarkan. Terdengar di telinga saya Tuan Yang di-Pertua minta Yang Berhormat Bagan untuk menarik balik perkataan tersebut ataupun memberikan respons terhadap apa yang...

Tuan Yang di-Pertua: Respons, respons.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Respons, ya respons. Saya bersetuju, respons daripada Yang Berhormat Bagan. Reaksi yang saya perhatikan Yang Berhormat bagan kata *no, no*. Itu jelas. Pertama, isunya yang saya hendak sebut adakah Tuan Yang di-Pertua ketika itu merasakan dirinya mempunyai *conflict of interest*. Apabila... *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Kita dengar, kita dengar. Ya, silakan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Yang di-Pertua tidak kacau, Yang Berhormat Jelutong pula sibuk.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Hendak cakap kah? Kalau hendak bercakap saya duduk. Ya, sila, sila.

Tuan Yang di-Pertua: Habiskan dulu, habiskan dulu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Faham pun Tuan Yang di-Pertua minta saya teruskan. Faham pun. Saya agak emosi dan begitu keras semalam kerana ada reaksi kawan-kawan tidak ikut Peraturan Mesyuarat. Apa yang saya rasa semalam adalah satu peristiwa hitam dalam kerjaya saya sebagai Ahli Dewan ini apatah lagi saya pernah duduk di atas kerusi Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Dewan.

Saya terfikir apabila saya dapat *posting* mengatakan bahawa adakah berlaku *conflict of interest* apabila seorang pengadil, seorang pemutus, seorang Tuan Yang di-Pertua yang ingin memutuskan isu mengenai majikan anak Tuan Yang di-Pertua ketika itu. Ini kerana *rule of law*, kalau di dalam apa-apa mesyuarat sama ada mesyuarat kecil, mesyuarat besar apabila melibatkan keluarga, waris terdekat anak, isteri dan suami maka kita akan keluar isytiharkan kepentingan.

Saya merayalah, saya hormat Tuan Yang di-Pertua sebagai Tuan Yang di-Pertua, saya hormat Tuan Yang di-Pertua sebagai Pengerusi Jawatankuasa Mengenai Peraturan-peraturan Dewan untuk mengisyiharkan kepentingan dan menarik balik jadi mempengerusikan kes Yang Berhormat Bagan ini supaya Dewan yang mulia ini menjadi Dewan yang kita cita-citakan, menjadi Dewan *first class* dan menjadi contoh kepada negara yang lain.

Saya ambil satu contoh Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat pekan telah dihadapkan ke mahkamah di dalam kes 1MDB dan ketika itu hakim yang mengendalikan adalah Dato' Indera Mohd. Sofian bin Tan Sri Abd. Razak. Tidak ada kena mengena tali persaudaraan, bukan waris qadim. Akan tetapi, hanyalah kenalan kepada— Dato' Razak itu adalah kenalan kepada Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak Yang Berhormat Pekan.

■1240

Maka, hakim telah ditukarkan serta-merta dan hakim dipindahkan. Kes itu diarahkan untuk didengar oleh hakim yang lain. Saya cukup yakin Tuan Yang di-Pertua mempunyai *bona fide*, niat yang suci, untuk membiarkan rakan-rakan iaitu dua orang lagi untuk mengendalikan kes supaya Laporan PAC, supaya kes mengenai Yang

Berhormat Bagan ini dapat kita pertimbangkan sehalus-halusnya, bagi menjamin, menjaga kemuliaan Dewan dan bagi menjamin supaya spekulasi— yang saya sangat sayang, hormat pada Tuan Yang di-Pertua ini, tidak berterusan. Saya mohon sangat Tuan Yang di-Pertua, dapat menimbangkan kembali supaya *in case* ini kita rayu semula dan didengar serta Tuan Yang di-Pertua ketika itu tidak mempengerusikan Dewan, apabila usul untuk kita menyemak semula rayuan yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang tadi dapat kita dengar di bulan sepuluh, nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Memang, memang... *[Disampuk]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payah jawab. Memang, saya sudah putuskan apabila semakan itu di dengar, tentu sekali saya tidak dapat menjadi Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab semakan adalah terhadap keputusan saya. Jadi, saya setuju. Saya setuju. Akan tetapi menjawab soalan dasar tadi, sama ada *conflict of interest*, saya kira tidaklah. Dari segi kehakiman, peraturannya amat ketat. Oleh sebab dahulu saya bekas hakim, kalau ada sedikit pun perkara yang menyentuh tentang kebebasan dan sebagainya, kita harus *recuse*, menarik diri ya. Akan tetapi di sini saya ingin meyakinkan, kalau tidak terima pun tidak mengapa sebab saya sendiri akan cuba sedaya upaya untuk bertindak secara bebas. Kalau saya tidak bertindak secara bebas, tolol tegur. Sekarang kata saya bertindak tidak bebas, bawa usul. Saya akan tarik diri apabila usul ini dibincangkan. *Because, that is not proper.*

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]: Kesian Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat kita teruskanlah. Tidak apalah, Yang Berhormat Jelutong, duduklah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Sri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Macam Sayidina Abu Bakar *lah*.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, tidak apa, tidak apa. *We have other matters to deal with.*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah, sudahlah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah, tidak payahlah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tidak, satu hari kita membincangkan peraturan mesyuarat.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu persoalan yang hendak... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Tidak payahlah, tidak payahlah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: ...saya hendak sebut, selaku Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya minta Tuan Yang di-Pertua sekali lagi halusi Peraturan Mesyuarat 35(6), Tuan Yang di-Pertua. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik, saya akan perhalusi. Ya, teruskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2019

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.43 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 2019, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pelantikan Jemaah Menteri yang terdiri daripada Perdana Menteri, Menteri dan Timbalan Menteri dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong selaras dengan Perkara 43 dan Perkara 43A Perlembagaan Persekutuan. Manakala, fungsi Menteri dan Timbalan Menteri ditetapkan oleh perintah oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 (Akta 2). Pada masa ini, sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 4, Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 dan subseksyen 8(2), Akta Tafsiran 1948 dan Akta Tafsiran 1967, iaitu Akta 388 - *"Apa-apa rujukan kepada nama jawatan seseorang Menteri dalam mana-mana undang-undang bertulis merujuk kepada Menteri yang ada pada Majlis itu diberi fungsi atau ditanggungkan dengan*

tanggungjawab bagi perkara itu, di bawah undang-undang bertulis, atau kepada Menteri pada masa itu diberi nama jawatan itu”.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 2019 ini adalah digubal susulan daripada penyusunan semula agensi dan fungsi kementerian sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan 2019, iaitu PU(A) 132-2019 yang disiarkan di dalam warta pada 14 Mei 2019. Terdapat beberapa pertukaran nama kementerian yang telah menyebabkan pertukaran nama, jawatan Perdana Menteri dan pemindahan tanggungjawab seorang Menteri kepada Menteri yang lain. Oleh yang demikian, terdapat keperluan untuk menangani sebutan dalam undang-undang sedia ada dan nama jawatan Menteri yang telah bertukar dan fungsi atau tanggungjawab yang telah dipindahkan kepada Menteri yang lain.

Melalui pindaan yang dicadangkan ini Tuan Yang di-Pertua, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang diberi kuasa di bawah Akta Penyemakan Undang-undang 1968 (Akta 1) untuk membuat apa-apa perubahan dalam mana-mana undang-undang bertulis untuk menunjukkan apa-apa pertukaran nama jawatan atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab seorang Menteri atau pertukaran nama satu kementerian dari semasa ke semasa.

Huraian mengenai Rang Undang-undang Penyemakan Undang-undang (Pindaan) 2019 adalah seperti berikut:

Fasal 1 – ia mengandungi tajuk ringkas dan permulaan tarikh kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 – bertujuan untuk meminda seksyen 6 (Akta 1) untuk memasukkan satu perenggan baharu iaitu (xviiia) ke dalam subseksyen (1) untuk memberi Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang kuasa untuk membuat apa-apa perubahan dalam mana-mana undang-undang bertulis untuk menunjukkan apa-apa pertukaran, nama jawatan atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab seorang Menteri atau pertukaran nama mana-mana kementerian dari semasa ke semasa mengikut perintah Menteri Kerajaan Persekutuan yang dibuat di bawah Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 (Akta 2).

Dengan pindaan yang dicadangkan ini Tuan Yang di-Pertua, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang boleh membuat perubahan yang perlu dalam mana-mana

undang-undang bertulis dari semasa ke semasa supaya selaras dengan perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan.

Fasal 3 – bertujuan untuk meminda subseksyen 14(2) yang berbangkit daripada pindaan seksyen 6. Dengan pindaan yang dicadangkan ini, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang akan mempunyai kuasa untuk membuat apa-apa perubahan sebagai mana yang diperuntukkan dalam Fasal 2, yang dicadangkan melalui cetakan semula undang-undang.

Fasal 4 – bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa perubahan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pertukaran nama jawatan atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab mana-mana Menteri atau pertukaran nama mana-mana kementerian itu yang dibuat menurut kuasa sebagai mana yang dicadangkan dalam Fasal 2 dan Fasal 3 hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh pertukaran nama jawatan atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab mana-mana Menteri, atau pertukaran mana-mana kementerian itu.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perenggan 6(1)(vii) (Akta 1), Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang hanya mempunyai kuasa untuk membuat perubahan bentuk tentang nama, tempat, jabatan, pejabat, nama jawatan dan selainnya sebagaimana yang perlu untuk menyesuaikan mana-mana undang-undang dengan hal keadaan Persekutuan pada tarikh bila undang-undang dalam bentuk yang disemak itu berkuat kuasa. Pindaan yang dicadangkan ini akan menjelaskan lagi kuasa sedia ada Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang sebagai mana yang diperuntukkan di bawah perenggan 6(1)(xvii) (Akta 1) untuk membuat apa-apa fungsi atau tanggungjawab seorang Menteri atau pertukaran nama mana-mana kementerian dalam mana-mana undang-undang bertulis dari semasa ke semasa tanpa perlu membuat pindaan untuk dibentangkan di Parlimen bagi maksud penyelarasan dengan perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan melalui semakan yang berasaskan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada sesiapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Saya sokong, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penyemakan Undang-undang 1968 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

■1250

Saya tidak ada menerima daripada *Whip* mana-mana parti. Saya jemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas— Yang Berhormat Bukit Bendera satu, kemudian Yang Berhormat Pontian, kemudian Yang Berhormat Arau. Saya jemput Yang Berhormat Bukit Bendera.

12.50 tgh.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya, terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya beri masa—boleh 10 minit?

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Beberapa minit cukup.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, 10 minit. Sila Ahli Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan suatu akta untuk meminda Akta Penyemakan Undang-undang 1968. Tadi saya telah mendengar dengan jelas hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan akta ibu adalah telah menjelaskan ia merupakan suatu akta untuk membuat peruntukan untuk menyemak dan mencetak semula undang-undang dan perundangan subsidiari dan ia akan dipakai di seluruh Malaysia.

Hanya 18 seksyen sahaja dalam akta ibu dan dalam pindaan ini saya telah membuat kajian dan semakan dalam cadangan ini, akta mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019 iaitu kelulusan. Saya menanyakan sama ada sempat, tidak sempat kerana dibawa dalam pindaan ini telah menyatakan 1 Ogos 2019, lagi dua minggu begitu sahaja perlu kelulusan Dewan Rakyat, Dewan Negara dan juga Ke bawah Duli Yang di-Pertuan Agong dan diwartakan sama ada masa itu *off the essence*, sama ada sempat kita berbuat demikian.

Saya juga memerhatikan bahawa dalam pindaan Akta Penyemakan Undang-undang 1968 ia punya inti sari untuk membuat perubahan dalam mana-mana undang-undang bertulis untuk menunjukkan apa-apa pertukaran nama jawatan atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab mana-mana Menteri atau pertukaran nama-nama kementerian. Saya memerhatikan bahawa ia adalah satu *procedural*, secara prosedur yang memberikan kuasa kepada Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang untuk membuat apa-apa pindaan dalam undang-undang bertulis dan juga undang-undang subsidiari.

Saya rasa ini lebih kurang prosedur dan tidak melibatkan apa-apa perubahan *substance* terhadap perundangan. Saya ingin juga mendapatkan penjelasan kerana dalam rang undang-undang ini telah menyatakan implikasi kewangan dalam perbelanjaan tambahan yang amannya belum dapat ditentukan sekarang ini. Apakah implikasi kewangan yang akan timbul kerana hanya pertukaran subsidiari dalam rang undang-undang ini? Saya rasa ini ialah *procedural* dan saya ingin menyatakan sokongan saya terhadap rang undang-undang ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Saya jemput Yang Berhormat...

12.53 tgh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya cakap dahulu, saya cakap dahulu fasal— selepas itu petang ini baru Yang Berhormat Pontian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya jemput Yang Berhormat Arau. Ada 10 minit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih. Tidak apa, tidak sampai. Saya hendak beritahu bahawa saya menyokong rang undang-undang ini. Ini bagus cuma saya hendak minta Menteri cuba tengok yang bahasa Inggeris, “*Any change of the style and title, or the transfer of any functions or responsibility,...*” Perkataan sini, “*Any change of the style and title*” tetapi yang terjemahan bahasa Melayu, “Apa-apa pertukaran nama”. Jadi kalau ‘title’ itu namalah tetapi yang ‘style’ itu apa terjemahannya. Itu saya hendak minta. Yang Berhormat tengok fasal 4. Saya tengok yang bahasa Inggeris saya tanya kawan-kawan, *kot* saya tidak berapa pandai. “Style ini apa dalam bahasa Melayu”, saya tanya. Jadi dia tidak diterjemah, jadi itu yang pertama.

Kita hendak bercakap dengan baik. Saya tidak mahu menggunakan bahasa kesat. Saya tidak pernah seumur hidup berbuat sedemikian rupa tetapi terpaksa hari ini sebab orang menghina Raja, saya tidak boleh sebab saya hormat Raja. *[Dewan ketawa]*

Keduanya Yang Berhormat, saya hendak beritahu bahawa undang-undang di Malaysia ini banyak. Boleh dikatakan setiap inci kehidupan kita ada undang-undang tetapi penguatkuasaannya lemah. Jadi, yang ini pun saya minta supaya salah satu yang mesti dilihat supaya jangan undang-undang tinggal undang-undang, penguatkuasaannya lemah. Macam penguatkuasaan undang-undang hutan. Hari ini tadi ada demonstrasi daripada pihak PEKA berhubung dengan masalah pembalakan yang berlaku dengan berleluasa kerana penguatkuasaan undang-undang itu lemah.

Demikian juga undang-undang berhubung dengan buang sampah. Semua tulis dengan hebatnya, denda RM500 tetapi saya percaya orang buang sampah—di tempat notis itu orang buang sampah. Jadi, kadang-kadang kita memikirkan apakah wajar kita kenakan RM500 orang buang sampah tetapi kalau tidak wajar, kenapa buat undang-undang? Undang-undang bila buat, kita kena kuat kuasa. Jadi Yang Berhormat sebagai Menteri Undang-undang yang hebat semasa dahulu Yang Berhormat di sini, Yang Berhormat bercakap macam-macam tentang perkara ini, jadi terutamanya dari segi penguatkuasaan.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, tadi Tuan Yang di-Pertua dengan hebatnya telah mencadangkan supaya digunakan perkataan majoriti dan minoriti. Jadi, kami ini bukan pembangkang minoriti. Kalau tidak nanti, *dok* kerja macam pembangkang kerjanya tampar muka orang sahaja. Padahal kami baik. Padahal kalau tidak, kami tidak sokonglah rang undang-undang umur 18 tahun dan juga persempadanan di Sabah kelmarin.

Akan tetapi oleh kerana perkataan pembangkang itu digunakan, tidak manis. Jadi dalam peraturan Dewan ini, kita guna balik seperti cadangan Tuan Yang di-Pertua tadi dan yang telah dicadangkan oleh kawan-kawan supaya perkataan minoriti akan digunakan.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Yang Berhormat Arau, minta laluan Yang Berhormat Arau. Minta laluan sedikit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, boleh, boleh, sahabat.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Kalau minta pandangan Yang Berhormat Arau sama ada kita, kalau kita boleh bersetuju bahawa perisytiharan atau pertukaran istilah minoriti dan majoriti, kita akan bermula pada sidang akan datang sebagai tarikh penguatkuasaan satu era baharu dalam Parlimen Malaysia.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya mencelah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada minta laluan tidak?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Pengenalan istilah majoriti, minoriti ini *connotationnya* saya beritahu Yang Berhormat Arau, majoriti dan minoriti ini istilah komunis. *Bolshevik* maknanya majoriti, *menshevik* maknanya minoriti. *[Dewan ketawa]* Yang Berhormat Arau tidak setuju komunis tetapi istilah ini diperkenalkan oleh Lenin dahulu. Terima kasih Yang Berhormat Arau. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama sekali cadangan Yang Berhormat Kubang Kerian adalah cukup terbaik. Jangan bermula Parlimen akan datang,

sekarang Tuan Yang di-Pertua boleh pakai. Tidak ada masalah, saya rasa itu yang terbaik dan kita akan mencatat sejarah bahawa kita akan menggunakan perkataan yang tidak menggambarkan pergaduhan. Kemudian tentang Yang Berhormat sebut itu, saya akan jawab secara bertulis nanti ya. *[Dewan riuh]*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau hendak minta sedikit boleh tidak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi dalam keadaan sekarang DAP menguasai kerajaan, sudah pasti perkataan ini amat digemari oleh mereka. Tidak ada masalah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau hendak minta sedikit, boleh?

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau, sedikit laluan Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Hendak bagi laluan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kangar.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Arau tentang istilah majoriti, Yang Berhormat Arau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh, sila. Yang Berhormat Arau bagi laluan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Tadi Yang Berhormat Arau sebut banyak sokongan daripada pihak minoriti terhadap usul turun had usia belia dan juga usia mengundi. Setuju tidak Yang Berhormat Arau kita sebenarnya kena tengok balik undang-undang sebab macam belia, kata 15 sampai 30 pun, 15 ini dalam Akta Kanak-kanak masih juga kanak-kanak. Jadi, bab umur ini pun kita kena banyak buat semakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Arau.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Arau, sedikit laluan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kangar punya pertanyaan boleh masukkan dalam ucapan saya. Yang Berhormat Kubang Kerian, masuk ucapan saya nombor satu.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Kuala Nerus sedikit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya. Kita minta Dewan tangguhkan 1.05 sebab saya tidak sempat.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Setujukah Yang Berhormat Arau, istilah majoriti dan minoriti ini diperkenalkan oleh Islam dalam pendapat ulama, mazhab dan sebagainya. Majoriti dan minoriti bukannya sosialis yang memulakan. Islam mulakan perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Silakan, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini memang masuk dalam ucapan saya, termasuk yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Johor Bahru tadi juga, mesti masuk dalam ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bukan Yang Berhormat Johor Bahru, Yang Berhormat Pasir Gudang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Pasir Gudang, maaf Yang Berhormat Pasir Gudang. Ya Allah Ya Tuhan, fasal rambut putih semua orang belah sana? Jadi, Ahli Parlimen sebelah sana semua rambut putih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dua minit lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, jadi saya minta supaya penguatkuasaan undang-undang dan kita hendak secara telus dibuat tetapi sebelum apa-apa kita teruskan biarlah, Dewan ini berdamai sedikitlah. Saya tidak syok betullah sebab apa cara kita bergaduh ini di tahap luar biasa. Oleh sebab saya percaya DAP telah melantik pasukan-pasukan pukul-pukulan mereka. Cukuplah sebab kita sudah dibagi kuasa, memerintahlah dengan elok.

Di Parlimen ini, biarlah kita bahas dengan elok, cadangan kawan-kawan untuk menggunakan konsep majoriti dan minoriti ini dimulakan oleh Tuan Yang di-Pertua. Adakah Tuan Yang di-Pertua setuju sekarang? Tuan Yang di-Pertua tadi setuju yang Ketua Speaker setuju. Yang Berhormat setuju tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita akan bincang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, ini pasal Tuan Yang di-Pertua cadang kita tidak boleh tolak sebab dia telah buat keputusan.

Kedua Yang Berhormat, saya hendak tanya kita kena telus. Saya hendak tanya kedai tempat orang-orang merokok dahulu sekarang dibuat kedai. Ada dibuat sebut harga tidak sebelum dibuka yang berkenaan. Kuasa siapakah yang meluluskan kedai tersebut? Bukan apa hendak tanya sahaja. Bukan niat untuk menjatuhkan maruah siapa-siapa, tidak. *Wallahi* saya tidak mahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau sila teruskan perbahasan dalam tajuk yang diberikan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini undang-undang, ini undang-undangnya sebut harga. Jadi penguatkuasaan undang-undang tadi. Yang Berhormat, saya tidak pernah lari daripada tajuk tahu, saya cuma memberi contoh-contoh.

Kemudian, akhir sekali Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua iaitu beberapa akta yang dibentang ditarik balik. Kenapa tarik balik? Contohnya pindaan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara. Ini ialah tembakan pihak—Allah, hendak kata pembangkang tidak boleh ya. Pihak majoriti dulu yang menembak kami. Masa itu kami majoriti, tuan-tuan minoriti ya. Menembak kami, Barisan Nasional bahawa kalau kata memerintah, kita akan serta-merta pinda Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara. Sayalah Menteri yang bertanggungjawab, bekas Menteri yang bertanggungjawab kepada kementerian tersebut, membentangkan rang undang-undang berkenaan dan saya telah bagi penerangan panjang lebar kenapa perkataan Perdana Menteri itu digunakan, tidak perkataan Yang di-Pertuan Agong.

Di antara sebabnya ialah punca kuasa. Kalau kita hendak punca kuasa Yang di-Pertuan Agong, kita ambil Perkara 150. Kalau kita hendak punca kuasa Parlimen, Perkara 149 Perlembagaan Malaysia. Jadi oleh kerana perbincangan berdasarkan punca kuasa, saya cukup bersedia untuk membahaskan semula tajuk yang berkenaan. Akan tetapi kalau ditarik balik, tarik balik dankekalkan seperti yang telah dibuat kerana benda ini penting. Kalau sekiranya negara ini menghadapi masalah daripada segi keselamatan, kita boleh isytiharkan kawasan keselamatan, bukan darurat. Jadi kita tersalah faham, pihak pembangkang pun satu. Tidak faham perkataan darurat dengan keselamatan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau, boleh sambung selepas rehat?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oh! Tidak boleh sambung Tuan Yang di-Pertua. Bagi seminit lagi boleh tidak? Hendak tutup sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ha! Seminit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Seminit cukup, seminit. Okey. Jadi dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini dan akan disokong oleh semua pihak. Cuma saya minta semua sekali undang-undang yang ada di negara ini, supaya kuat kuasanya itu dibuat dengan begitu hebat dan dahsyat supaya kita boleh tenteramkan negara dan dalam masa yang sama, pasaran saham akan naik. Saya percaya dengan ucapan saya ini, pasaran saham akan naik sebab dia nampak positif

daripada segi pemikiran kepada pelabur-pelabur. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Majlis berhenti rehat, disambung semula pukul 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan mesyuarat]

PENERANGAN DARIPADA MENTERI LUAR NEGERI DI BAWAH P.M. 14(1)(i)

PENJELASAN LANJUT STATUS KEMAJUAN RUNDINGAN ISU SEMPADAN MARITIM MALAYSIA-SINGAPURA

2.32 ptg.

Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana telah membenarkan saya bangun di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)(i) untuk membuat penjelasan ke atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri pada 2 Julai 2019. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri kini berada di Jeddah Arab Saudi bagi mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Luar Biasa (*Open-Ended Executive Committee*) dengan izin, Pertubuhan Kerjasama Islam OIC di peringkat Menteri-menteri Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri telah memberikan jawapan kepada soalan Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman, Nibong Tebal meminta Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menyatakan status kemajuan rundingan isu sempadan maritim Malaysia-Singapura dan apakah butiran penyelesaian yang telah dipersetujui bersama oleh kedua-dua negara.

Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri memaklumkan bahawa Malaysia dan Singapura telah mengadakan rundingan untuk menyelesaikan isu persempadanan maritim Malaysia-Singapura yang masih belum dimuktamadkan. Usaha-usaha ini termasuk isu:

- (i) had Pelabuhan Johor Bahru di Tanjung Piai dan had Pelabuhan Singapura di Tuas di bawah Jawatankuasa Singapura bagi pembatasan sempadan maritim; dan
- (ii) Sempadan maritim di kawasan Batu Putih, Batuan Tengah dan Tubir Selatan di bawah Jawatankuasa Teknikal bersama Malaysia-Singapura. (MSJTC) bagi melaksanakan penghakiman Mahkamah Keadilan dan Antarabangsa (ICJ).

Berhubung dengan isu persempadanan maritim antara Batu Putih dan Batuan Tengah, Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri telah memaklumkan bahawa mesyuarat ke-8 MSJTC dijangka berlangsung pada bulan Oktober tahun ini. Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri juga telah memaklumkan bahawa proses rundingan ini telah tertunda berikutan terdapat beberapa percanggahan di antara kedua-dua negara dan juga kerana Malaysia telah mengemukakan semakan semula penghakiman kes ini kepada ICJ.

Susulan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tersebut, Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, Pontian pula telah mengemukakan soalan tambahan dengan menyatakan bahawa beliau difahamkan berdasarkan beberapa laporan, kerajaan bercadang untuk menarik diri daripada semakan keputusan ICJ mengenai status Batu Putih. Beliau memohon penjelasan sama ada kerajaan telah menarik diri atau belum berhubung perkara tersebut.

Setelah merujuk dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, saya difahamkan bahawa beliau mengalami kekeliruan dengan soalan tambahan yang diajukan dan seterusnya memberi jawapan yang kurang tepat bagi soalan tersebut. Beliau telah menyatakan bahawa dan saya petik daripada *Hansard*, “*Berkenaan Pulau Batu Putih jadi kita masih lagi komited. Tadi, saya pun sudah sebut bahawa kerajaan akan mengemukakan semakan semula penghakiman kes Batu Putih, Batuan Tengah dan Tubir Selatan ini kepada ICJ dan ini kita akan teruskan.*”

Sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, kerajaan telah mengambil keputusan untuk tidak meneruskan permohonan semakan semula keputusan ICJ berhubung Batu Putih, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada tahun lepas iaitu dalam bulan Mei 2018. Menyedari kesilapan tersebut, saya juga difahamkan bahawa perkara ini telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri pada 3 Julai yang lepas melalui satu wawancara dengan wakil BERNAMA dan menjelaskan bahawa:

- (i) apa yang beliau maksudkan adalah untuk Malaysia meneruskan pelaksanaan penghakiman ICJ menerusi MSJTC dan bukannya semakan penghakiman ICJ;
- (ii) Malaysia akan meneruskan perbincangan dengan Singapura berkenaan pelaksanaan penghakiman ICJ berhubung Batu Putih, Batuan Tengah dan Tubir Selatan; dan
- (iii) Malaysia tidak mengemukakan semula tuntutan ke atas Batu Putih.

Oleh yang demikian, saya yakin dan percaya bahawa tiada sebarang niat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri untuk mengelirukan Dewan berhubung status Batu Putih, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri dengan ini ingin memohon maaf kepada Dewan yang mulia ini dan berharap penjelasan saya pada hari ini dapat membetulkan kekeliruan ini yang timbul semasa sesi jawab lisan pada 2 Julai 2019. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang budiman.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Yang di-Pertua, saya faham penyataan Yang Berhormat Menteri bukan untuk dibahaskan ya cuma saya ambil peluang mencelah. Kalau sekiranya boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan sebab kita tahu enam bulan sebelum tamatnya tempoh sepuluh tahun yang mensyaratkan bolehnya sesebuah negara membuat rayuan. Kerajaan telah pun memfailkan permohonan semakan semula penghakiman berdasarkan kepada penemuan fakta-fakta baharu yang material kepada kes dan asalkan penemuan baharu itu dibawa kepada tuntutan dalam tempoh enam bulan daripada fakta baharu itu ditemui.

Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan berikut dengan Kerajaan Britain mengklasifikasikan dokumen-dokumen tertentu, pasukan Malaysia telah menemui beberapa pernyataan yang boleh dijadikan asas untuk rayuan dan berikut dengan itu kerajaan membuat keputusan untuk mengemukakan satu permohonan kepada ICJ untuk membuat semakan penghakiman. Selepas pilihan raya, apabila bertukar kerajaan, kerajaan baharu yang membuat keputusan untuk menarik balik. Jadi, apakah sebabnya kerajaan menarik balik kerana apabila kita menarik balik, tempoh sepuluh tahun *lapse* dan mengikut peraturan setelah sepuluh tahun tidak boleh lagi semakan penghakiman dibuat. Ertinya kita hilang Pulau Batu Putih buat selama-lamanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Nga Kor Ming]: Sebenarnya di bawah peraturan tetap perkara 14(2) Yang Berhormat Ketereh pun faham, Yang Berhormat Menteri pun faham perkara ini tidak perlu dibahaskan ya. Hendak bagi jelas? sila.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ya, pendek sahaja Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ketereh.

■1440

Sepanjang pengetahuan saya kerana pada masa itu saya belum mengangkat sumpah sebagai Menteri Luar Negeri. Akan tetapi sepanjang pengetahuan saya dan setelah saya memeriksa dengan pegawai-pegawai, pada ketika kerajaan membuat keputusan untuk menarik balik *appeal* itu ialah kerana melihat balik kepada fakta-fakta baharu itu. Kerajaan berpandangan bahawa yang dikatakan fakta-fakta baharu itu tidak mencukupi untuk memperkuuhkan peluang kita untuk merayu semula itu. Sudah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Yang di-Pertua, saya yang terlibat bertanya soalan, sikit sahaja saya ingin buat kenyataan di sini. Terima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri. Saya yang bertanya kepada Timbalan Menteri pada saat dan ketika itu apabila jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kerajaan akan bersetuju membuat semakan di ICJ itu tentang Pulau Batu Putih.

Saya amat berasa gembira dan saya telah memasukkan dalam media sosial saya tentang perkara itu dan kemudian surat khabar juga memaklumkan pada hari yang berikutnya bahawa kerajaan membuat semakan. Saya kira selepas ini, pihak akhbar akan membuat kenyataan bahawa kita tidak lagi menyemak keputusan ICJ itu. Terima kasih atas penjelasan dan saya berbesar hati kerana Yang Berhormat Menteri memohon maaf, tidak seperti Menteri-menteri yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan jawapan dan penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi, sebenarnya tidak perlu *expand* jawapan Timbalan Menteri di bawah peraturan mesyuarat.

Sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Penyemakan Undang-undang 1968 terbuka untuk dibahas. Ya, siapa lagi yang berminat selain daripada Yang Berhormat Pontian? Okey, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Tanjong Karang dan selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab ya. Sila.

2.42 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan fasal 2 dalam huraian dalam pindaan yang disebut. Fasal 2 ada menyebut daripada semasa ke semasa huraianya itu, pertukaran nama boleh dibuat. Pertukaran nama kementerian boleh dibuat daripada semasa ke semasa. Saya ingin mencadangkan untuk tindakan kerajaan bahawa mungkin dalam masa sepenggal, tidaklah kita terlalu banyak kali membuat pertukaran-pertukaran nama kementerian dan nama Menteri.

Mungkin sepenggal cuma maksimum dua kali misalnya. Ini kerana adalah untuk menjimatkan kos dan juga yang penting sekali ialah untuk tidak mengelirukan rakyat. Rakyat yang selalunya tahu satu-satu nama kementerian dan ingin berurusan atas agensi-agensi di bawah kementerian itu tidak akan terkeliru. Ini kerana kalau pertukaran nama kementerian, maka dia akan melibatkan juga perkara-perkara yang membabitkan rakyat dan urusan rakyat sehari-hari. Jadi, saya ingin mencadangkan bahawa walaupun daripada semasa ke semasa boleh ditukar nama tetapi hendaklah kita adakan kaedah arahan supaya tidak lebih mungkin daripada dua kali dalam sepenggal pemerintahan.

Kemudian, fasal 4 dalam rang undang-undang ini menyebut perkataan, “*Mana-mana Menteri*”, hanya disebut Menteri sedangkan dalam Perlembagaan, istilah yang lebih tepat digunakan ialah “*Jemaah Menteri*” ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Perkara 43 dalam Perlembagaan menyebut perkataan “*Jemaah Menteri*”. Dalam Perlembagaan, Perkara 43A ialah “*Timbalan-timbalan Menteri dalam Jemaah Menteri*” itu. Perkara 43B dalam Perlembagaan, “*Setiausaha-setiausaha Parlimen*”. Perkara 43C dalam Perlembagaan, “*Setiausaha-setiausaha Politik*”. Empat jawatan ini adalah anggota pentadbiran iaitu Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik.

Jadi pada saya, dalam fasal 4 rang undang-undang ini, perkataan “*Mana-mana Menteri*” itu mungkin boleh dipindah kepada mana-mana perkataan disebut perkataan “*Jemaah Menteri*” kerana Jemaah Menteri itu akan memasukkan “Timbalan Menteri”, “*Setiausaha Parlimen*”, “*Setiausaha Politik*”. Walaupun Setiausaha Parlimen kita tidak ada sekarang, sebelum ini kita ada tetapi Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik ada. Jadi, jawatan ini ada dalam Perlembagaan, bukan hanya Menterinya yang bertukar nama jawatan, Timbalan Menterinya juga bertukar nama jawatan dan Setiausaha Politiknya juga bertukar nama jawatan. Itu perkara yang kedua yang saya ingin timbulkan.

Perkara ketiga ialah walaupun kita boleh menukar nama-nama kementerian dengan mudah tetapi saya kira kita perlu meneliti sebelum hendak ditukar nama-nama kementerian ini. Ini Menteri kita daripada Bakri ada. Kementeriannya disebut Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Panjang namanya ya. Kalau kita fikir secara logik, perubahan iklim itu sudah berada dalam alam sekitar. Jadi kemungkinan cuma Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, ia lebih meringkaskan.

Kemudian, kalau kita secara mudah-mudah menukar nama kementerian ini tanpa teliti, Kementerian Pendidikan. Dahulu kita ada pecahan dua, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi. Kemudian, kita gabungkan balik. Kenapa kita pecah dua? Kita pecah dua kerana Kementerian Pendidikan itu terlalu besar. Sekolah rendah 7,772 buah, sekolah menengah 2,436 buah. Jumlah, 10,208 buah sekolah. Pelajar sekolah rendah 2.7 juta orang pelajar, sekolah menengah dua juta orang pelajar. Jumlah 4.9 juta orang pelajar atau lebih kurang lima juta pelajar. Guru sekolah rendah 182,587 orang guru, sekolah menengah 237,317 orang guru. Jumlah 419,906 orang guru. Bajetnya juga amat besar, merangkumi beberapa kementerian yang kecil dalam satu kementerian. Itu sebab kita pecahkan kementerian itu kepada Kementerian Pengajian Tinggi yang ada IPTA sebanyak 20 buah IPTA. Jumlah pelajar seramai 538,555 orang pelajar. Kita ada IPTS, jumlah warganegara dalam IPTS ialah setengah juta orang atau 565,852 orang pelajar. Kita ada bukan warganegara dalam IPTS seramai 100,765 orang pelajar. Cantik pecahan itu.

Kita ada politeknik, kolej komuniti, lebih 300 buah IPTS, 20 buah IPTA. Maka kita pecahkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi supaya tidak terlalu terbeban. Seorang Menteri Pendidikan dan Timbalan Menteri Pendidikan untuk menjaga begitu besar dengan bajet yang amat besar. Jadi dalam ucapan peringkat dasar ini, saya mencadangkan supaya kita teliti dalam pemecahan-pemecahan kementerian ini. Bukan sengaja-sengaja kerana legasi lama Yang Berhormat Langkawi hanya ada Kementerian Pendidikan, tidak ada Kementerian Pengajian Tinggi. Maka dinasihatkan supaya kembalikan, cantumkan balik. Walhal kementerian itu terlalu amat besar. Itu sebab kita buat pemecahan sebelum ini.

Perkara akhir yang saya ingin sentuh ialah tentang implikasi kewangan. Disebut ada implikasi kewangan. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri yang nak menjawab selepas ini mungkin boleh menceritakan apakah contoh-contoh implikasi kewangan. Kalau saya boleh memikirkan secara logik, antara implikasi kewangan ialah kos pemindahan.

Agensi-agensi berpindah dari Kuala Lumpur pergi Putrajaya, dari Putrajaya pergi Kuala Lumpur misalnya perpindahan pelbagai agensi. Selepas itu tukar *letterhead*, selepas itu tukar nama kementerian dengan segala logonya dan macam-macam. Ini semua adalah antara kos-kos dan kalau dia tidak banyak kali bertukar nama, maka kos itu boleh dapat dikurangkan. Jadi saya ingin tahu, berapakah anggaran implikasi kewangan termasuklah percetakan, tukar *letterhead* dan macam-macam itu ya? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Karang. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab, sila.

2.48 ptg.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Penyemakan Undang-undang 1968. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menekankan mengenai pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab mana-mana Menteri atau pertukaran nama mana-mana kementerian. Ertinya, saya hendak berikan penekanan fungsi Menteri dan juga kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di bawah Kerajaan Malaysia baharu ini, yang saya lihat jadi Malaysia haru-birulah kerana beberapa kenyataan Menteri, kita lihat selalu bercanggah antara satu sama lain. Saya mengikuti, dalam setahun ini saya selalu mengikuti perkembangan *statements* dan keputusan-keputusan kerajaan yang saya lihat bercanggah antara satu sama lain.

Saya ada ambil beberapa contoh. Pertama, saya ambil isu ICERD. Kita lihat bahawa kenyataannya berbeza di mana kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pun berbeza. Di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi kenyataan bahawa hampir mustahil untuk meratifikasi konvensyen tersebut. Manakala Yang Berhormat Menteri pula menyatakan bahawa ICERD boleh diratifikasi dengan pengecualian tanpa perlu ada pindaan Perlembagaan. Bercanggah. Nasib baiklah kebangkitan rakyat hari itu, membuat himpunan yang ramai. Maka ICERD telah pun dibatalkan. Itu satu, Yang Berhormat Menteri dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

■1450

ECRL sebagai contoh, pun sama. Kenyataan Yang Berhormat Menteri Ekonomi mengatakan projek ECRL telah dibatalkan oleh kerajaan. Yang Berhormat Menteri

Kewangan pula buat kenyataan mengatakan bahawa projek ECRL masih di dalam rundingan. Perdana Menteri pula dia suruh tanya Yang Berhormat Menteri Kewangan, mana satu betul. Jadi, perkara-perkara seperti ini Tuan Yang di-Pertua, ia akan mengelirukan rakyat dan rakyat amat melihat bahawa kerajaan yang baharu ini, Malaysia baharu ini ialah Malaysia yang menjadi haru-biru.

Saya juga hendak ambil contoh daripada KPKT mengenai pilihan raya kerajaan tempatan. Di dalam Dewan ini, tidak silap saya Yang Berhormat Pengerang ada tanya minggu lepas mengenai pemilihan kerajaan tempatan. Yang Berhormat Menteri KP KT menjawab dalam Parlimen bahawa kementerian bercadang mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan dalam masa tiga tahun akan datang.

Akan tetapi sebelum ini, saya ada terbaca kenyataan Perdana Menteri yang menyatakan bahawa tidak ada rancangan untuk menghidupkan semula pilihan raya kerajaan tempatan atas kebimbangan berlakunya konflik kaum. Ini bayangkan, Yang Berhormat Menteri cakap lain, Perdana Menteri cakap lain. Jadi ini kita lihat kerajaan haru-biru ini yang menyebabkan rakyat di bawah pun menjadi... *[Disampuk]* Sekejap, saya bagi. Saya hendak habiskan isu KP KT dahulu.

Isu Adib, sebagai contoh. Adib seorang pegawai bomba yang kita tahu mati sewaktu menjalankan tugas. Sewaktu itu, KP KT melantik seorang peguam. Sudah 39 hari kalau tidak silap saya, peguam ini, Syazlin kalau tidak silap nama dia, telah pun mewakili KP KT. Akan tetapi kemungkinan, peguam ini tidak mengikut skrip yang diatur oleh pihak-pihak tertentu, tidak mengikut arahan-arahan yang diberikan, maka akhirnya setelah dia berkhidmat lebih 30 hari, tiba-tiba Peguam Negara memberikan arahan supaya dilucutkan, tidak boleh mewakili KP KT walaupun kita memang tahu bahawa soalannya ialah dua.

Mengapa sewaktu dilantik peguam yang bukan daripada timbalan pendakwa raya ini, peguam luar daripada kerajaan, mengapa tidak mendapat kebenaran daripada Peguam Negara? Semasa lantikan itu dibuat, Peguam Negara telah tahu dia ini. Kalau lantikan itu tidak ada kebenaran, mengapa tidak mahu ditegur lebih awal? Mengapa sudah sampai 30 hari berjalan, digugurkan? Di mana keadilannya? Di mana *rule of law* nya?

Memberi pula alasan. Ada empat alasan Peguam Negara bagi. Salah satu alasan yang diberi ialah kerana suami kepada peguam ini ialah Setiausaha Akhbar kepada Yang Berhormat Menteri KP KT. Ada pula alasan. Akan tetapi tadi kita bangkit bahawa anak Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat menjadi Setiausaha Akhbar kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak pula menjadi satu konflik.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjong Karang, sebelum teruskan, cuma saya nasihatkan perbahasan Yang Berhormat had kepada perkara 36(1), 36(2) Peraturan Mesyuarat.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, ini fungsi-fungsi Menteri saya sebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tiada berkaitan dengan pindaan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya tetapi pindaan ini ada kaitan juga dengan fungsi-fungsi *bill* kementerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dengan pindaan. Sila jangan keluar tajuk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, saya mendengar tadi percanggahan di antara Menteri-menteri dalam kerajaan. Boleh bersetuju kah Yang Berhormat Tanjong Karang, kalau saya katakan Pakatan Harapan ini sebuah kerajaan yang terdiri daripada pelbagai parti komponen yang mempunyai hala tuju perjuangan yang lain? Dalam pepatah Melayu ada disebutkan, '*Tidur satu bantal, mimpi lain-lain*'. DAP dengan "*Malaysian Malaysia*" nya, penyamarataan. BERSATU mungkin hendak memperjuangkan kepentingan bumiputera dan sebagainya.

Jadi ini ada percanggahan di antara Menteri DAP dengan Menteri BERSATU, dengan Menteri sana, Menteri ini. Jadi, itu yang menyebabkan kenyataan-kenyataan Menteri itu bercanggah di antara satu sama lain.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya setuju benar. Masukkan ucapan Yang Berhormat Pasir Salak sebagai sebahagian daripada ucapan saya.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya tidak pasti sama ada Tuan Yang di-Pertua bersedia untuk membenarkan pembahasan tambahan selain daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tidak ada sudah? Kalau tidak ada, saya hendak tumpang di sini supaya *point* ini dapat dijawab nanti oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya hendak tanya sebab Yang Berhormat Tanjong Karang adalah seorang peguam. Saya mengakui saya tidak berapa memahami perkara tertentu dalam pindaan

ini iaitu pindaan ini ialah untuk memberi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk menyemak ini. Pesuruhjaya dengan kelulusan ini akan memberi kuasa kepadanya untuk terus meminda undang-undang yang bertulis apabila pindaan itu melibatkan pertukaran nama dan sebagainya.

Implikasi kewangan dan sebagainya adalah besar sebab bajet lulus atas tajuk yang lain, tiba-tiba kalau kita *create* nama kementerian lain dan kementerian itu berjalan tanpa ada bajet yang diluluskan dari sudut undang-undang. Saya faham itu dilema yang dihadapi oleh kerajaan.

Jadi, saya hendak tahu, adakah sekarang ini bermakna—Ikut kefahaman saya, Pesuruhjaya mendapat kuasa untuk meminda undang-undang tertulis yang sebelum ini kuasa itu hanya ada di Parlimen? Adakah sampai ke tahap itu maksud pindaan pada Perkara 17A yang mana satu kuasa yang agak besar, di mana Pesuruhjaya boleh meminda undang-undang yang bertulis tanpa kembali merujuk kepada Dewan yang meluluskan rang undang-undang tersebut?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Itu satu persoalan yang amat penting, yang saya minta dijadikan juga sebagai ucapan saya. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong jawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketereh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya hendak tanya.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Bagi saya hendak habiskan. Sekejap sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini penting.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya masa tidak ada ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itulah, ini penting, ini penting. Ini berhubung dengan Yang Berhormat Menteri ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, semua penting untuk Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua yang dikasih, benda ini penting. Ini negara akan huru-hara...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Bagi peluang kepada Yang Berhormat Tanjung Karang lah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Pendek sahaja, pendek.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey Yang Berhormat Tanjung Karang. Kita dapat bahawa Yang Berhormat Port Dickson telah mengisytiharkan

bahawa dia mempunyai cukup bilang untuk menjadi Perdana Menteri. Jadi, apakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus berjumpa Agong untuk memberitahu bahawa dia juga cukup bilang untuk menjadi Perdana Menteri dan pembangkang?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, apa kaitan dengan pindaan akta ini? Jangan ‘mengarau’. Ini Dewan yang mulia, bukan kedai kopi. Sila Yang Berhormat Tanjong Karang. Ya teruskan. Saya bagi Yang Berhormat Tanjong Karang. Yang Berhormat Arau, sila rehat. Yang Berhormat Tanjong Karang, sila.

Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, ini fasal pindaan ini ada Menteri, dia sebut Menteri.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya tidak mengapa. Itu pandangan daripada Yang Berhormat Arau. Saya hendak balik kepada fungsi Menteri ini. Ini saya kena bangkitkan. Sebagai contoh daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian, Kementerian Pertanian. Bagaimana Menteri Pertanian boleh mengeluarkan satu Warta Kerajaan Persekutuan, Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 yang mana di bawah warta yang baharu ini, tujuh orang ahli yang dipilih dalam mesyuarat agung tahunan, di mana lima orang ahli yang dilantik oleh Menteri.

Kemudian di peringkat negeri sebagai contoh, ambil peringkat negeri. Empat orang Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri, empat orang ahli yang dipilih dalam mesyuarat agung tahunan, lima orang ahli yang dilantik oleh Menteri. Bermakna yang dilantik oleh Menteri lebih ramai daripada yang dipilih. Di peringkat NAFAS, di peringkat kebangsaan, lima orang ahli yang dipilih dalam mesyuarat agung tahunan tetapi enam orang ahli yang dilantik oleh Menteri.

Ertinya, mana demokrasinya? Kuasa Menteri lebih berkuasa daripada ahli. Ini demokrasi apa ini? Di mana mengetepikan hak ahli berapa ribu. Berapa ribu ahli-ahli pertubuhan peladang hari ini, datang mesyuarat agung, kita pilih ahli lembaga jemaah. Tiba-tiba Menteri boleh lantik lebih ramai.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat minta laluan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kemudian yang dilantik oleh Menteri ini pula bukannya ahli lagi. Ini beberapa perkara dan yang akhir, sebab banyak masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya saya gulung. Isu belia.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta laluan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya bagi. Masa tidak ada. Isu belia. Isu belia ini pun jadi kelam kabut. Saya tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, ini bukan perbahasan bajet. Ini pindaan.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, pindaan ini. Ini menterilah ini. Ini fungsi Menteri dan kementerian. Kita pinda pun, Menteri dan juga fungsi Menteri tetapi kalau ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat orang lama tahulah Perkara 36(1), 36(2). Tidak payah saya baca.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, betul. Fungsi Menteri saya hendak beritahu. Kalau kita sudah buat suruhanjaya semua tetapi kalau Menteri tidak tahu menjalankan fungsinya, buatlah pindaan macam mana pun, kementerian pun tidak ada maknanya.

Contohnya pindaan umur belia. Saya pun pelik. Ini kementerian punya kerja. Takkanlah Menteri tidak berbincang dengan Exco belia dahulu sebelum bawa ke Parlimen. Hari ini berapa negeri tidak bersetuju? Bukan sahaja Exco bawah negeri, Menteri pun tidak bersetuju. Menteri Pembangunan Usahawan, dia kata, usahawan belia masih lagi bawah 40 tahun. Menteri Belia kata usia belia di bawah 30 tahun. Ini di dalam Kabinet pun Menteri dengan Menteri tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya jemput Yang Berhormat Tanjong Karang menggulung.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Gulung, akhir. Akhir sekali.
■1500

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Akhir sekali. Akhir kalam.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Kuasa Menteri juga dalam Dewan ini. Janganlah Menteri ingat ada imuniti. Kita tengok Yang Berhormat Pasir Salak tegur Menteri kenapa tidak jawab, kena gantung. Yang Berhormat Tumpat kah hari itu tegur kata...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak apalah. Saya sudah maafkanlah Tuan Yang di-Pertua itu. Saya sudah maafkan dia.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Maksud saya, kita hendak hormat...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cuma saya hendak tanya Yang Berhormat Tanjong Karang...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sudah keluar tajuk jauhlah.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Kita di sebelah sini cukup bilang tidak untuk bentuk kerajaan? *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ha! Sekarang tengok.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak mimpi kah, Yang Berhormat Pasir Salak?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ayat terakhir, Yang Berhormat Tanjung Karang.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Laluan, laluan.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *Point of order,* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: *Point of order mana?*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order* kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Peraturan mesyuarat mana satuh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak. Tuan Yang di-Pertua tuduh kata saya tanya soalan berhubung dengan kedai kopi. Yang Berhormat, ini ialah tentang kesahihan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya bukan kata Yang Berhormat Arau tanya soalan berkaitan dengan kedai kopi. Saya kata ini Dewan yang mulia, bukan kedai kopi, tidak boleh berborak kosong.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Dewan yang mulia. Tapi sebab apa? Sebab Yang Berhormat Port Dickson menyebut bahawa dia mempunyai cukup bilang jadi Perdana Menteri. Ini sesuatu yang terlibat dengan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, apa kaitan dengan Akta Pengangkutan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, ini bukan sarkaslah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, tahu. Tapi di bawah ini dengan terang menyebut bahawa perkataan 'Menteri'. Jadi, Menteri lah itu. Perdana Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, masa sudah tamat. Ayat terakhir Yang Berhormat Tanjung Karang. Sila.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Pasir Salak sudah maaf—*point of order* belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, sila rehat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Tanjung Karang pun pening.

Tan Sri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, ya lah bila kita kata fungsi Menteri keharmonian dalam Dewan inilah, kita—tadi pagi tadi pun Yang Berhormat Ketereh pun cakap, kita sama-sama lalih jaga keharmonian Dewan ini. Ini boleh kita buat kalau masing-masing kita ikut peraturan yang ada. Seperti tadi Yang Berhormat Menteri Luar Negeri—ha! itu cara yang betul. Kita tegur dengan baik, minta maaf. Janganlah ego sangat kita. Kami kumpulan minoriti, ya lah, bila disuruh gantung, kita hormat keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tapi macam Yang Berhormat Menteri Kewangan itu, apa salahnya minta maaf?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Tanjung Karang, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjung Karang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang]: Suruh tarik perkataan 'rompak' pun dia tak nak. Janganlah ego sangat. Itu saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri. Ini pindaan ringkas. Jawapan pun padat. Masa 10 minit.

3.02 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, minta 15 minit. Terima kasih kepada semua pembahasan-pembahasan...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri pun kena akur dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada pembahasan-pembahasan yang saya dapati yang bahas sebenarnya empat orang yang betul-betul berbahaslah ya, yang lain mencelah dan daripada perbahasan dan pencelahan ini, yang masuk tajuk ini pun tidak ramailah. Yang nampak betul-betul masuk tajuk daripada PH iaitu Yang Berhormat Bukit Bendera. Yang Berhormat daripada Arau satu saja, yang lain semua melelong. Daripada Yang Berhormat Ketereh, saya akui dia ada *point*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, *point of order*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak. Saya cakap ini— saya cakap jujur ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Point of order.* Duduk, duduk. *Point of order.*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okeylah, okeylah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Peraturan mesyuarat mana?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: P.M. 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini bukan sangkaan jahat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia kata saya melelong. Sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Memang keluar tajuk.

Seorang Ahli: Minta tarik balik. Tarik balik.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Keluar tajuk di bawah dasar. Yang Berhormat baca balik.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Arau memang keluar tajuklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini pindaan. Ini bukan akta induk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, tapi saya bercakap tadi Yang Berhormat tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau fahamlah. Dia sengaja berpura-pura tidak faham.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya bergurau. Jadi, saya terimalah gurauan Timbalan Menteri yang melelong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Menteri. Jangan bazir masa.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, okey. Tidak apa, Yang Berhormat Arau. Untuk makluman Dewan ini— untuk Yang Berhormat Bukit Bendera ya. Beliau bertanyakan apakah implikasi kewangan yang timbul dalam rang undang-undang ini.

Untuk makluman, sekiranya pindaan ini dibuat, kita akan memastikan bahawa undang-undang ini akan dicetak oleh setiap kementerian. Untuk makluman semua, hasil daripada pindaan ini, dia melibatkan lebih kurang 28 kementerian yang perlu pinda undang-undang tertentu.

Sebagai contoh— saya hendak bagi contoh ya. Akta Taman Negara. Kalau kita lihat seksyen 5, diperuntukkan Majlis Penasihat Taman Negara— yang sebelum pindaan ya— ialah “*Maka hendaklah ada satu Majlis Penasihat Taman Negara terdiri daripada ahli-ahli yang berikut*”. Yang nombor (e) nya ialah, “*Seorang wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri*”. Ini yang asal lah. Kalau kita hendak buat pindaan ikut Parlimen macam Yang Berhormat Ketereh kata tadi, kita kena pinda semua 28 undang-undang ini bawa ke Parlimen dan ini memakan masa dan juga mungkin memerlukan satu exercise yang agak massive.

Oleh itu, atas kepakaran pihak Jabatan PEGUAM NEGARA, mereka telah mengkaji akta ini dan mereka mendapati bahawa kita boleh lakukan dengan jalan pintas iaitu dengan kita meminda Akta Penyemakan Undang-undang ini. Jadi, tidak perlu kita bawa sampai 28 kali pergi Parlimen ini untuk kita pinda *separate law* itu tapi kita bawa pindaan ini dengan ditambah satu subseksyen iaitu di bawah seksyen 6 bawah (xviiia). Ya, silakan.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih penjelasan itu, Yang Berhormat. Adakah ini bermakna apabila Pesuruhjaya membuat pindaan mengikut cara sedemikian, pindaan itu tidak perlu dibawa baliklah kepada satu bentuk pengesahan? Makna dia ada kuasa *finality*.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Apabila kita pinda ini, kita akan bagi notis kepada pihak kementerian-kementerian tertentu untuk mereka membuat pindaan yang sewajarnyalah. Kita tidak perlu pergi Parlimen, untuk makluman Yang Berhormat. Itu sebenarnya ada mekanisme yang diberikan oleh undang-undang. Yang penting, kita hendak buat ini ikut undang-undang. Kita tidak akan— pastikan kita buat ini melanggar batas undang-undang.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa ada logiknya dan kemunasabahannya kerajaan mengambil tindakan sedemikian kerana *practicality* pentadbiran.

Cuma, Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan— sebab dalam cadangan pindaan kita ini, dia cuma memberi kuasa itu untuk pertukaran nama jawatan atau pemindahan apa-apa fungsi atau tanggungjawab mana-mana kementerian. Maknanya yang sedia ada. Adakah dia tidak termasuk kalau diwujudkan kementerian baharu? Sebab dalam ini, kalau ikut fahaman saya yang saya baca, dia hanya tertakluk kepada yang melibatkan ubah fungsi atau ubah nama jawatan. Katakanlah satu kerajaan tiba-tiba membuat keputusan mewujudkan satu kementerian yang baharu, adakah dia termasuk dalam bidang kuasa yang kita berikan kepada Pesuruhjaya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Jawapannya ya. Termasuk juga pembentukan kementerian baharu. Sebagai contoh, Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ya. Kita masukkan dalam peruntukan— tadi saya cakap tadi Akta Taman Negara tadi. Kalau kita tukar seksyen 5 ini, maka bahagian (e) itu kita akan ada, “Seorang wakil Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi”. Kalau dulu, “Seorang wakil Unit Perancang Ekonomi”. Sekarang kita sudah letakkan kementerian baharu, jadi kita kena tukar kepada itu. Jadi, sekali gus dia akan melibatkan pemindahan fungsi juga.

Jadi saya rasa cukuplah, Yang Berhormat. Saya ada 10 minit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jelas.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya tanya ada sebab Yang Berhormat. Kalau sekiranya cadangan pindaan ini tidak termasuk penubuhan kementerian yang baharu, di peringkat jawatankuasa saya hendak mengesyorkan supaya dimasukkan perkataan, “*kementerian yang baharu*”. Itu sebab saya tanya tadi. Sebab dalam ini tidak disebut, “*kementerian yang baharu*”. Tidak ada perkataan, “*kementerian baharu*”. Cuma pindah fungsi atau mengubah nama bagi kementerian yang telah sedia ada. Mengikut fahaman saya, atas *drafting* yang dibuat, tidak termasuk kalau sekiranya kerajaan menubuhkan kementerian yang baharu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya rasa mungkin Yang Berhormat mungkin kurang sikit. Tapi saya akan jelaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, menurut akta 1 ini, Pesuruhjaya Penyemakan Undang-undang mempunyai kuasa untuk menyemak dan mencetak semula undang-undang selagi semakan dan cetakan tersebut tidak mengubah maksud asal sesuatu peruntukan undang-undang. Jadi, pindaan ini bertujuan untuk memberi kuasa pada Pesuruhjaya Penyemakan Undang-undang untuk membuat pindaan yang selaras dengan Perintah Fungsi-fungsi. Kita sudah ada Perintah Fungsi-fungsi. Jadi, kita buat ini untuk hendak selaraskan saja, Yang Berhormat.

Seterusnya saya hendak menjawab tentang Yang Berhormat Bukit Bendera tadi di mana Yang Berhormat Bukit Bendera menyatakan tentang implikasi kewangan ya. Seperti saya kata tadi, oleh kerana kita akan cetak— kita akan minta kementerian-kementerian tertentu untuk mencetak undang-undang yang baharu ini. Kenapa kita perlukan adanya versi cetakan? Kerana versi cetakan adalah versi yang dikira sahih.

Apa yang berlaku, selepas berlakunya pindaan ini, dia akan pinda juga dalam portal ya. Tapi itu tidak— kalau kita *print*, dia bukan jadi satu naskhah yang sahih dari segi undang-undang. Jadi kalau ada apa-apa berlaku di mahkamah kah, kita perlukan satu dokumen yang boleh digunakan di mahkamah sebagai satu ada elemen yang kesahihannya tidak dicabar. Jadi, sebab itulah kita merasakan perlu kita cetak dan itu kita serahkan— saya kata tadi 28 kementerian. Jadi kementerian itu perlu cetak. Untuk kita cetak ini, ia memerlukan kos. Sebab itu kita kata ada implikasi kewangan. Cumanya, anggarannya kita tidak boleh sebutkan pada masa ini.

■1510

Seterusnya Yang Berhormat daripada Bukit Bendera juga mengatakan pada 1 Ogos, kita akan melaksanakan ataupun kita *enforce* undang-undang ini. Untuk makluman Yang Berhormat, tarikh kuat kuasa sesuatu akta di dalam ini tidak bergantung kepada perkenan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) seperti mana undang-undang lain. Tarikh kuat kuasa satu undang-undang untuk membolehkan undang-undang ini *takes effect* dengan izin, ataupun untuk ia berkuat kuasa tidak bergantung kepada kuasa Yang di-Pertuan Agong tetapi, ia ditetapkan sebagai tarikh untuk kuat kuasa bagi memastikan jentera kerajaan bertindak dengan lebih efisien. Jadi, oleh sebab itulah kita boleh rasa kita boleh lakukan pada 1 Ogos. Jadi, saya berharap Yang Berhormat Bukit Bendera boleh berpuas hati dengan jawapan itu.

Seterusnya Yang Berhormat Arau bertanya tentang perkataan bahasa Inggeris, '*style and title*' dalam rang undang-undang ini, adakah diterjemahkan dengan betul sebagai nama jawatan. Untuk makluman Yang Berhormat, berkenaan '*style* dan *title*' ini, diterjemahkan dengan perkataan nama jawatan berdasarkan terjemahan yang terdapat dalam seksyen 2, 3, dan 4 Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 iaitu Akta 2. Ini kerana pindaan rang undang-undang ini berkaitan dengan nama jawatan yang disebutkan dalam Akta Fungsi-fungsi Menteri 1969 dan Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan. Itu yang soalan Yang Berhormat Arau yang bagi saya relevanlah dalam konteks perbahasan pada hari ini.

Tentang...

Dato' Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [Bangun]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Arau, hendak tanya lagi fasal ini?

Dato' Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ha?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Disampuk]* Ini betul masuk tajuk, yang lain itu saya rasa minta maaf ya.

Dato' Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, DAP macam-macam. Kami tengah bercakap tajuk lain, dia tanya tajuk lain. Yang Berhormat Jelutong, tidak menyebut pun perkataan-perkataan yang keluar tajuk. Kalau saya nampak sangat. Yang Berhormat jawablah di akhirat nanti, Yang Berhormat tidak adil. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau ini tidak tahu apa hendak cakap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Ketawa]* Okey. Yang Berhormat Arau juga bertanyakan tentang penguatkuasaan. Undang-undang ini banyak tetapi kuat kuasanya lemah.

Untuk makluman Yang Berhormat, selepas 9 Mei ini, kuat kuasanya nampaknya berada dalam keadaan begitu baik dan ramai yang nampak telah pergi ke mahkamah. Dulu Yang Berhormat, kuat kuasanya lemah. Oleh sebab itulah, ramai yang melakukan jenayah tidak boleh pergi ke mahkamah. Akan tetapi selepas kita telah mengambil alih, bekas Perdana Menteri pun boleh didakwa. *[Dewan riuh]* Ini menunjukkan penguatkuasaan kita cekap.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan? Boleh bagi jalan?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okey, kejap, kejap. Sekejap.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan tidak?

Dato' Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kalau Yang Berhormat– Bagi saya jalan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, nampak ini? Yang Berhormat jawab saya Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak payah bazirkan masa.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Boleh bagi jalan tidak? Okey. Kalau Yang Berhormat kata...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, saya juga ucapkan tahniah. Saya mengucapkan tahniah..

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Sekejap, sekejap. Tidak boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oleh sebab apa? Kerajaan sekarang bukan sahaja mengambil tindakan, tetapi menarik balik kes-kes yang dalam bicara mahkamah. Saya ucapkan tahniah, tahniah.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Waktu Barisan Nasional memerintah, tidak pernahlah kes tengah berjalan, Yang Berhormat Menteri didakwa tiba-tiba boleh *discharge*, kemudian dibebaskan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Dulu semasa Barisan Nasional, Yang Berhormat Pekan mencuri, tidak didakwa pun?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Mana ada? Eh!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Semasa Yang Berhormat Pekan mencuri, tidak dakwa pun?

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Eh!

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pekan ambil RM2.6 bilion, tidak didakwa pun? Takut. Ketua Peguam Negara pun ditukar.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Mohon laluan.

[Sistem pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya masa untuk Menteri menjawab pun sudah tamat. Sila menggulung.

[Dewan riuh]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Ketawa]* Ini disebabkan saya dikacau...

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Mohon laluan Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Tidak. Yang Berhormat Menteri, kalau hendak main politik...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okeylah, okey.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Kita boleh main politik Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okeylah, okey.

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Yang Berhormat Menteri kena ingat, kami pembangkang tahu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Okeylah. Macam zaman kerajaan lama bukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jawapan had kepada pindaan akta ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak ditarik balik, tidak mendakwa langsung. Macam mana hendak ditarik balik, dakwa *pun* tidak. Jadi, saya rasa saya tidak perlu membuang masa lagi untuk layan...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Hendak dakwa apa ini Yang Berhormat? Kita 1MDB punya kes pun Peguam Negara duduk minta tangguh, tanggu lagi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Seterusnya Yang Berhormat Pontian...

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada standard cakap macam ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Yang Berhormat Pontian membangkitkan berdasarkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Dengar dulu Yang Berhormat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Problem provocation.*

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, ya. Jawapannya had juga kepada pindaan Akta Penyemakan Undang-undang. *[Dewan riuh]* Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk pada petang yang penuh berkat ini. *[Dewan riuh]*

Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Apa standard Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang jawab ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak apalah, *whatever* lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Berdasarkan Yang Berhormat Pontian...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Inilah perbuatan Yang Berhormat pada masa yang lepas...

[Pembesar suara dimatikan]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Saya menjemput Yang Berhormat Arau berehat dan duduk, tidak payah bazirkan masa lagi. Terima kasih. Silakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian. Berdasarkan seksyen 3— Yang Berhormat Pontian lebih baik, *slightly better than* Yang Berhormat Arau. Berdasarkan seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967, perkataan ‘Menteri’ untuk makluman Yang Berhormat Pontian, ditafsirkan sebagai Menteri Kerajaan Malaysia, termasuklah Perdana Menteri dan Timbalan Menteri. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk membuat pindaan kepada perkataan ‘Menteri’

dalam rang undang-undang. Yang Berhormat meminta supaya Jemaah Menteri bukan? Tidak perlu Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 36...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Ini disebabkan kalau kita hendak meminda ini semua...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang mana?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ada satu...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 36(6).

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak termasuk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia sangkaan jahat!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak ada, tidak ada.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Padahal di kalangan DAP dulu, semua bagus. Semua dapat menjadi Menteri, Yang Berhormat saja jadi Timbalan Menteri. Ini menunjukkan bahawa itulah nilai Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak berkaitan, tidak payah jawab.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Ketawa]* Tidak apalah Yang Berhormat. Yang Berhormat Arau ini saya kasihanlah. Akan tetapi saya rasa ada satu peruntukan dalam *standing order*, kalau orang yang berterusan mengacau ini, kita boleh halau terus. *[Ketawa]* Ada peruntukan, tetapi saya tidak ingat peraturan mana.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Kita bagi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya rasa beliau *keep on* lah Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini apa Yang Berhormat buat dekat kami itu tidak terasa kah? Kami tidak halau keluar pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, sila menggulung.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Seterusnya Yang Berhormat Pontian. Sekejap ya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Bertukar nama kementerian tidak perlu dibuat secara kerap. Sememangnya kita pun tidak bercadang untuk membuat secara kerap. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Pontian, undang-undang ini apabila

kita hendak dapatkan satu pengesahan, satu benda yang perlu disahkan, ada masa kita terpaksa melakukan perubahan itu. Bukan kerana kita suka, tetapi kita hendak memastikan apa yang kita buat itu adalah perkara yang selaras dengan undang-undang dan ia boleh dipertahankan. Oleh sebab itu dalam hal ini, Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang membuat perubahan yang perlu dari mana-mana undang-undang bertulis dari semasa ke semasa supaya selaras dengan Perintah Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa daripada Yang Berhormat Tanjong Karang, kebanyakan melelong juga, saya tidak mahu jawab. Jadi, saya rasa sekian saja. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jawapan Yang Berhormat tidak berkualitilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua sekarang dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Jawatankuasa]

[Fasal-fasal dikemukakan kepada jawatankuasa]

Fasal-fasal 1 hingga 4 -

3.17 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Penggerusi, saya bangun untuk berucap Tuan Penggerusi. Saya hendak berucap ini. Perkara fasal 4 tadi. Fasal 4, saya minta terjemahan daripada Yang Berhormat, 'style' itu apa dalam bahasa Malaysia. Itu saja Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Duduklah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Minta terjemahan dalam bahasa Malaysia, disebut 'style and title'. Jadi...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Arau, Google, Google. Senang saja, *style of the office...*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini...

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Memang ada.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Siapa yang menyampuk dan tidak reti bahasa ini? *[Ketawa]* Akan tetapi terjemahan dalam bahasa Malaysia, dia sebut satu saja, 'jawatan'. Kenapa dalam bahasa Inggeris disebut 'style' dan juga 'title'? Itu sebab saya kata kenapa yang 'style' itu tidak diterjemahkan?

3.17 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Untuk makluman Yang Berhormat Arau, terjemahan ini tidak boleh kita buat kadang-kadang secara *harfiah*. Faham tidak *harfiah*? Maknanya secara literal. Ia menyebabkan kadang-kadang ia akan berbunyi nampak aneh sangat. Jadi, ini kita telah merujuk pakar-pakar bahasa. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, memang terjemahan itu tidak ada masalah. Masalahnya Yang Berhormat Arau seorang saja, yang lain tidak ada masalah Terima kasih.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Masalahnya stail Yang Berhormat Arau, stail Yang Berhormat Arau bermasalah. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Ketereh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya sudah berehat dan duduk diam sudah...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak apa Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kenapa diganggu saya?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini teknikallah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Nama dan jawatan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, tetapi jangan ganggu saya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sabar, sabar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pesan kepada Menteri-menteri ini, belajar untuk tenang dan berehat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ambil air ketum kah? *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, nanti makan harumanis ya? Dari Perlis. Silakan Yang Berhormat Ketereh. *[Ketawa]*

3.18 ptg.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Pengerusi, saya hendak supaya direkodkan kerana saya masih agak terkeliru sedikit untuk pindaan bagi seksyen 6 ini kerana Yang Berhormat Menteri tadi menjawab pindaan ini termasuk mewujudkan kementerian yang baharu. Dalam seksyen 6 ini, saya tidak nampak mana-mana perkataan yang *reflects* pindaan ini memberikan kuasa termasuk kementerian yang baharu.

Jadi saya inginkan kepastian, kalau sekiranya itu yang dimaksudkan oleh kerajaan, saya mencadangkan supaya dimasukkan untuk pembentukan kementerian yang baharu supaya undang-undang ini menjadi lebih kemas. Saya tidak tahu apa maksud kerajaan. Kalau maksud kerajaan memberikan kuasa kepada pesuruhjaya termasuk mewujudkan sebuah kementerian yang baharu.

Kalau pindah fungsi atau tukar nama, saya faham. Nampaknya dalam ayat ini telah pun dia *cover*. Akan tetapi kalau macam Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, itu satu kementerian yang baharu. Saya membangkitkan ini Tuan Pengerusi, kerana kekhawatiran saya ialah kadangkala penubuhan kementerian itu datang selepas belanjawan telah diluluskan. Dalam dokumen belanjawan, kuasa membelanjakan di satu-satu kementerian mengikut kepala-kepala yang telah ditetapkan.

■1520

Tiba-tiba kita mewujudkan satu kementerian baharu dan pesuruhjaya tidak ada kuasa untuk hendak membuat ratifikasi itu. Jadi, perbelanjaan kewangan daripada kementerian berkenaan boleh dipertikaikan. Jadi untuk lebih kemas Tuan Pengerusi, saya mencadangkan kalau kerajaan bersetuju supaya memasukkan, “*termasuk penubuhan kementerian yang baharu*” kalau hendak diselaraskan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kecuali kalau kerajaan memang memaksudkan tak termasuk.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya pulang kepada kerajaan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Ini soalan khusus. Jawapan?

3.22 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Yang Berhormat Ketereh. Paling kurang ada juga dalam BN ini

yang masih ada standard macam Yang Berhormat Ketereh. Terima kasih Yang Berhormat Ketereh.

[Dewan riuh]

Untuk makluman Yang Berhormat Ketereh, sebenarnya Yang Berhormat, apa yang Yang Berhormat katakan itu telah pun dicover dalam— kita ada satu Yang Berhormat dipanggil Akta Fungsi-fungsi Menteri dan ada juga Perintah Menteri-menteri Kerajaan. Jadi, dalam berdasarkan ada akta ini dan juga fungsi-fungsi yang telah diwartakan ini Yang Berhormat, kita telah buat kajian tiada keperluan untuk memasukkan perkataan “*kementerian baharu*”. Sebab kuasa yang diberikan di bawah rang undang-undang ini adalah untuk meminda undang-undang yang sedia ada yang termasuk kementerian baharu. Saya beritahu sekali lagi Yang Berhormat, kalau dahulu katakan bawah JPM, sekarang bawah Kementerian Bahagian Hal Ehwal Ekonomi, jadi kita cuma pinda itu sahaja Yang Berhormat. Tak perlu ada...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: *[Bangun]*

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: ...pinda kita ini.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Tuan Pengerusi, bolehkah saya ambil sebagai kefahaman bahawasanya memang kerajaan berhasrat dengan pindaan ini sudah cukup untuk membolehkan kerajaan hatta meminda bagi kementerian-kementerian baharu wujud. Ini sebab Yang Berhormat Menteri...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *[Mencelah]* Setuju, setuju.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: ...dah sebutkan tadi Tuan Pengerusi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya mengesahkan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: Saya terpaksa sebut ini perlahan-perlahan sebab saya bimbang takut Yang Berhormat Menteri ini juga kadangkala dia pun *confuse* juga.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Tidak. Saya rasa kalau Yang Berhormat perlu cakap perlahan pada Yang Berhormat Arau lah. Kalau pada saya Yang Berhormat tidak cakap laju-laju pun saya faham. Sebab saya...

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]: ...Boleh faham kah?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Saya faham. Yang Berhormat boleh faham. Kalau dengar lain tolong cakap senyap. Kalau dengan BN cakap *slow* ya. Dengan saya tidak apa, cakap laju pun saya faham. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, terima kasih.

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi (Tumpat) dan diluluskan]

USUL-USUL MENTERI KEWANGAN

AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983 [AKTA 275]

3.25 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Huraian? Sila huraikan.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk memberi sedikit penghuraian. Saya mohon untuk membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan mengenai pemindahan wang Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) daripada akaun pinjaman yang disatukan kepada Akaun Kumpulan Wang Pembangunan mengikut keperluan seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275].

Resolusi ini dibentangkan supaya kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Akaun Pinjaman Disatukan daripada baki semasa MGII yang pada masa ini berada dalam Akaun Pinjaman Yang Disatukan kepada Akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk menampung keperluan perbelanjaan pembangunan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Pembangunan ialah satu kumpulan wang amanah kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi tujuan membiayai projek pembangunan. Salah satu sumber dana yang terdapat dalam Akaun Kumpulan Wang Pembangunan adalah melalui pindahan dari Akaun Pinjaman Yang Disatukan. Seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 memperuntukkan bahawa terimaan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) hanya boleh dipindahkan kepada kumpulan wang pembangunan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dengan resolusi.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sekuriti pinjaman berdasarkan syariah ini telah diterbitkan oleh kerajaan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan antara tujuan utama terbitan berdasarkan syariah adalah bagi meningkatkan pembangunan pasaran kewangan Islam. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon mencadangkan resolusi berkaitan ketetapan pemindahan baki semasa tahun 2018 bagi MGII sebanyak RM22,000 juta daripada Akaun Pinjaman Yang Disatukan kepada Akaun Wang Pembangunan untuk diluluskan oleh Dewan Rakyat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Saya bangun untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat. Tidak ada perbahasan. Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau? Lima minit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, ini laporan—Tuan Yang di-Pertua boleh tengok ini. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]* Laporan hutang dan liabiliti kerajaan. Muka surat 7.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, baca usul. Bahas ikut usul.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat boleh tengok ini tentang kenyataan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan keluar tajuk. Nanti saya pendekkan masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, Ya Allah Ya Tuhan ku tunggu saya cakap dahulu. Ya Allah, apa hendak jadi dunia ini. Pada tahun

2017, hutang Kerajaan Malaysia ialah RM686.8 bilion. Kemudian pada akhir 2018, RM741 bilion. Kemudian pada Jun 2019, hutang telah meningkat kepada RM799.1 bilion. Yang Berhormat, kita— ini hutang. Kemudian kita telah meningkatkan hutang sehingga menjadi 52.2 percent daripada KDNK. Yang Berhormat, dalam masa yang sama, kerajaan juga telah mengambil wang Petronas RM80 bilion. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, kita pindah RM22 bilion ini kepada akaun pembangunan. Akan tetapi yang lain itu kita buat apa? Sebab dalam masa yang sama kerajaan terus menjual aset untuk menampung kekurangan.

■1530

Jadi, *pi* jual aset ini untuk apa? Oleh sebab kita dah— pinjaman kita dah tambah, Petronas dah ambil RM80 bilion, kemudian dalam masa yang sama kita juga jual aset. Jadi, duit aset ini kenapa diperlu— kita perlu jual aset? Duit aset ini dimasukkan ke tabung mana? Oleh sebab apa, kita lihat daripada duit Petronas yang masuk RM80 bilion dan pertambahan hutang, kita baru ambil RM22 bilion untuk masuk akaun pembangunan.

Akan tetapi yang lebih itu untuk apa? Kita kata bayar hutang dan sebagainya. Kalau kita selalu mengaitkan kepada 1MDB, 1MDB hutang RM31 bilion lebih, RM32 bilion, harta RM42 bilion. Kalau yang itu kenapa Yang Berhormat tidak jual? Ini supaya kita menampakkan 1MDB ada keuntungan RM10 bilion dan sebagainya. Jadi, saya ingin bertanya ke manakah pergi duit Petronas dan juga pinjaman ini? Ini kerana dipindah hanya RM22 bilion. Saya lebih setuju kalau dipindah RM40 bilion supaya lebih banyak pembangunan dimasukkan di dalam pasaran untuk membolehkan pasaran kita cergas semula.

Yang Berhormat, pada tahun 1999 dulu, tahun 2000 apabila pasaran saham kita jatuh, ekonomi kita lembap, kerajaan telah memasukkan pelaburan awam untuk menyelaraskan keadaan. Jadi, ini adalah sesuai dan tepat pada masanya kerajaan kena masuk tetapi bukan RM22 bilion. Kita hendak minta supaya RM80 bilion duit Petronas itu dimasukkan semua kepada akaun pembangunan. Dengan itu, kita dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi— siapa yang tanya soalan? Pertumbuhan ekonomi yang sekarang ini lembap kerana beberapa tekanan yang berlaku.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin tanya soalan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian tanya soalan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, boleh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang Pinjaman Yang Disatukan. Jadi, apa yang

disebut oleh Yang Berhormat Arau itu ada relevan terhadap perkara yang kita bincangkan. Pindaan resolusi Akta 275, pendanaan RM22 bilion ini. Apabila saya tanya kepada Kementerian Kewangan tadi, disebut oleh Yang Berhormat Arau mengenai hutang 1MDB adalah RM31 bilion. Saya mendapat jawapan daripada Kementerian Kewangan mengenai aset 1MDB.

Akan tetapi tidak dinyatakan berapa nilai aset 1MDB. Saya hendak menyebut di sini bahawa sehingga kini 1MDB telah melupuskan tiga aset utamanya iaitu tanah pembangunan TRX, tanah pembangunan Bandar Malaysia dan tanah Ayer Hitam. Manakala tanah Pulau Indah yang berkeluasan kira-kira 318.42 ekar masih menjadi milik 1MDB dan kini sedang dalam proses untuk dijual. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Arau, berapa nilai aset yang dilupuskan ini? Tidak pernah dinyatakan oleh Kementerian Kewangan. Saya bertanya beberapa kali, tidak pernah di nyata. Akan tetapi apabila disebut hutang, segera disebut RM31 bilion naik jadi RM50 bilion, aset tidak pernah dijawab, walhal asetnya ada. Apa pandangan Yang Berhormat Arau?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini soalan yang cukup bagus. Masuk sebahagian daripada ucapan saya. Soalan ini lebih bagus daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang yang bercakap tidak ikut undang-undang. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, duit Petronas RM80 bilion itu kita bubuh di mana? Kita pinjam RM741, sekarang RM799. Ke mana pergi? Kemudian kita jual aset.

Saya ingin bertanya soalan, jawab bertulis. Berapakah nilai aset dan nama-nama harta yang telah dijual, termasuk kepada orang asing dan juga tempatan? Berapa jumlah? Berapa nilai? Termasuk yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Pontian tadi. Yang Berhormat tidak perlu untuk jawab secara emosi seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri yang tidak ada haluan ini tetapi Yang Berhormat jawab bertulis ya, kepada saya dan juga kawan-kawan. Itu kedudukannya. Ini supaya rakyat tahu bahawa kerajaan sekarang sebenarnya telah berhutang dan ambil duit Petronas dengan begitu banyak tetapi pindah hanya RM22 bilion. Yang Berhormat tambah RM40 bilion, saya akan menyokong dengan hebatnya di Parlimen ini. Saya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yes, Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ada sedikit perbahasan. Seminit dua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menyebut pinjaman yang disatukan. Sejumlah RM686.8 bilion hutang kerajaan, ia bukan- istilah yang sebenarnya adalah hutang kerajaan, bukan hutang negara. Hutang kerajaan ini adalah selama 61 tahun Barisan Nasional memerintah. Sejumlah RM686.8 bilion dibahagikan dengan 61 tahun hanya RM11 bilion purata setahun hutang yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Akan tetapi kerajaan Yang Berhormat, Kerajaan Pakatan Harapan sekarang ini daripada hujung tahun, bila awal pemerintahan sampai sekarang, hutang sudah meningkat hampir RM800 bilion, peningkatan sebanyak RM114 bilion setahun. Baru setahun dua bulan, dah RM114 bilion. Kami setahun purata cuma RM11 bilion, sedangkan dalam kempen-kempen mereka kata ingin kurangkan hutang, kurangkan hutang, hutang makin bertambah, bukan makin berkurang. Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Okey, minta penjelasan sikit ya. Terima kasih Yang Berhormat. Bersetuju kalau Yang Berhormat dengan saya untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, aset-aset Tabung Haji itu dah dijual atau belum? Berapa banyak? Apa aset yang dijual? Siapa pembelinya? Apa yang Tabung Haji dapat daripada penjualan aset itu? Oleh sebab ini banyak orang yang ingin tahu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Selain daripada itu, tentang aset Tabung Haji, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila paras Indeks Bursa Malaysia turun daripada 1,800 kepada 1,600 lebih kurang purata, 200 kekurangan itu menghilangkan RM270 bilion daripada nilai pasaran saham dalam ekonomi Malaysia. Sebanyak RM270 bilion ini menjaskan Tabung Haji, KWSP, Khazanah dan semua pelaburan yang lain. Jadi, apakah langkah-langkah Kementerian Kewangan untuk memastikan perkara ini boleh diperbaiki supaya saham boleh naik kembali kepada 1,800 mata atau lebih supaya Yang Berhormat Arau belanja kita dengan hebatnya tentang...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian, sikit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey, Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh sikit yang disebut berkenaan dengan hutang kerajaan tadi yang dikatakan hutang Kerajaan Malaysia melebihi RM1 trilion. Okeylah. Sejumlah RM686 bilion *is* hutang kerajaan pada 9 Mei. Sekarang ini dah ada

liabiliti kerajaan lebih kurang RM395 bilion lebih. Jadi, yang ini RM395 bilion ini dikatakan hutang kerajaan. Dalam RM395 bilion ini ataupun lebih ini, berapa sudah kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengambil sebagai *collateral*? Oleh kerana syarikat-syarikat yang menjadi *collateral* kerajaan ini tidak dapat melunaskan hutang-hutang mereka. Berapa syarikat dah, berapa jumlah yang telah dibayar oleh kerajaan untuk liabiliti yang ditanggung oleh kerajaan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Semalam Yang Berhormat Jeli dan jawatankuasanya, termasuk Yang Berhormat Rembau ada meletakkan di atas meja, tajuknya, "*Hutang dan Liabiliti*". Akan tetapi dalam akhbar-akhbar hanya disebut hutang, tidak sebut liabiliti. Kiraan hutang mengikut standard antarabangsa, bukan yang dibuat oleh jawatankuasa itu. Kiraan hutang dalam standard antarabangsa hanya RM686.8 bilion, tidak termasuk kontinjen liabiliti yang ditulis oleh laporan itu. Jadi, kadang-kadang kaedah-kaedah yang hendak mengelirukan pandangan rakyat ini amat tidak bertanggungjawab. Ya, Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak minta pandangan Yang Berhormat Pontian, hutang daripada RM686 bilion meningkat sehingga RM799 bilion, bermakna peningkatan lebih RM120 bilion, tidak apalah hutang negara. Akan tetapi saya hendak pergi kepada usul yang menyebutkan tentang MGI ini.

MGI ini kalau dilaporkan oleh bajet punya *Select Committee*, meningkat daripada RM268 bilion kepada RM304 bilion. Jadi, ada peningkatan lebih kurang RM44 bilion, spesifik tentang wang yang hendak dipindahkan ini. Peningkatan RM44 bilion ini, apakah kaitan dengan RM22 bilion ini? Adakah RM22 bilion ini hendak dibayar terhadap peningkatan yang RM44 bilion ini? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Celahan Yang Berhormat Paya Besar dan celahan Yang Berhormat Pendang itu masukkan kepada sebahagian daripada ucapan saya. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Ada lagi bunyi tadi?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Sila menggulung.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Maka, saya dengan ini inginkan penjelasan...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekejap, sekejap. Ada satu lagi Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, tujuh saat.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kita hendak tanya berkenaan tentang *refundable* GST ini. Adakah duit yang diguna dan yang diambil daripada *compliance shariah* RM22 bilion ini juga untuk membayar GST yang *refundable*, yang belum selesai lagi ataupun duit manakah yang diambil untuk membayar RM19.4 bilion yang tertunggak, *arrears* yang dikatakan daripada GST *refundable* ini?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: RM19.47 bilion tertunggak itu duitnya sebenarnya tidak hilang. Puncanya kerana diberhentikan GST. Kalau GST tidak diberhentikan, semua sekali boleh dibayar dengan mudah. Sebanyak 170 negara melaksanakan GST, mereka... *[Dewan riuh]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bacalah laporan peguam. Jangan...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya baca semua, yang tebal ini saya baca.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli Yang Berhormat, masa sudah tamat. Ya, terima kasih Yang Berhormat Pontian. Ya, sila Yang Berhormat Menteri jawab.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Jelutong. Saya baca ya. Saya bukan macam Yang Berhormat Jelutong, tidak baca. Saya baca.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baca silap itu Yang Berhormat Pontian, baca lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila.

■1540

3.41 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada rakan-rakan telah bangun untuk bertanya. Sebelum saya menjawab secara spesifik, tujuan usul hari ini dikemukakan ialah kerana kita untuk *transfer* wang pinjaman yang kita *raise* daripada MGI ini untuk dimasukkan dalam daripada Akaun Hutang Yang Disatukan ke dalam Akaun Pembangunan bagi kita melaksanakan kerja-kerja pembangunan— Yang Berhormat Arau ya.

Jadi yang ditanya oleh Yang Berhormat Pendang dan sebahagian rakan-rakan yang lain tadi sebenarnya yang kita berhutang ini adalah untuk kerja-kerja pembangunan sahaja. Kita tidak berhutang untuk belanja mengurus. Itu tidak dibenarkan ataupun ia

tidak akan menjadi suatu polisi yang akan menyebabkan *rating agencies* akan memberikan satu rating yang baik kepada kita.

Sebenarnya untuk belanja mengurus kita ada surplus dan surplus itu pun seperti yang telah kita buat dalam sesi yang pertama sidang Dewan dulu, kita telah *transfer* masuk dalam Akaun Pembangunan juga untuk dijalankan kerja-kerja pembangunan. Jadi RM22 bilion ini adalah apa yang telah kita *raise* dalam tahun ini daripada MGI sahaja sebab kita ada— kita *raise* daripada MGI dan kita juga ada yang kita *raise* ataupun mengambil hutang daripada MGS yang bukan *shariah compliance*.

Jadi apa yang saya maksudkan hari ini ialah yang kita *raise* selama ini untuk MGI dan amanannya itu RM22 juta untuk kita *transfer* masuk dalam Akaun Pembangunan untuk kita laksanakan kerja-kerja pembangunan yang memang kalau kita tengok dalam bajet kita yang defisit itu, memang defisit untuk kerja-kerja pembangunan ini kita ambil daripada duit yang kita *raise* ini.

Menjawab soalan daripada Yang Berhormat Arau juga tadi tentang mana pergi duit Petronas yang ini. Duit Petronas kita gunakan. Petronas memang menyumbang kepada kerajaan. Sebahagiannya yang dipanggil PITA itu menjadi hasil kepada kerajaan yang kita gunakan untuk *operating expenditure*. Kemudian kita ada minta khas daripada Petronas tahun ini dividen khas yang tujuannya seperti yang disebutkan oleh beberapa rakan-rakan tadi ialah untuk kita menggunakan untuk bayaran balik bukan sahaja GST dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri, *income tax* yang ada perlu dibayar balik. Saya ingat kedua-duanya kalau di campur sekitar RM44 bilion begitu.

Jadi yang RM22 bilion ini memang khusus digunakan untuk mendanakan program-program pembangunan yang telah kita bentangkan dalam bajet yang lepas untuk dilaksanakan pada tahun ini.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh mencelah sikit?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sila, sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dua tiga kali ulang-ulang duit RM22 bilion hutang ini digunakan untuk pembangunan. Boleh bagi contoh apakah dia projek-projek pembangunan yang akan menggunakan duit ini? Apa jaminan bahawa ia akan memberi pulangan yang baik untuk kita menjelaskan hutang yang sebanyak itu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sikit sahaja penjelasan sebab Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab *hat Arau* tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri hutang kita sehingga Jun adalah sebanyak RM799

bilion. Hutang kita pada tahun 2018 ialah RM741 bilion, makna kata perbezaannya kita telah berhutang RM58 bilion. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata hutang ini hanya untuk pembangunan. Kenapa kita *transfer* RM22 bilion? Kenapa tidak *transfer* RM58 bilion? Nombor satu.

Nombor dua, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa Akaun Mengurus kita ada surplus. Jadi ini bermakna kita telah ambil terlebih, ambil duit Petronas tetapi surplus itu telah dimasukkan kepada Akaun Pembangunan. Jadi kalau ada surplus akaun mengurus dan duit untuk pembangunan ini ialah kita ambil daripada pinjaman, kenapa kita jual aset? Itu soalan saya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Okey terima kasih. Bagi menjawab persoalan yang pertamanya daripada Yang Berhormat Pasir Salak. Kerja-kerja pembangunan ini Yang Berhormat Pasir Salak seperti yang telah kita bentangkan antaranya ialah membina sekolah-sekolah baharu, membina hospital, membina lebuh raya ataupun jalan-jalan raya yang baharu dan projek-projek pembangunan yang biasanya kita ketahuilah. Ini memang kita ambil daripada duit yang kita *raise* daripada MGI dan MGS ini untuk kita gunakan.

Defisit belanjawan tahunan kita ini bukanlah merupakan suatu kita katanya perkara yang baharu dilakukan. Semasa kerajaan yang terdahulu pun pada tahun 2017, jumlah pinjaman yang kita buat adalah sebanyak RM40 bilion, tahun 2017. Tahun 2018 mengambil alih bajet yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh kerajaan terdahulu dan diteruskan oleh kerajaan yang kemudiannya, pada tahun itu hutang yang kita ambil adalah sebanyak RM53 bilion. Jadi defisit daripada bajet kita ialah kita ambil daripada hutang yang kita *raise* sama ada melalui MGS ataupun melalui MGI.

Hutang-hutang melalui MGS ini kita tidak perlu bawa ke Dewan ini kerana dalam Akta Pinjaman itu ia hanya perlu dilakukan, ditransfer begitu sahaja tetapi untuk MGI ini mengikut aktanya kita perlu bawa usul untuk dikemukakan di dalam Dewan ini dan untuk diluluskan sebelum kita *transfer*. Sekejap.

Apa yang ditanya juga oleh Yang Berhormat Arau...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebelum itu Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak tanya...

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sekejap, sekejap bagi saya habis sikit lagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak tanya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Saya bagi, saya bagi.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: You tidak jawab habis tadi.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Nanti sat, saya jawab.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *How are you going to pay back the loan? The RM22 billion. You belanja untuk sekolah, untuk jalan apa semua ini ia tidak memberikan pulangan dari segi duit. So where are you going to get the money to payback that RM22 billion?*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *That is why I want to ask.*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Jadi Tuan Yang di-Pertua, hutang-hutang negara ini ialah macam kita sebut tadi ia apabila bajet kita defisit sahaja, memang kita perlu berhutang untuk memastikan bahawa kerja-kerja pembangunan yang telah kita bentangkan dipersetujui dalam Dewan ini hendak dilaksanakan perlu ada dana, jadi daripada dana ini.

Kemudian, untuk menjawab apa disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi, mana yang kita hendak bayarnya. Sebahagiannya apabila hutang ini sudah pun matang, kita membuat apa yang dipanggil *rollover*. Maknanya kita bayar hutang sebahagian dan kemudian kita *raise* hutang yang baharu untuk membayar hutang yang lama dan di samping sebahagian lebihannya kita gunakan untuk pembangunan.

This has been the practice sebab *until and unless* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kita mampu untuk meningkatkan hasil negara yang begitu besar sehingga kita boleh capai paling-paling tidak pun kalau tidak *a surplus budget* pun, *near balance budget*. Itu akan menyebabkan kita sedikit demi sedikit akan dapat mengurangkan hutang-hutang kita ini kerana permintaan untuk kerja-kerja pembangunan dan sebagainya ini memang masih besar.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sekejap bagi yang tadi yang...

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sini Yang Berhormat Timbalan Menteri. Geng, geng. Genglah dulu.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Hendak bagi, hendak bagi. Tadi Yang Berhormat Arau tadi. Yang Berhormat Arau bukan RM22 bilion ini sahaja, sepanjang tahun kita memang telah *plan*. Ini memang pegawai-pegawai kita yang telah mahir dalam bidang ini kita tahu berapa banyak hutang yang—ataupun berapa banyak yang kita perlukan untuk membiayai kerja-kerja pembangunan ini untuk satu tahun. Jadi mereka telah *design* bila kita hendak *raise fund* ini dan kemudian ada masanya yang

kita dalam bulan tersebut kita hendak kena tebus balik hutang kita yang lama dan sebagainya.

■1550

Jadi, RM22 bilion ini adalah sebahagian daripada hutang yang perlu kita buat pada tahun 2019. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa bagi tahun 2019 kita menghadapi defisit, *absolute value* ia adalah RM52 bilion. Jadi, RM22 bilion ini hanyalah sebahagian daripada *series of*- kita *raised* untuk dapatkan pinjaman. Kemudian ada masanya yang kita perlu tebus balik hutang-hutang yang sudah sampai masa dan ketikanya. So, ia bukan RM22 bilion sahaja.

Jadi, yang Yang Berhormat Arau tadi mana lagi pergi duit aset yang dijual? Saya ingat sebahagian aset yang dijual milik khazanah, mereka akan membuat perancangan-perancangan lain untuk mereka *invest* dalam projek-projek baharu dan sebagainya. Berapa yang telah kita ataupun kerajaan sendiri telah jual? Itu saya minta untuk memberi jawapan secara bertulis kerana saya tidak ada maklumat secara *detail* pada saya sekarang ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bagus, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri cukup hebat. Saya rasa saya cukup seronok. Ini ialah Timbalan Menteri yang terbaik.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Arau, bagilah sedikit.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ada hendak tanya lagi kah?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi saya hendak tanya yang duit RM22 bilion ini. Saya tengok yang pertama, Jabatan Perdana Menteri dia telah tulis di bawah Perdana Menteri sekian-sekian banyak iaitu di mana dibagi peruntukan kepada 222 Ahli Parlimen sejumlah RM3.8 juta. Akan tetapi kami hanya dapat RM100 ribu. Yang Berhormat tidak perlu jawab, jawab secara bertulis yang itu. Kenapa dalam bajet dia tulis bagi kepada Ahli Parlimen seramai 222 orang RM3.8 juta seorang termasuk Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi kami Ahli-ahli Parlimen minoriti hanya dapat RM100 ribu. Jadi, adakah duit itu dikira di masuk ke akaun lain yang bersesuaian? Yang Berhormat jawab bertulis, tidak ada masalah.

Oleh sebab tidak ada keperluan untuk kerajaan menjual aset, apakah kerajaan akan memberhentikan penjualan aset? Keduanya, kenapakah di bawah sana terdapat broker-broker yang datang bertanya? Hendak beli syarikat ini, dia kata kena bayar komisen dia. Yang Berhormat tidak perlu jawab, yang Berhormat jawab bertulis sahaja.

Jadi, apakah penjualan aset ini dibuat melalui peneroka ataupun dibuat secara terbuka? Terima kasih. Jawab bertulis, Yang Berhormat, tidak perlu jawab di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri hanya jawab berkaitan dengan usul sahaja.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Sedikit sahaja. Satu minit sahaja, boleh?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Bagi saya selesai dahulu yang Yang Berhormat Arau ini.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Okey.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Saya tidak perlu menjawab secara bertulis sebab apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau itu tadi tentang RM3.5 juta ataupun RM3.8 juta yang diperoleh Ahli Parlimen itu tidak ada kena mengena dengan apa yang kita bincangkan hari ini. Ini kerana itu bawah *operating expenditure*, ia bukan bawah pembangunan. Tentang adanya *middle man* yang pergi *duk* tanya siapa hendak beli apa semua itu, yang itu kalau adapun mereka ini ialah orang-orang yang tidak pernah dilantik oleh mana-mana kerajaan. Dia memang cari makan *kut* itulah Yang Berhormat Arau. Saya bagi kepada Yang Berhormat Mersing.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sepanjang yang saya jadi Ahli Parlimen ini, yang saya tahu kita punya bajet *always deficit for the past 20 years*. Jadi– akan tetapi kita mempunyai dasar-dasar fiskal yang tersusun sehingga kita berhutang tetapi kita boleh bayar hutang. Kalau ikut kepada usul, setiap tahun sama ada kerajaan dahulu atau kerajaan sekarang ia beri komitmen untuk membayar hutang tidak lebih daripada 15 percent daripada hasil pendapatan tahunan daripada cukai.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, ada tidak kita bayar lebih daripada 15 peratus? Atau berapa banyak selama ini kita boleh bayar atau kita terlupa hendak bayar atau tidak boleh bayar? Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Ini kerana kita mempunyai pegawai-pegawai yang bagus, yang sentiasa menasihatkan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berkaitan Yang Berhormat Timbalan Menteri, cukup-cukup berkaitan. Saya ingin menambah yang Yang Berhormat Mersing sebut itu. Dalam bajet sebelum Yang Berhormat Menteri PH mengambil alih, kita membayar hutang ini 11 percent daripada keseluruhan bajet. Akan tetapi dalam bajet 2019, kerajaan PH ini menurunkan pembayaran hutang hanya 10 percent daripada

bajet. Walhal dicanangkan bahawa mereka ingin menurunkan hutang. Pembohong. Terima kasih.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Mersing dan terima kasih yang mencelah kemudian dengan istilah pembohong keluar itu. Kita pada setiap tahun kita memang meletakkan suatu angka untuk kita buat bayaran balik apa yang disebutkan sebagai bayaran khidmat hutang yang kadang-kadang sebahagiannya itu kita tidak dapat hendak turunkan sebenarnya jumlah hutang pokok pun. Akan tetapi hanya untuk hendak servis ia punya ini lah.

Saya boleh sebutkan sebab kebetulan ada angka di depan saya ini. Boleh dengar dan kemudiannya boleh tengoklah sebenarnya siapa yang telah memberikan *debt services*, servis bayaran khidmat hutang (*debt service charges*) ini yang lebih besar, Yang Berhormat Mersing ya. Tidak apalah, siapa hendak kata siapa bohong pun. Pada tahun 2015, RM24.2 bilion. Tahun 2016, 26.48 bilion. Tahun 2017, meningkat RM27.8 bilion. Tahun 2018 sehingga habis, RM30.5 bilion ringgit. Tahun 2018 kalau Yang Berhormat Pontian perasan, sudah pun bertukar kerajaan. Tahun 2019, kita telah *set aside* RM33 bilion untuk *debt services*, servis caj ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya faham. Apa yang saya sebut itu peratus daripada bajet. Peratus kepada bajet, bukan angka ya.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, kalau peratus daripada bajet ini...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Daripada 11 peratus diturun kepada 10 peratus.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Kita tahu GDP meningkat, itu sebenarnya memberi sedikit peluang dan ruang kepada kita untuk membuat pinjaman yang lebih sedikit sebab permohonan kepada kerja-kerja pembangunan ini Tuan Yang di-Pertua, memang banyak. Kita tahu itu.

Jadi, sementara memenuhi kehendak rakyat untuk memperbanyakkan kerja pembangunan ini, di mana yang perlu seperti yang saya sebutkan tadi, memang kita berhasrat untuk memastikan dan ini janji kita juga kepada rating agensi sebab mereka akan *revise downward* sekiranya kalau kita mungkir kepada janji kita untuk membuat penurunan. Memang kita meletakkan sasaran bahawa pada tahun 2017, defisitnya adalah *minus* 2.9 peratus, tahun lepas. Oleh sebab berlaku pelbagai, hendak bayar balik GST nya. Kemudian dengan LHDN bayaran balik dan sebagainya, defisitnya ialah *minus* 3.7 peratus. Tahun ini kita menyasarkan untuk turunkan kepada 3.4 peratus dan kemudiannya pada tahun 2020 dalam sekitar 2.9 peratus begitu.

Jadi, *gradually going down, insya-Allah* dan kita harap apabila ekonomi dapat berkembang dengan baik lagi, FDI banyak masuk lagi dan sebagainya. Kita harap *revenue* kita juga akan bertambah dan dengan yang demikian akan dapat memberikan peluang untuk kita menurunkan lagi defisit kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Seterusnya dapat kita melaksanakannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Jadi, Yang Berhormat Mersing. Saya ingat itu yang dapat saya sebutkan pada hari ini. Sila, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya ingin sedikit sahaja ingin penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat daripada penjelasan panjang lebar daripada Yang Berhormat Menteri, jelas bahawa dari sudut pengurusan kita surplus tidak ada masalah ekonomi. Akan tetapi kalau kita tengok sumbangan yang begitu besar yang diberi daripada sumber Petronas, apa alasan Kerajaan Persekutuan tidak hendak bayar royalti ke negeri yang berhak? Ini adalah satu janji dan memang Petronas bayar setiap tahun kepada Kerajaan Persekutuan. Soalnya, Kerajaan Persekutuan tidak hendak bayar kepada negeri. Jadi, ini menjadi isu. Jadi, itulah yang berlaku contoh di Kelantan sendiri.

■1600

Jadi, kita kena lihat ekonomi sumber ini. Ingat, kalau kita mungkir janji ataupun kita melakukan kezaliman, Allah tidak akan berkat rezeki. Inilah apa kita tengok berlaku hari ini, gali lubang, tutup lubang, gali lubang, tutup lubang. Ini isu yang kita faham daripada masalah pengurusan ekonomi kewangan negara. Jadi, saya minta apa komitmen janji Kerajaan Persekutuan untuk memastikan hak dan hutang rakyat terutama royalti kepada Kelantan dibayar dengan kedudukan ekonomi yang ada pada hari ini. Minta penjelasan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Bukan saya tidak mahu jawab Yang Berhormat Rantau Panjang, tetapi yang ini tidak duduk bawah MOF. Ia duduk di bawah kementerian yang lain. Jadi saya minta maaf, saya tidak dapat hendak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Akan tetapi Yang Berhormat, untuk bajet kita ini, saya hendak sebut lagi sekali, untuk *operating budget* kita ialah bajet yang

surplus. Akan tetapi, bila kita campur sekali dengan pembangunan dan sebagainya, itu yang jadi defisitnya. Walaupun...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, sedikit saja.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Walaupun...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit saja.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Walaupun– Sekejap ya. Walaupun demikian, bagi negeri-negeri yang mempunyai masalah untuk even hendak bayar gaji pegawai kerajaan dan sebagainya, saya ingat Kerajaan Persekutuan tidak pernah mengecewakan negeri-negeri. Bagi mereka yang hadapi untuk hendak bayar gaji pun ada masalah untuk kerajaan negeri, Kerajaan Pusat membantu kerajaan-kerajaan negeri.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit saja.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sudah habis sudah ini. *Duk* bagi soalan tambahan, soalan tambahan saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Okey, ini kali terakhir ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit saja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pasir Salak, terakhir. Yang Berhormat Arau sudah ya.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya– Yang Berhormat Arau duduk lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, sila rehat. Bagi Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duduk. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, saya guna istilah “*rehat*”. Sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya setuju bahawa kerajaan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua lah rehat.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menguruskan kewangan dengan begitu rupa supaya perbelanjaan kita dapat terkawal dan defisit boleh

diturunkan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, benar kah cadangan kerajaan untuk mengecilkan sektor perkhidmatan kerajaan (*civil service*)? Adakah rancangan itu menjadi kenyataan nanti dan benar kah bahawa saiz *civil service* ini akan dikecilkan sehingga menjadi separuh daripada jumlah 1.7 bilion?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini keluar tajuk lain.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Berkenaan, kait juga dengan perbelanjaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Tidak ada kena mengena dengan usul. Sila baca usul.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Duit tadi pengurusan, duit dan kewangan negara yang berhubung dengan pinjaman, *debt servicing is all that* lah. Kita bimbang– Saya bersyarah di merata kampung, saya beritahu kalau sekiranya kerajaan memperkecilkan *civil service* ini, anak-anak kita hendak kerja di mana? Mereka akan jadi Bangla lah. *[Ketawa]*

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, sila jawab.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: *Last* yang itu. Sebenarnya, tidak termasuk pun dalam apa yang kita bincang sebab yang ini adalah untuk kerja-kerja pembangunan. Setahu saya, tidak ada cadangan untuk memperkecilkan bilangan kakitangan awam dan ia akan terus kekal dengan keadaan. Cuma, mungkin perlu bertukar dari segi cara bekerja, mengambil kira *the advancement of the technology* dengan IR 4.0 yang sedang melanda.

Jadi saya rasa itu sahaja, sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: KPI Yang Berhormat Menteri ...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam aturan urusan mesyuarat hari ini di bawah perkara empat hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

AKTA KASTAM 1967**4.04 ptg.**

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang ditetapkan padanya oleh subseksyen 11(2) Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam yang dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut, bilangan ST.106, ST.107 dan ST.108 bagi tahun 2019 disahkan.”

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini mengambil ketetapan yang telah saya sebutkan tadi.

Pertama, Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Pelanjutan) 2019. [P.U.(A) 95/2019] bertarikh 29 Mac 2019 iaitu kertas statut, bilangan ST.106. Perintah ini diwartakan bertujuan melanjutkan tempoh kuat kuasa Perintah Kastam iaitu Duti Anti-Lambakan 2014 iaitu P.U.(A) 81/2014 dan Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) 2016 iaitu P.U.(A) 239/2016 yang mengenakan Duti Anti-Lambakan pada kadar 19.74 peratus ke atas import *cellulose fiber reinforced cement flat* dan *pattern sheets* dan khususnya mengecualikan *external roofing* yang diimport atau berasal dari syarikat *Mahaphant Fibre-Cement Public Company Limited, Thailand*. Pengenaan Duti Anti-Lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 iaitu Akta 504 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 iaitu Akta 235 dan berkuat kuasa bagi tempoh mulai 30 Mac 2019 hingga 26 September 2019.

Kedua, Perintah Kastam iaitu Duti Anti-Lambakan (Pembatalan) (No.2) 2019. [P.U.(A) 128/2019] bertarikh 8 Mei 2019 iaitu kertas statut, bilangan ST.107. Perintah ini diwartakan bertujuan membatalkan Perintah Kastam Duti-Anti Lambakan (No.2) 2016 iaitu P.U.(A) 144/2016 yang telah diwartakan pada 23 Mei 2016 bagi tempoh mulai 24 Mei 2016 hingga 23 Mei 2021 dengan tujuan mengenakan Duti Anti-Lambakan ke atas import keluli aloi dan bukan aloi, gegelung gulungan sejuk atau *Cold-Rolled Coils* (CRC) yang mempunyai ketebalan antara *point* 2mm hingga 2.6mm dan kelebaran antara 700mm hingga 1300mm tidak termasuk plat hitam kilang timah dan dagangan subjek yang diimport bagi maksud penggunaan akhir automatik daripada semua gred dan spesifikasi yang berasal atau diimport dari Republik Rakyat China, Republik Korea dan Republik Sosialis Vietnam dengan kadar 3.06 peratus hingga 23.78 peratus.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempengerusikan Mesyuarat]

Pembatalan perintah ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 iaitu Akta 504 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 iaitu Akta 235 dan berkuat kuasa pada 8 Mei 2019.

Ketiga, Perintah Kastam iaitu Duti Anti-Lambakan (Kajian Semula Pentadbiran) 2019 iaitu P.U.(A) 127/2019 bertarikh 8 Mei 2019 iaitu kertas statut, bilangan ST.108. Perintah ini diwartakan bertujuan untuk mengenakan Duti Anti-Lambakan ke atas import keluli aloi dan bukan aloi, gegelung gulungan sejuk atau *Cold-Rolled Coils* (CRC) yang mempunyai ketebalan antara *point* 2mm hingga 2.6mm dan kelebaran antara 700mm hingga 1300mm, tidak termasuk plat hitam kilang timah dan dagangan subjek yang diimport bagi maksud penggunaan akhir automatik daripada semua gred dan spesifikasi yang berasal atau diimport dari Republik Rakyat China, Republik Korea dan Republik Sosialis Vietnam pada kadar 0 peratus hingga 42.08 peratus. Pengenaan Duti Anti-Lambakan ini dibuat selaras dengan peraturan di bawah seksyen 24 Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 iaitu Akta 504 dan subseksyen 11(1) Akta Kastam 1967 iaitu Akta 235 dan berkuat kuasa bagi tempoh mulai 8 Mei 2019 hingga 23 Mei 2021.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

■1610

4.10 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, ini perkara teknikal ya. Saya cuba memahami apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya pun faham juga ya. Tujuannya ialah untuk melindungi industri tempatan, industri keluli aloi dan lain-lain yang disenaraikan. Hal ini kerana Republik Rakyat China, Republik Korea, Republik Sosialis Vietnam menjual dengan harga murah kepada pasaran tempatan Malaysia. Akan tetapi, oleh kerana kita hendak melindungi tauke-tauke, maka kita kenakan duti supaya tidak dijual dengan harga murah.

Apakah kesan buruk kepada negara kita? Kesan buruk kepada negara kita ialah sepatutnya kita memiliki segala barang-barang yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi dengan harga yang lebih murah tapi tidak dapat dengan harga yang lebih murah. Maka segala ini akan meningkat harga itu di pasaran Malaysia. Ini satu perkara yang tidak bagus tentang apa yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri.

Saya bukan hendak bergaduh dengan Timbalan Menteri ya. Timbalan Menteri kawan saya. Kawan jumpa dalam surau selalu. Kita berkawan. Akan tetapi ini adalah prinsip terhadap apa yang dibentangkan. Ini, pada saya, prinsip ini tidak bagus. Kalau kita dapat segalanya lebih murah daripada negara luar dan boleh menimbulkan kos yang lebih murah untuk bahan-bahan pembinaan, kenapa kita perlu letak duti import dan duti anti lambakan? Ini dari segi prinsipnya saya tidak bersetuju. Akan tetapi dari segi apa yang hendak dibuat ini, saya rasa akan lulus jugalah walau bagaimanapun.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Pontian, sedikit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu perkara pertama. Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada celahan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalau Yang Berhormat Pontian berhujah sedemikian atas hujahan tersebut, adakah ini akan memberi implikasi bahawasanya segala pembinaan rumah mampu milik itu tidak akan tercapai hasratnya kerana input kepada proses pembinaan itu sudah ditinggikan kerana kerajaan mengambil keuntungan kerana GST telah dimansuhkan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tujuannya, Yang Berhormat Paya Besar, adalah untuk melindungi industri tempatan, tauke-tauke besi keluli ini dan mereka yang membuat bantahan-bantahan. Ada kaedah-kaedah bantahan-bantahannya. Lepas itu pegawai-pegawai kastam kena pergi ke negara-negara berkaitan membuat pemeriksaan. Macam-macamlah kaedah-kaedah sehingga kita dapat mengenakan sejumlah duti anti lambakan yang tertentu.

Akan tetapi, akhirnya adakah ia berkesan untuk melindungi industri tempatan? Industri tempatan terutamanya besi keluli ini perlu cekap dan berdaya saing di peringkat antarabangsa. Kalau negara China, negara Korea, negara Vietnam boleh mengeluarkan sebegini rendah harga dengan kos yang begitu, kenapa negara kita tidak boleh? Kalau negara kita boleh, maka dengan sendirinya tidak adalah duti ini dan segala kos-kos pembinaan itu akan menjadi murah. Itu perkara pertama yang saya ingin timbulkan.

Perkara kedua, yang akhir, ialah pada 2 Januari 2019 di muka depan akhbar-akhbar yang tertentu, gambar lambakan sisa plastik Amerika Syarikat di Pelabuhan Klang. Saya ingin maklumkan di sini terutamanya pihak kastam, Malaysia mengimport

bahan buangan sisa pepejal daripada Amerika Syarikat sebanyak 192,000 tan metrik sisa plastik sejak kerajaan baharu ini iaitu 132 peratus kenaikan. Ini patutnya ada duti anti lambakan.

Apa yang berlaku, Malaysia menjadi tong sampah dunia, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Walaupun kita sekejap lagi balik, lepas ini kita berjumpa bulan Oktober, tapi ini perkara yang saya ingin nyatakan sebagai ucapan terakhir sesi ini di Dewan ini. Jangan jadikan Malaysia sebagai tong sampah dunia kerana kita salah memberi duit anti lambakan. Ini patut dikenakan duti anti lambakan dan kita patut mengharamkan import bahan buangan sisa pepejal.

Negara China sudah tolak sudah tetapi Malaysia pula yang menerimanya, Tuan Yang di-Pertua. Akhirnya, segalanya akan berlambak di negara Malaysia ini dan mencemar seluruh kehidupan kita.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, terima kasih. Kita tengok sisa yang ada di Kuantan ini minta dikeluarkan, yang lain minta dimasukkan. Ini nampak ada sedikit *contradict* dari segi—ada apa-apa masalah kah? Yang ada di Malaysia termasuk Lynas untuk dikeluarkan tetapi di US diimport masuk. Macam mana pandangan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Sebelum PRU ke-14, bantahan besar-besaran terhadap Lynas. Selepas PRU ke-14, pusingan 'U' besar-besaran menerima Lynas. Ah! Masuk pula Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin mengatakan sekali lagi, jangan jadikan Malaysia sebagai tong sampah dunia kerana bahan buangan sisa pepejal sejak kerajaan baharu ini memerintah...

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Pontian, sedikit sahaja. Puncak Borneo.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ... sebanyak 132 peratus kenaikan lambakan sisa plastik Amerika Syarikat. Terima kasih. Saya harap kastam mengambil tindakan terhadap apa yang saya sebut walaupun dia tidak spesifik menyatakan tentang Kertas Statut 108 Tahun 2019.

Walau bagaimanapun, aloi dan besi tadi ialah untuk *protect* industri tempatan. Ia mendatangkan keburukan dari segi harganya pula untuk industri tempatan terutamanya perumahan. Terima kasih. Terima kasih.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Yang Berhormat Pontian, minta sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Pontian.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya menyokong.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Puncak Borneo minta sedikit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia hendak penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Boleh mencelah nanti semasa Yang Berhormat Arau berucap. Saya menjemput Yang Berhormat Arau. Saya bagi tempoh masa 10 minit boleh?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh, 10 minit cukup. Tidak sampai pun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini hari-hari terakhir ini, kita berdamai sikitlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi tempoh lima minit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: 10 lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

4.16 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama sekali, saya hendak bagi KPI Timbalan Menteri. Yang lain saya akan jawab persidangan akan datang ya. KPI Timbalan Menteri ini yang terbagus, terbaik. Saya sokong usul yang dibawa dan usul ini saya hendak beritahu Yang Berhormat, sekali gus memberi ruang kepada usaha untuk menggalakkan industri tempatan. Kehebatan rakyat untuk membeli barang-barangan berjenama atau barang murah tidak akan menolong rakyat. Menolong kepuasan sahaja. Tidak akan menolong rakyat untuk mengerakkan ekonomi.

Kita lihat contohnya macam di Jepun, subsidi pertanian dibagi begitu tinggi. Rugi kerajaan tetapi sekurang-kurangnya aktiviti pertanian boleh menghidupkan usaha petani. Jadi, teruskan dan janganjadikan Malaysia negara lambakan. Sekarang ini kita tahu barang-barang murah yang masuk ke negara ini menyebabkan kita berlumba-lumba untuk membeli barang murah. Kita tidak untung apa, kita akan rugi. Sebab, kita

hanya untung kepuasan. Patutnya industri itu walaupun mahal tapi biar dilaksanakan di sini. Kalau tidak, kita akan menghadapi masalah.

Kita ambil contoh beras, Yang Berhormat. Beras kita boleh import harga murah, seluruh 100 percent, dan kita akan dapat harga murah tetapi kerajaan bagi syarat import hanya 40 percent, 60 percent mesti diusahakan di sini dan diberi subsidi. Walaupun kerajaan rugi tetapi rakyat ada peluang pekerjaan dan rakyat tidak bergantung kepada negara luar. Sepatutnya kita mesti— matlamat kita ialah tidak bergantung kepada negara luar. Saya sokong usul yang dibawa ini untuk memberi pelindungan kepada industri tempatan.

Mungkin lain sedikit daripada Yang Berhormat Pontian tetapi tidak apa, kami lain sikit kadang-kadang tetapi pada dasarnya saya minta supaya usaha dibuat untuk memastikan industri tempatan berterusan.

Akhir sekali, Yang Berhormat, saya bersiap-siaga untuk berucap dalam Rang undang-undang Mata Wang tapi malangnya telah ditarik balik dengan hebatnya. Jadi, saya sedih. Jadi dengan itu, saya minta, saya hendak sebut juga sedikit sebab di bawah Menteri Kewangan supaya benda ini diberi perhatian.

Yang Berhormat, pasaran ekuiti dalam dunia tiap-tiap hari, *daily*, RM1 trilion diniagakan. Akan tetapi pasaran Forex RM5 trilion. Singapura mengiktiraf Forex, Indonesia mengiktiraf Forex. Malah pasaran Forex di Indonesia cukup besar. Sebab apa, bila kita mengiktiraf Forex, sekurang-kurangnya kerajaan dapat kenakan fi tertentu dan kemudian kita untung. Thailand dalam proses untuk mengiktiraf Forex. Tetapi Malaysia kita dengan undang-undang yang ada yang ketat, kita hanya benarkan Bank Negara dan bank-bank menjalankan perniagaan Forex dan individu di Malaysia banyak yang main Forex terpaksa main melalui Singapura. Jadi, kita rugi, Yang Berhormat.

Kalau boleh, masukkan di bawah Rang undang-undang Mata Wang, pertimbangkan Forex untuk disahkan kerana pasarannya terlampaui besar— RM5 trilion. Yang terbesar. Dalam semua pasaran perniagaan ini, Forex yang tertinggi. Kenapa kita tidak benarkan individu bersama? Kita hanya benarkan Bank Negara dan juga bank-bank.

■1620

Masalah *regulator*, saya ingat itu kita kena atur. Fasal apa Singapore boleh buat? Kenapa Indonesia boleh buat? Kenapa negara-negara lain di dunia boleh buat? Kenapa Malaysia tidak buat? Ini supaya kita dapat fi tertentu untuk perniagaan dibuat dan sekali gus saya percaya boleh mengelakkan ekonomi hitam, pasaran hitam yang mana perniagaannya... [Disampuk] *Black economy* dengan izin, yang lebih besar daripada

cukai. Sebanyak RM30 bilion dapat kita hapuskan dengan membenarkan Forex diperniagakan.

Jadi Yang Berhormat, saya menyokong sebab Yang Berhormat adalah yang terbaik. Okey. Baik daripada Yang Berhormat Menteri Undang-undang.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih. Tidak ada yang lain-lain ya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pontian, sahabat saya. Dia sebut sahabat, sahabatlah. Akan tetapi terima kasih juga kerana Yang Berhormat Pontian cuba untuk mengelirukan Dewan kerana bukan tujuan kita membuat usul ini ialah untuk melindungi mana-mana pengeluar tempatan.

Sebenarnya Yang Berhormat, bila berlaku satu aduan, aduan dibuat, maka apa yang perlu kita buat ialah kita siasat dahulu. Kalau macam Yang Berhormat Arau sebut tadi, memang satu barang itu dibawa dari luar dan harganya murah dan tidak memberi apa-apa kesan kepada pengeluar tempatan. Pengeluar tempatan pun tidak kompelin ya. Maka, tidak ada masalah apa. Ia bermula dengan aduan yang dibuat oleh *local entrepreneur* mengatakan bahawa barang— contoh yang diberi dalam ini, contohnya *flagship* yang dibawa daripada satu kompeni daripada Thailand. Mereka bawa masuk dan jual di Malaysia dengan harga lebih murah daripada harga yang dikeluarkan daripada kilang di Thailand.

Oleh yang demikian, ini sengaja dibuat untuk merosakkan usahawan tempatan kita yang mengeluarkan produk yang serupa. Jadi oleh yang demikian, kita memang tidak boleh hendak biar ini berlaku dan dalam WTO yang ada, memang ini dibenarkan. Oleh sebab itu, betul seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Pontian, maka pegawai kita yang mengesahkan bahawa sebenarnya berlaku akan ke sana, sahkan sebenarnya mereka jual dengan harga yang lebih murah daripada harga yang mereka keluarkan daripada kilang mereka dan membuat beberapa perkiraan dan yang lain. Itu menyebabkan akhirnya kita membuat keputusan berapa *duty import* yang kita hendak kenakan kepada syarikat-syarikat ini.

Jadi Yang Berhormat Pontian, bukan kerana kita hendak jaga tauke dua atau tiga orang dekat Malaysia, memang hendak jaga pun, kalau memang mereka *genuine*. Akan tetapi kalau mereka dianiyai oleh mana-mana pengeluar asing yang membuatkan, yang melambak — itu nama pun duti anti-lambakan sebab ia lambak dengan harga yang jauh lebih murah daripada yang dikeluarkan di kilang, guna untuk mematikan industri tempatan kita. Pada ketika itu Yang Berhormat Pontian, adalah sangat wajar bagi mana-mana kerajaan yang bertanggungjawab untuk menjaga anak yang di rumah dan jangan dibiarkan mereka ini dianiyai oleh pengeluar-pengeluar luar

yang melambak dengan tujuan akhirnya membunuh industri tempatan dan mereka akan menguasai pasaran selepas itu.

Jadi, itu tujuan yang kita ini dan nampak gaya saya dengan Yang Berhormat Arau ini *wavelength against* Yang Berhormat Pontian hari ini. Sebenarnya ini adalah sebenarnya tujuan yang kita buat untuk ...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, saya tahu. Dulu saya yang menjawab perkara yang sama di situ.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Ya, sudah tahu. Sudah tahu awat cuba mengelirukan Dewan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya tahu, saya tahu tetapi saya tahu kesannya apa, kesan jangka panjangnya apa. Kesan jangka panjangnya, ia tidak akan menurunkan harga produk utama untuk pembinaan. Itu dia.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Tidak, kesannya ialah kita dapat *protect local producers* kita dengan izin, yang sebenarnya memang itulah harga yang mereka kena jual. Kita kenakan duti anti-lambakan ini kerana pengeluar yang di luar itu mereka menjual dalam negara kita dengan harga lebih murah daripada dia keluarkan dalam negara dia. Sudah tentu ini tidak kena, ini lambakan. Ini praktis yang dibuat oleh mana-mana negara yang *sensible* dalam hendak menjaga industri tempatannya. Jadi, saya ingat itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, tidak jawab saya punya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dan lambakan sampah tidak dijawab. Sisa plastik... [*Pembesar suara dimatikan*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya hendak teruskan.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Sisa plastik juga tidak termasuk dalam perbincangan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, saya harap kastam mengambil tindakan sisa plastik lambakan sampah dunia.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian dulu Menteri, tidak faham kah?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya fahamlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi putuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 5 yang telah dibentangkan sebagai Bilangan ST106, ST107 dan ST108 bagi tahun 2019 disahkan dan hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

**MENARIK BALIK USUL
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

4.26 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menarik balik usul di Nombor 6, Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baiklah.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Sokong.

USUL MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
PELANTIKAN AHLI JAWATANKUASA PEMILIH DI BAWAH P.M. 76

4.26 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan 76, Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, saya mohon mencadangkan supaya Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob iaitu Ahli Parlimen Bera menggantikan Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi iaitu Ahli Parlimen Bagan Datuk sebagai salah seorang daripada enam Ahli Jawatankuasa Pemilih di bawah Peraturan Mesyuarat 76 untuk tempoh Parlimen Keempat Belas."

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada yang menyokong?

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ialah usul Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini terbuka untuk dibahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat sidang Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas 2019 telah berlangsung selama 12 hari mulai dari hari Isnin, 1 Julai 2019 sehingga hari Khamis, 18 Julai 2019. Seperti mana semua Ahli Yang Berhormat sedia maklum, persidangan ini menyaksikan detik bersejarah iaitu genap setahun kita mula bersidang sebagai Ahli Dewan Rakyat bagi Parlimen Keempat Belas. *[Tepuk]* Sejarah telah tercipta apabila pada hari Selasa, 18 Julai 2019 yang lalu, pindaan Perlembagaan Persekutuan telah berjaya kita persetujui dengan sebulat suara. *[Tepuk]* Kejayaan ini menunjukkan kemajuan dan kematangan politik di negara kita khususnya semua Ahli Yang Berhormat.

Saya sebagai Timbalan Yang di-Pertua dan mewakili kedua-dua Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua, merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberikan kerjasama bagi membolehkan perjalanan Majlis mesyuarat ini dapat disempurnakan sepanjang tempoh 12 hari ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen Malaysia, khususnya Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, wakil media massa serta semua pihak yang turut terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam pengendalian urusan Majlis mesyuarat sepanjang tempoh Dewan kali ini bersidang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya turut ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha yang *insya-Allah* dijangka akan disambut pada hari Ahad, 11 Ogos 2019 kelak. Juga kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan semua Muslimin yang akan berangkat ke tanah suci Makkah al-Mukarramah, semoga mendapat haji yang mabrur dan dipermudahkan urusan di sana. Saya juga ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Kemerdekaan Ke-62 tahun Negara Malaysia

yang tercinta ini. Semoga negara kita terus berada di landasan yang betul dalam mencapai kemajuannya.

Dari Langkawi ke Iskandar Puteri,

Beli suasa di Kota Tinggi,

Selesai sudah tugas diberi,

Mesyuarat ketiga bersua lagi.

Akhir kalam, saya ingin mengucapkan kepada semua selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing. Semoga Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa sihat walafiat di samping keluarga tersayang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan hingga ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 4.31 petang]